TUN TAN CHENG LOCK

SMN; DPMJ; (Joh); CBE; KBE; JP.

# "The Sage of Malacca"

---

# A BRIEF MEMOIR

*by*

THOMAS R. P. DAWSON, M. COM.

KUALA LUMPUR.

$1|50
Price [redacted]

# "A DISTINGUISHED MALAYAN PATRIOT

AND

AN INTERNATIONAL FIGURE"



TUN TAN CHENG LOCK

SMN; DPMJ; (Joh); CBE; KBE; J.P.

# DETIK-DETIK
# Sejarah Hidup
# TUK KENALI

(Edisi Rumi: Dengan Tambahan)

Cetakan Pertama ... ... 2001

**'ABDULLAH AL-QARI B. HJ. SALLEH**
(A.Q.H.A.S.)

**© Hakcipta terpelihara. Mana-mana bahagian dalam buku ini tidak boleh dicetak semula, disalin atau dipindahkan dengan apa jua cara sekalipun, sama ada dengan komputer, fotokopi, filem dan sebagainya sebelum mendapat kebenaran daripada penerbitnya secara bertulis.**

Diterbitkan oleh:

AL-HIDAYAH

ILMU CAHAYA KEHIDUPAN

AL-HIDAYAH PUBLISHERS
3-1, Komplek Udarama,
Jalan 1/64A Off Jalan Ipoh,
50350 Kuala Lumpur.
Tel: 03-40420733. Fax: 03-40444733.
laman web: www.hidayah.com.my
E-mail: ahidayah@tm.net.my

dicetak oleh:
PERCETAKAN PUTRAJAYA SDN. BHD.

M
922.9709595121
ABD

M
1065981

16 MAY 2002
Perpustakaan Negara
Malaysia

# KATA PENERBIT

بسم الله الرحمن الرحيم

Dengan Nama Allah Yang Maha
Pemurah Lagi Maha Penyayang

Segala puji-pujian kehadrat Allah SWT yang telah mengurniakan kepada kita nikmat dan rahmat-Nya yang banyaknya tiada terhingga. Mudah-mudahan dengan rasa kesyukuran yang sama-sama kita amalkan ini sebagai tanda terima kasih kepada Dia yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih. Tidak lupa juga kepada insan yang mulia lagi terpuji junjungan Nabi yang Agung Muhammad bin Abdullah S.A.W. Marilah kita bersama-sama berselawat ke baginda sesungguh nya dialah kekasih Tuhan yang telah menyelamatkan dunia dan segala isinya dari segala kemusnahan dan membawa kepada keselamatan. Islam yang dibawa oleh baginda terbukti mengembalikan tammadun dan peradaban manusia sejagat ke suatu dimensi penghidupan yang unggul yang belum mampu dilakukan oleh mana-mana sistem yang dipelopori oleh akal manusia. Oleh itu marilah kita menyatakan rasa syukur dengan penuh rasa kebesaran Tuhan bahawa kita adalah makhluk yang kerdil dan tidak berdaya membalas seluruh pengorbanan yang dilakukan oleh baginda.

Alhamdulillah, kami selalu penerbit begitu menghargai pengarang buku ini Al Ustaz Abdullah al Qari yang tiada jemu-jemu menulis dan menyusun semula karya-karya agung yang dapat dimanfaatkan oleh generasi kini. Dengan kemurahan Tuhan Azzawajallah dapatlah kami menerbitkan sebahagian besar sumbangan beliau dan sikap beliau yang begitu optimis dan didikasi itu menjadi inspirasi bagi kami

untuk berusaha menerbitkan banyak lagi karya sumbangan beliau di masa-masa akan datang.

Kami juga berterima kasih kepada semua pihak yang telah menjayakan penerbitan ini dan malah diharapkan di masa-masa mendatang usaha dan kerjasama semacam ini ditingkatkan bagi menampung keperluan yang semakin mendadak. Ini adalah kerana kesedaran dan pemikiran baru yang sedang melanda seluruh peringkat masyarakat memerlukan ilmu berteraskan pemikiran baru bagi menangani gelombang globalisasi. Sebab itu kami tekad dan terus berazam untuk melangkah lebih jauh bukan sebagai cara meraih keuntungan tetapi hakikatnya memastikan agar ilmu yang dimiliki oleh umat terdahulu dapat dihayati sepenuhnya bagi melahirkan masyarakat madani.

Sebab itu kami amat menghargai usaha yang dilakukan oleh al Ustaz, yang mahu tidak mahu kami berusaha sekadar yang termampu untuk menyebarluaskan ilmu yang itu untuk kepentingan generasi hari ini, esok dan selamanya.

Akhir sekali terima kasih kepada mereka yang telah menyempurnakan tanggungjawab ini dengan sempurna di samping kita turut mengharapkan agar Allah SWT terima amal yang kecil ini sebagai amal soleh yang dimanfaat untuk kehidupan di dunia dan di akhirat. Wassalam.

*Penerbit,*
***Al-Hidayah Publishers***

# KANDUNGAN:

**Kandungan** **3**
**Kata Pengantar** **5**
**Ucapan Penghargaan** 7
**Lokasi Mukim Kenali** **8**
**1.** Kenali Dan Sekitarnya 11
**2.** Kelahiran Anak Bertuah 13
**3.** Pendidikan Tuk Kenali 15
**4.** Tuk Kenali Menjadi Budak Kerani 20
**5.** TK Beristeri Di samping Memeluk Kitab 24
**6.** TK Belajar Di bawah Lindungan Ka`bah 26
**7.** Tuk Kenali Dengan Kitab 34
**8.** Tuk Guru Wan Ngah Kesayangan Tuk Kenali 35
**9.** Guru Tuk Kenali Berbakat Pengarang 36
**10.**TK Berkunjung Ke negara Fir`aun 42
**11.**Kegiatan Belajar Tuk Kenali 44
**12.**TK Menangis Teresak-esak Di Makkah 46
**13.**TK Di kampung Badwi 47
**14.**TK Berkawan Dengan Pelajar Jin Islam 49
**15.**TK Di Multazam Ka`bah 52
**16.**TK Pulang Secara Mengejut 54
**17.**TK Membuka Pondok Di kampung Paya 57
**18.**TK Mengajar Sambilan Di Kota 62
**19.**TK Memasuki Gerbang Rumahtangga 65
**20.**TK Berpindah Ke Pondok Kota Bharu 68
**21.**Perpindahan Akhir TK Ke Pondok Kenali 76
Bila Tuk Kenali Terlupa 80
Kenali Dibanjiri Pelajar 81
Ada Soalan Ada Jawapan 83
PJ Di Pondok Kenali 85
Perjalanan Tuk Kenali 87

**22.** Sistem Pendidikan Tuk Kenali 88
**23.** Beberapa Persoalan: 90
(1) Bagaimana Murid Menghafal Tashriif? 90
(2) Penyelesaian TK Berkenaan Tajwid Al-Qur'an 91
(3) Sikap TK Terhadap Lagu Al-Qur'an 92
(4) Pergaduhan Dalam Pondok Kenali 94
(5) TK Menghadapi Kecemburuan Isteri 96
(6) Tuk Kenali Dengan Gambar 98
(7) TK Dengan Mu`jizat Bulan Terbelah 101
(8) Cita-cita TK Hendak Makan Ikan Berual di Kam-
Boja 103
**(9)** Murid Miskin Pulang Bercuti Dengan Cara Kasyaf **104**
**24.** TK Dengan Tabung Pinjam Pelajar 107
**25.** Beberapa Peristiwa Tuk Kenali: 110
(1) TK Dengan Kunjungan `Ulamaa' Dari Masir 110
(2) TK Ke Makkah Setiap Tahun? 112
(3) TK Diusung Ke Kampung Tukul 113
(4) TK Naik Kereta Api Ke Lubuk Tapah 114
(5) TK Berkelah Sambil Berda`wah di Telaga Bina 115
**26.** Tuk Kenali Dengan Cerpen 119
**27.** Tuk Kenali Dengan Tariqat 121
**28.** Tuk Kenali Dengan Kitab-kitab Jawi 125
**29.** TK Dengan Politik Pentadbiran 130
TK Gemar Berpolitik 131
TK Berpolitik Dalam Masjid 131
TK Sebagai Penggerak 133
TK Mengambil Peranan `Ulamaa' Pewaris Nabi 135
TK Dengam Pembangunan 136
TK Dengan Pembangunan Agama Dan Ilmu 138
TK Orang Pertama Memperkatakan Perpaduan Melayu 139

Peribadi TK Dengan Masalah Politik 141
TK Dengan Bendera Penjajah 143
TK Dengan Sya`ir Pentadbiran 144
**30. Sifat Dan Sikap Tuk Kenali 144**
(1) Sifat-sifat Umum Tuk Kenali 144
(2) TK Hidup Sederhana 146
(3) TK Berisifat Istiqaamah 152
**31.Jawatan Dan Tugas Tuk Kenali 154**
**32. Masin Mulut Dan Kebertuahan Tuk Kenali 159**
(1) Tuk Kenali Masin Mulut 159
(2) Kebertuahan Tuk Kenali 163
**33. Amalan-amalan Istimewa Dan Bekalan TK 166**
(1) Amalan-amalan Istimewa Tuk Kenali 166
(2) Bekalan Akhirat Bagi Tuk Kenali 194
**34. Kesakitan Dan Kematian Tuk Kenali 196**
**35. Suasana Di Hari Kematian Tuk Kenali 200**
(1) Suasana Di Hari Kematian 200
(2) Kudis Patah Jentang Mengharum Semerbak 201
(3) Tuk Kenali Dikebumikan 201
(4) Keguguran Dua Bintang Lagi 203
(5) Turut Perginya Isteri Tuk Kenali 203
**36. Cahaya-cahaya Mata Tuk Kenali 208**
**37. Murid-murid TK Yang Cemerlang 226**
(1) Murid TK Yang Menjadi Mufti 230
(2) Murid TK Yang Menjadi Qadhi 230
(3) Murid TK Yang Menjadi Pengarang 231

**38. TK Membuatkan Kelantan Jadi Serambi Makkah 233**

**Wang Ninar Kelantan 234**

# KATA PENGANTAR

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين . والعاقبة للمتقين . والصلاة والسلام

على محمد أشرف المرسلين ، وعلى آله وصحبه أجمعين .

Bukan sedikit orang yang masih menyebut dan mengenangkan *Al-Marhum Tuk Kenali;* dan tidak kurang pula orang yang menuturkan keanehan dan kekeramatannya. Setahun demi setahun dia disebut: ada yang mengatakan beliau seorang `ulamaa' besar,tiada tandingan;dan ada pula yang mengatakan beliau seorang sufi dan **Wali Allah.**

Beberapa makalah,tesis (kajian) dan buku telah pun diterbitkan di dalam perpustakaan Islam,dan perhatian terhadap perjuangan beliau nampaknya makin tajam,antaranya buku-buku dan makalah kami:

1. Sejarah Hidup Tuk Kenali (Pustaka Aman Press,1967)
2. Cerpen-cerpen Tuk Kenali (Pustaka Dian,1969)
3. Detik-detik Sejarah Hidup Tuk Kenali (Pustaka ASA,1988)
4. 12 Cerpen Tuk Kenali (P.ASA, 1988)
5. (Cerpen) Tuk Qadhi Dan Tuk Guru (P.ASA, 1988)
6. 20 Sikap Dan Pandangan Tuk Kenali (P.ASA,1988)
7. Sumbangan Tuk Kenali Kepada Dunia Ilmu (P.ASA,1981 )
8. Kelantan Serambi Makkah Di Zaman Tuk Kenali (P. ASA, 1988)
9. Pusaka Tuk Kenali (P.ASA, 1988)
10. Kekeramatan Tuk Kenali (P.ASA,1991)
11. Tuk Kenali Dan Sumbangannya (makalah)
12. Tuk Kenali Dan Pengaruhnya (makalah)
13. Tuk Kenali Dalam Arena Pentadbiran (Siasah-Politik)

14.**Cerpen Warisan Tuk Kenali** (Kombinasi cerpen: Al-Hidayah Publishers,2001) memuat *12 Cerpen Nasihat Tuk Kenali* dan *9 Warisan Cerpen Ilmuwan TK)*

*Kubur Tuk Kenali diziarahi,ucapan salam dan istighfar di cucuri.*

Tuk Kenali bukan mati;tetapi masih hidup.

Untuk menghidupkan kenangan manis **tokoh 'ulamaa'** dan **pendidik ulung** inilah maka penulis sekali lagi merombak dan menambahkan lagi isi buku ini.

**Serambi Makkah,**
**9 Dzu Al-Hijjah,1421 H. (2001)**

***'ABDULLAH AL-QARI***

# *UCAPAN PENGHARGAAN*

Bagi mengabadikan kata-kata sambutan terhadap buku ini berikutan terbitan pertamanya di tahun 1967,maka di bawah ini baik juga dirakamkan ucapan penghargaan oleh dua orang tokoh pengkaji dan pengarang terkenal,iaitu:

1. **Cetusan kata Al-Ustadz Yusof Zaki Ya`quub:**
   Semasa menerbitkan buku penulis "*Cerpen-cerpen Tuk Kenali*" (1969),di kulit belakang di bawah gambar penulis,antara lain beliau menyentuh:
   *"......antara karyanya yang amat berharga ialah "**Sejarah Hidup Tuk Kenali**" dalam mana beliau merakamkan detik-detik hidup yang paling detail yang pernah ditulis mengenai riwayat hidup Tuk Kenali."*
2. **Cetusan kata Prof. William R.Roff:**
   Semasa pengkaji luar ini datang beberapa kali ke rumah penulis di kala mengkaji sejarah Kelantan terutama mengenai perkembangan dan kebangkitan Islam di Kelantan;sesudah membaca buku ini (dalam tulisan Jawi) dan menandakan beberapa punca kajian,maka beliau merakamkan ucapan penghargaan sebagai berikut:
   *".....buku ini memang menarik perhatian saya. Saya mengucapkan tahni'ah kepada pengaranganya yang telah menghasilkan buku panduan dalam pengkajian saya. Dia banyak mengandungi bahan untuk pengajian sejarah negeri ini."*
   ***Professor William R.Roff,***
   ***Southern Asia Institute,***
   ***Colombia University,***
   ***New York, N.Y. 10027***

# LOKASI MUKIM KENALI




1. Tempat lahir Tuk Kenali,di belakang Masjid Shaalihiy
2. Bekas Pondok Kampung Paya
3. Pondok dan *Dewan Tuk Kenali*
4. Masjid Tuk Kenali
5. Kubur Tuk Kenali
6. Masjid Kubur Tuk Kenali (dekat kediaman penulis)
7. Masjid Shaalihiy Kenali
8. Masjid As-Sultan Ismail Petra
9. **Pustaka ASA** (Angkatan Sayap Al-Islam)
10. Kawasan Istana Negeri

11. Istana Mahkota
12. Sekolah Kebangsaan Kubang Kerian
13. Sekolah Menengah Kubang Kerian
14. Balai Polis Kubang Kerian
15. **Jalan Tuk Kenali**
16. Pejabat Pos Kubang Kerian
17. Pejabat Hewan Negeri Kelantan
18. Pasar Kubang Kerian
19. Bengkel Syarikat Kenderaan Melayu Kelantan
20. **Syarikat Binaan Kenali**
21. Hospital Universiti Sains Malaysia
22. Lorong ke Pondok Tuk Kenali (2)
23. Lorong Kubur Tuk Kenali
24. Kelinik Kubang Kerian
25. **Masjid As-Sunnah,** Taman Al-Qari
26. **Sekolah Rendah Islam (Sri) Al-Qari**



**Pemandangan indah ke pintu masuk ke Istana Negeri**

# 1. KENALI DAN SEKITARNYA

Kelantan sebagai negeri **Serambi Mekah** dan tempat pelancungan terpenting di Pantai Timur adalah kaya dengan tempat-tempat sejarah dan *tokoh-tokoh terkenal* baik tokoh-tokoh Agama,politik,sasterawan dan kebudayaan.

Tanahnya yang keemasan dan tebing sungainya yang keperakan adalah menarikkan minat untuk kita menyiasat hal-hal perkembangan fikiran,Agama dan kebudayaan masyarakatnya yang telah *tumbuh membenih* peringkat demi peringkat sampai ke hari ini.

Kira-kira lima kilometer dari ibu kota negeri Kelantan,**Kota Bharu**,di tepi jalan ke Pasir Puteh, di daerah **Lundang**,di sanalah terletak mukim **Kenali** yang di dalamnya terdapat Kampung Kenali di sebelah timur laut dan Kampung **Kubang Kerian**,di sekitar pasarnya,merupakan sebuah kampung yang dikenali dan kian disebut oleh kebanyakan peminat Agama dan kebudayaan.

Sebuah masjid baru yang tersergam hebat lagi indah bak Masjid Madinah sebagai lambang keagamaan bagi negeri Serambi Mekah telah dibina di tepi Jalan Sultan Yahya;jalan yang menghubungkan Pantai Timur dengan Pantai Barat;tidak jauh dari tempat kelahiran anak bertuah ini.

Bagi seseorang yang telah berada di Perhentian Bas Kota Bharu,maka dia akan menemui banyak kemudahan untuk menjejak kampung ini;sebab dianya terletak di tengah-tengah perjalanan dari Kota Bharu ke Pasir Puteh –Jerteh dan seterusnya ke Trengganu; juga

dari Kota Bharu ke Bacuk ,**Tok Bali** dan Ke Tawang di sebelah tenggaranya.

Sekarang penduduk Kenali melebihi 7,000 orang termasuk pendatang dari luar terletak di bawah pengawasan seorang **Imam** sebagai pengawas dari Majlis Agama Islam Kelantan. Di samping itu dari segi pentadbiran,mukim Kenali dikendalikan oleh beberapa orang Penghulu (Ketua Kampung) yang terletak di bawah seorang Penggawa yang bertugas dengan Ketua Daerah (Jajahan) Kota Bharu,di samping pentadbiran Majlis Perbandaran Kota Bharu.

Di samping bekas sejarah **Pondok Kenali**,kini Kenali mempunyai beberapa tempat pendidikan dan pelajaran Agama dan Akademik, bermula dari Sekolah Kebangsaan Kubang Kerian (di mana penulis mendapat didikan: 1946-1951), Sekolah Menengah Kubang Kerian,Institute Kenali,**Sekolah Rendah Islam (Sri) Al-Qari**,Sekolah Menengah **Ar-Rahmah** Kenali (sempena nama cucu Tuk Kenali) di Padang Seri Paduka,di pinggir Istana Negeri dan lain-lain institusi dan kelas Tambahan.

Di sinilah,pada suatu masa silam telah lahir seorang anak bertuah yang kemudiannya disebut "Awang Kenali" atau "Tuk Kenali" sehingga kampung Kenali dan mukim Kenali menjadi harum mewangi disebut orang sampai ke seluruh Nusantara ini.

# 2. KELAHIRAN ANAK BERTUAH

**"Tuk Leh"** begitulah nama seorang penghuni Kampung Kenali,terkenal seorang yang amat lebai (kuat beragama) sebelum Perang Jepun. Mungkin ia juga sebagai imam,ikutan orang kampung tersebut.

**Tuk Leh** mempunyai beberapa orang anak,antaranya *Hajjah Fatimah,* bakal ibu kepada seorang 'ulamaa' yang membuatkan dia terkenal di dunia sebelah sini. Hajjah Fatimah diperisterikan oleh **Ahmad**,seorang petani yang juga mempunyai sedikit-sebanyak ilmu-pengetahuan Agama untuk pedoman hidup.

Kira-kira pada tahun 1287 Hijriyyah (1870 Masihiyyah) ,di belakang **Masjid Shaalihiy** (Masjid Lama),Kubang Kerian,Kenali,sekarang ini lahirlah seorang putera bertuah yang diberi nama oleh orang tuanya "**Muhammad Yusof B.Ahmad**". Pernah juga disebut sebagai "**Awang**" sahaja;dan kemudiannya dikenal dengan sebutan "**Awang Kenali**" (merupakan suatu perbahasaan bermanja dan sayang kepada jenis lelaki).

Muhammad Yusof dibesarkan dengan menerima didikan yang baik;disebabkan ibunya yang sopan dan *bercita-cita murni* serta pengaruh datuknya yang mematuhi peraturan Agama dan gemarkan beribadat.

Pengaruh bapanya Ahmad,sebagai pesawah yang kadang-kadang bercawat kain menghalau lembu-lembunya ke padang Kenali yang sayup-sayup mata memandang dan suaranya yang lantang memecahkan

kesunyian pagi di kala menghela lembunya ke sawah luas adalah tidak banyak mempengaruhi dia sebagai petani atau anak seorang peladang. Pengaruh itu tidak begitu membenih;sebab tidak berapa lama sesudah itu bapanya dipanggil Tuhan,telah pergi buat selama-lamanya sewaktu dia masih berusia kira-kira lima tahun.



**Masjid Shaalihiy** diasaskan oleh Tuan Hj.Shaalih B.Hj.Mahmud (ipar Tuk Kenali,1938) di mana di belakangnyalah tempat lahir Tuk Kenali.

# 3.PENDIDIKAN TUK KENALI

Di Kampung Kenali atau Kubang Kerian di kala itu belum wujud sebuah sekolah pun sebagai tempat pendidikan;cuma di kala itu dia berbentuk rumah Tuan Guru dan masjid atau surau.

Sekolah Rendah pertama pernah dibangunkan di kampung ini adalah baru pada tahun 1920 bertempat di cabang tiga,iaitu berhampiran kedai Kubang Kerian,di sebelah kanan jalan ke Pasir Puteh diasaskan oleh *Al-Marhum Tuan Haji Shaalih B.Hj.Mahmud* (ipar Tuk Kenali, bekas Penggawa Lundang);manakala Guru Besarnya ialah *En.Wan Shaalih B.Hj.Wan Yusof* ,seorang anak tempatan.

Justeru Tuk Kenali mula belajar dalam suasana keluarga dan kampungnya sendiri,dipelajarinya pelajaran tulis-menulis iaitu daripada Tuk Leh,datuknya sendiri yang agak terpelajar. Kini dia telah boleh membaca;sedang **membaca** itulah merupakan sebuah pintu besar baginya untuk meningkat maju,baik di lapangan ilmu-pengetahuan atau kehidupan.

Sudah menjadi suatu kelaziman,bahawa anak-anak di peringkat ini (enam tahun) adalah telah dapat membaca **Al-Qur'an** dengan lancar,dengan tajwid dan tartilnya. Sebab,suatu tradisi suci yang masih diamalkan oleh kebanyakan orang-orang Melayu ialah tradisi pengantaran anak-anak mengaji Al-Qur'an kepada guru-guru Al-Qur'an.

Pengajaran secara mendengar berulang-ulang dan mengenal lambang-lambang bunyi (huruf Qur'an dan barisnya) adalah amat berkesan kepada anak-anak yang

masih kecil;samalah juga kepada mereka di kala menghafal nyanyi-nyanyi pendek,pantun atau teka-teki tempatan – menjadikan mereka ingat dan lekat di mulut.

Adalah agak aneh cara Tuk Kenali menulis *Jawi* . Dikatakan bahawa sewaktu beliau menulis,maka kalam (pena)nya menjadi semacam berpusing-pusing;dan dikatakan beliau amat pantas menulis. Justeru menjadi sukar orang untuk membacanya.

***Suatu Keganjilan:***

Suatu sifat yang agak istimewa: sifat *ingin mengetahui* dan ingin maju yang terdapat pada kanak-kanak dan menjadi agak istimewa pada Muhammad Yusof ini ialah apabila dia sudah diajarkan guru sesuatu potongan *Ayat Suci* Al-Qur'an,maka pada esoknya dia tidak mahu lagi membaca yang sudah diajarkan itu. Bila dia enggan membaca,gurunya bertanya. Dia menjawab:"*Tuk, apa pula? Kelmarin sudah kelih (lihat –K), patut baca yang lain!*" Gurunya tersenyum mendengar ketepatan tutur-katanya;tambahan pula apa yang sudah diajarkan kelmarin itu memang dia dapat membacanya dengan betul.

Bukanlah suatu perkara yang diada-adakan,bahawa suatu sifat yang menjadi kebiasaan kepada Tuk Kenali semasa kecil dan merupakan suatu *keganjilan* kepadanya ialah semasa dia pulang ke rumah dari **mengaji Qur'an**,maka di tepi bendul rumahnya telah disediakan sebuah pasu air.

Setiba sahaja di tepi pasu itu,maka dicelupkan jari telunjuknya ke air (sebagai dawat);dan kemudian dia pun menuliskan sesuatu di tepi bendul itu. Begitulah keadaannya pada setiap hari,diperbuatnya demikian setibanya dia di rumah,bila pulang dari mengaji. Apa yang ditulis itu mungkin merupakan pelajarannya dan mungkin pula merupakan sesuatu gambaran dalam fikirannya.



**Wajah Sekolah Melayu Kubang Kerian (1948)**
Berdiri di kanan gambar,nombor 2 di barisan kedua,bersongkok ialah penulis(11), gambar bersejarah menggambarkan budaya sekolah dewasa itu.

*Pendidikan Suci:*

Sesudah bapanya meninggal itu,Muhammad Yusof terletak terus di bawah penjagaan datuknya **Tuk Leh**;sedang neneknya (yang perempuan) sendiri sewaktu itu sudah pun meninggal dunia. Jadi,di samping Tuk Leh,maka "**Tuk Mek Ngah**" lah yang mengasuhnya sebagai neneknya yang tiri;manakala ibunya Hajjah Fatimah ikut mengawasi bersama.

Kemujuran memang selalu terdapat di dalam perjuangan hidup bani insan. Tuk Mek Ngah (gelaran kepada **Mak Kecik**) adalah merupakan suatu keberuntungan kepada Tuk Kenali;sebab cara pendidikannya yang teliti terhadap anak-anak. Dijagainya Muhammad Yusof sebagaimana menjaga anaknya sendiri dengan penuh kasih-sayang dan kesedaran *bak menatang minyak yang penuh.*

Suatu penjagaannya yang penting ialah terhadap **makanan-makanan** yang hendak disajikan di rumahtangganya, terutama kepada anak-anak yang tubuhnya sedang membangun dan darah serta urat nadinya sedang meningkat. Sekali-kali dia tidak membenarkan barang-barang jualan di pasar yang dibuat oleh 1001 macam tangan manusia sampai ke mulut cucunya yang masih bersih,bersih dalam *fitrah.* Dibelinya bahan-bahan makanan dari pasar dan kemudian *dimasaknya sendiri.* Dengan cara itu,ekonominya pun terjaga sedikit.

Barang-barang syubhat atau kesamaran,lebih-lebih lagi yang haram;jauh sekali sampai ke tepi rumahnya.



**Al-Marhum As-Sultan Muhammad Yang Keempat**
Pemerintah Kelantan dari tahun 1900 – 1920 M.

# 4.TUK KENALI MENJADI BUDAK KERANI

Di kala usia Muhammad Yusof meningkat mumayyiz (7 tahun),Kelantan belum lagi memungut hasil tanah bagaimana pungutan sekarang. Kelantan bukan memungut hasil tanah tetapi memungut *hasil* tanaman dan perkebunan,iaitu setiap orang empunya tanah mestilah membayar hasil-hasil tanaman dan pengeluaran daripada kebun mereka mengikut kadar hasil atau jumlah padi,durian dan kelapa mereka. Negeri ini tidaklah mengenakan hasil bagi tanah kosong;sebab amatlah tidak adil jika dikenakan kutipan hasilnya.

Untuk tujuan itu, **Tuk Kuwen** (Penggawa,Penghulu) yang mengawasi daerah tertentu di negeri **Cik Siti Wan Kembang** ini melantik seseorang kerani untuk membilang (mendaftar) pokok-pokok buahan dan tanaman rakyat bagi kawasan masing-masing.

Muhammad Yusof yang masih kanak-kanak itu,oleh bakat dan kebolehannya yang agak *istimewa* ,dia dilantik oleh Tuk Kuwen Ahmad (bapa Tuk Kuwen Ismail Kg.Kenali) untuk keluar ke sekitar Kampung Kenali bagi mengira jumlah pokok-pokok durian,duku dan kelapa. Juga untuk melihat luas sawah yang dipergunakan: dicedung atau ditugal.

Sebagai juru kerani Tuk Kuwen, Muhammad Yusof yang masih kanak-kanak itu dapat menjalankan tugas dengan baik;tetapi oleh keadaannya yang serba lemah dan tulangnya yang belum keras,maka kerap kali dia digendung atau didukung bila melalui tempat-tempat semak,parit dalam atau sebagainya.

Di kala ini,hutan-hutan belukar di sini banyak yang belum ditebas;tanah-tanah kosong banyak yang belum dibuka. Suatu pandangan orang Islam yang sampai kini belum lesap bahawa setiap bumi adalah kepunyaan Allah;dan di mana sahaja kita memperoleh bumi yang belum diterokai atau belum diperintahi orang,maka kita dibolehkan membuka dan memerintahnya secara bebas dan halal. Negara tetap kepunyaan Allah.



**Pemandangan indah di Medan Tuan Padang, dekat Muzium Negeri, Kelantan.**

*Melanjutkan Pelajaran Ke Kota:*

Bagi Muhammad Yusof,menjadi kerani bukanlah suatu jawatan kekal. *Kerani* bukanlah tujuan dari pelajaran tulis dan baca;tetapi tujuan pelajaran Tulis-baca adalah lebih daripada itu lagi ialah untuk *kesempurnaan hidup*, hidup bersendikan Agama dan menggunakan pertimbangan akal-fikiran yang sihat.

Kini,usianya sudah meningkat sembilan atau sepuluh tahun;entah siapa yang mengajak dia,dan entah siapa yang mendorong dia;cita-citanya mengembang dan kakinya melangkah,melangkah bukan ke kebun dan ke sawah untuk mengira hasil-mahsul;tetapi digerakkannya ke kota,ke Pulau Saba (*Kota Bharu*,nama barunya),ibu negeri Kelantan sekarang ini.

Dengan berjalan kaki setiap hari tanpa kenderaan,dia mencibuk ilmu. Di ibukota inilah dilepaskannya mata dan fikirannya untuk mempelajari ilmu Agama,terutama **Pelajaran Nahu,** Tatabahasa Arab. Pada pandangannya,bagi seseorang yang hendak mendalami ilmu Agama (Islam),maka bahasa Arab tidak dapat dikesampingkan;bahkan bahasa **Arab** itulah *punca* untuk dapat memahami Kitab Suci Al-Qur'an dan Hadith Nabi shallallaahu `alaihi wasallam.

Jalan sejauh lima kilometer,baginya bukan menjadi kiraan. Kalau seseorang berkehendakkan makanan,ikan dan sayur,maka ke pasarlah ia menggerakkan kakinya. Tetapi bagi dia ke Kota Bharu itu bagai berjalan ke pasar sahaja;malah lebih disukainya dan lebih terasa cepat dari ke pasar di kampungnya sendiri;sebab kalau di hari ini kita mengecap ladzat makanan, esok sudah menghilang;akan

tetapi kesedapan ilmu dan keladzatannya,makin hari *makin terasa* ;dan kerana itu si pemakannya agak menggila,menggilai *kesucian* dan *kemurniannya.*

Bas dan motokar belum ada,kereta lereng pun belum wujud;hanya kereta kuda kerap menggerencing ke kota dan ke desa ditarik oleh kuda-kuda perkasa bagai kuda-kuda tunggangan Dewa-dewi Hindu. *Siapakah yang boleh menaiki kereta ini?* Orang banyak tidak boleh menumpang;sebab dia diistimewakan untuk orang-orang Besar dan keluarga Diraja,orang kayangan.

Bapa kepada **Datuk Perdana Paduka Raja**, *En.Ismail* seorang `ulamaa' terbilang *;di rumahnya dia memberi pengajaran. Di sinilah tempat Tuk Kenali mula menimba ilmu. Tuk Kenali yang masih dikenal dengan nama Muhammad Yusof dan Haji Idris B.Hasan **(kemudiannya menjadi Mufti:1921-1927) yang tinggal di Kampung Sireh adalah murid beliau. Al-Marhumlah guru yang mengajari Tuk Kenali akan *kunci ilmu-pengetahuan*,ilmu Nahu dan Sharafnya.

Dewasa itu Tuk Kenali telah pun dapat mengkhatami kitab-kitab Nahu yang tertentu seperti :

متممة ، الاجرومية ، شيخ خالد (شرح متن الاجرومية) ، ابن عقيل

dan lain-lain.

Di Sungai Budur, Kota Bharu itu ada pula didirikan pondok yang dikenal dengan nama "Pondok Tuan Guru Hj.Ibrahim". Dikatakan Tuk Kenali pernah juga belajar di sini. Demikian juga pada **Tuan Tabal** (Tuan Hj.Ab.Samad B. Mohd.Shaalih : 1816-1891 M.), **Tuan Padang** (Hj.Muhammad) dan belajar pada **Tuan Hj.W.Ismail B.Hj.W.Senik,** Langgar,Kota Bharu.

- kemudian menjadi Qadhi.
- *Mufti,bapa Syaikh `Ab.Rahim, Makkah;meninggal 1927 M.

# 5. TUK KENALI BERISTERI DI SAMPING MEMELUK KITAB

Mengikut tradisi lama, anak-anak perempuan cepat dikahwinkan;sebab bimbang difitnahi orang – bila dipinang tidak diberi;dan lebih cepat lagi jika si ibubapanya mengingini seseorang pemuda (menantu) yang agak berilmu-pengetahuan dan lebai pula;apalagi pada hakikatnya lebih baik cepat kahwin bila perlu,dari melengah-lengahkannya;sebab kahwin itu adalah suatu *Sunnah* (Perjalanan Hidup) Nabi s.a.w.

Syarat penting agar pinangan lelaki diterima oleh pihak isteri ialah *mesti khatam Qur'an* di mana bakal suami boleh membaca Kitab Suci dari Surah Al-Faatihah dan Al-Baqarah sampai ke Juzu' `Amma;dan Juzu' `Amma ingat di mulut.

Melihat Tuk Kenali yang *terang hati*nya,mudah menerima pelajaran dan pernah pula mengajar Ilmu Nahu;di antaranya kitab *Ibnu `Uqail* di kampungnya sendiri,maka hasrat untuk memilikinya sudah memuncak.

Dewasa itu Tuk Kenali sudah pun berjawi (berkhitan) dan keinginan jantinanya telah juga bergolak. Pemandangan mata sepanjang perjalanan sepuluh kilometer pada setiap hari :pergi dan balik dari Kenali ke ibukota, mungkin juga mempengaruhinya untuk cuba berumahtangga,kiranya ada persesuaian jodoh dan ada saling persefahaman,saling menanggung penderitaan dan sama-sama merasa suka dan duka.

"**Mek Nik**" anak perempuan Hj.Shaalih Janggut itu telah besar dan pakuh;tambahan pula,Hj.Shaalih itu menjadi bapa tiri kepada Tuk Kenali.........

Sewaktu itu Muhammad Yusof telah meningkat usia 16 tahun. Tiba-tiba anak dara Hj.Shaalih segera dipertalikan dengan anak lelaki Hajjah Fatimah;dan perkahwinan pun berlangsung.

Tuk Kenali yang begitu sederhana pakaiannya sejak kecil,tidak begitu menarik perhatian muda-mudi;lebih-lebih lagi gadis kampung. Pertemuan telah putus,iaitu sesudah setahun ketidak ada pakatan antara Raja dengan Menteri.

Dalam masyarakat kita, tidak sedikit wujud perkahwinan seperti ini. *Kahwin paksa*, kata orang. Perkahwinan dalam masyarakat lama bukan berlaku dengan pemilihan antara si hak yang akan menegakkan rumahtangga itu sendiri;tetapi antara si ibu dengan si ayah,sama-sama mertua. Kahwin menurut kehendak dan keinginan mertua inilah yang kerap meruntuhkan sendi-sendi pembinaan rumahtangga yang bahagia.

Dalam masa ia menjejak rumahtangga inilah,maka kedua-dua datuknya yang berjasa telah pun pergi,pergi dari dunia yang fana' ini meninggalkan Tuk Kenali buat selama-lamanya.

*Tiada isteri dipelukkan kitab;datuk pula meninggalkan harap!*

"Dengan perceraian ini....", kata Tuk Kenali, "membawakan saya mengambil langkah baru untuk menyambung pelajaran ke Makkah Al-Mukarramah."

# 6. TUK KENALI BELAJAR DI BAWAH LINDUNGAN KA`BAH

Menjelang usia 18 tahun kira-kira pada tahun Hijriyyah 1305 (1887 M.), dengan kemahuan beliau yang keras dan dengan bantuan kenalannya di ibukota,maka beliau dapat belayar ke Tanah Suci *Makkah Al-Mukarramah* dengan tujuan melanjutkan pelajaran Agama di samping melaksanakan Rukun Islam yang kelima.

Beliau bertolak dari Kuala Besar di muara Kelantan dengan kapal layar,kapal perniagaan yang kerap menyusur pantai dari bawah angin membawa barang-barang pertukaran ke atas angin dan sebaliknya.

Perjalanan dari negara kita ke Judah semasa itu memakan masa tidak kurang dari tiga bulan melalui pantai Koromandel dan Malabar di India,melintasi Pulai Mutiara (Ceylon, Colombo) dan Skutra. Dewasa itu tambang kapal ke sana kira-kira seratus ringgit.

Malanglah juga yang menimpa beliau;kerana kapal yang membawa beliau itu telah terpatah layar di tengah lautan menyebabkan pelayarannya memakan masa **enam bulan**;sekali ganda dari perjalanan biasa. Akibat kemalangan itu maka air tawar bekalan kapalnya kehabisan;dan beliau terpaksa meminum *air masin,* air asli dari Lautan Hindi dan Laut Merah untuk santapan jismaninya. Mungkin beliau tidak dapat mengerjakan Haji pada tahun itu. *Ya ! Air masin membawa keberkatan Tuk Kenali* mengharungi lautan perjuangan untuk mencapai cita-citanya yang menjulang tinggi diufuk langit nan biru.

*Bekalan Ke Tanah Suci:*

Di kala beliau menuju ke Kota Suci ini,beliau hanya mendapat wang perbelanjaan daripada ibunya sebanyak RM.22.00. Wang berkat daripada ibunya itulah membawa dia *berjimat-jimat* dan murah pula rezkinya. *Setiap bulan beliau mempunyai wang simpanan sebanyak pemberian ibunya.* Sungguhnya wang simpanan dua puluh dua ringgit itu bukanlah sedikit. Setiap orang sudah merasa kaya kiranya di tangannya *wang berlebih* sekalipun seringgit.

Tiadalah disebut siapa kenalan beliau semasa dalam perjalanan dan semasa sampai di Tanah Aman ini. Pada mulanya beliau tinggal di serambi Masjid Al-Haram sahaja hampir **tujuh bulan** sebagai tetamu Ka`bah bak orang-orang Haji yang datang tanpa syaikh yang mengambil tempat-tempat tidur di sekitar Masjid Al-Haram. Akan tetapi kemudiannya beliau mendapat tempat menginap yang lebih baik. Antara tempat tinggalnya ialah di kampung *Syi`b `Ali,* dekat dengan *Maulid Nabi* (tempat kelahiran Nabi s.a.w.).

Menurut kata beliau sendiri, beliau tidaklah menerima kiriman wang perbelanjaan tahunan daripada ibunya (mungkin sebab kesukaran mengirim di kala itu – P);tetapi beliau adalah mendapat wang sumbangan kira-kira RM.50.00 daripada sahabat-handainya dan dermawan-dermawan dari Kota Bharu. Beliau sedar bahawa ibunya sendiri hidup dalam keadaan yang serba sederhana; hanya cukup makan untuk sesuap pagi dan sesuap petang.

Tuk Kenali telah pun mulai belajar. Semasa belajar di Tanah Suci ini,pakaiannya amat sederhana sekali iaitu beliau hanya memakai *dua helai kain* sahaja;dan terkadang beliau memakai baju tut (baju panjang tanpa kain sarung). Makanannya juga amat sederhana;sebab beliau *betul-betul makan untuk hidup*; bukan sebaliknya hidup untuk makan bak hewan. Dalam detik-detik kehidupannya beliau pernah memasak nasi yang dicampurkan serentak dengan ikan kering agar lauknya mudah terasa menjelira,dan lekas pula dimasak;sebab dimasak bersama-sama.

***Menjadi Juru Masak Pelajar:***

Ada sahajalah rezki di mana kita hidup. Bagi Tuk Kenali,kepandaiannya sebagai juru masak menarik perhatian rakan-rakannya. Antara rakan-rakannya di kala itu ialah Tuk Bacok,Tuk Jelapang dan lain-lain. Tanah-tanah lapang di pinggir Kota Makkah dan tempat-tempat indah lagi bersejarah mengajak orang pergi berkelah,membuang keletihan otak dan kelesuan belajar.

Tuk Kenali kerap diajak serta dalam kumpulan-kumpulan perkelahan penuntut-penuntut Melayu di Tanah Suci. Kawan-kawanya sudah mengerti, Tuk Kenali kurang berwang. Kerana itu beliau dilantik sebagai juru masak yang turut berkelah dengan sumbangan kepandaian dan tenaga.

Falsafah Tuk Kenali semasa di Tanah Suci ialah :*Membeli bila penuh saku,dan berhenti membeli bila tangan kosong. Pemberian Tuhan pantang disangkal.*

Ni`mat Tuhan lebih daripada bilangan rambut,wajib disyukuri.

***Belajar Tanpa Kitab:***

Sebab kekurangan perbelanjaan maka pada peringkat pertamanya beliau belajar secara menadah sahaja kitab kawan tanpa membelinya. Kalau dirasakan perlu,maka beliau mencukupi membaca kitab di kedai-kedai kitab atau di rumah-rumah kawan sahaja;juga *kitab-kitab waqaf* ;tetapi kemudiannya apabila beliau sangat dikasihi gurunya,maka beliau dapat pula meminjam kitab-kitab gurunya.

***Dugaan Hidup Di Tanah Suci:***

Dunia ini adalah `ibarat sebuah gelanggang sukan yang besar,penuh dengan 1001 macam perlumbaan dan pertandingan hidup. Di sanalah manusia diuji oleh Tuhan sejak mereka kecil atau masih dalam Alam Kanak-kanak,sampailah ke masa mereka muda-rumaja dan dewasa.

Tuk Kenali,sejak kecil lagi,bapanya yang dicintai telah meninggal dia buat selama-lama. Kemudian semasa ia meningkat rumaja,ia telah dicubai pula oleh kesukaran mengharungi Lautan Hindi sampai 6 bulan terumbang-ambing di lubuk laut,antara darat ke darat;dan seterusnya sewaktu dia menjejak Tanah Suci Makkah,belanja yang diberikan ibunya hanya tinggal sebanyak RM.22.00 sahaja lagi untuk digunakan selama masa 22 tahun pengajian.

Gambaran ringkas dari perjuangan hidup beliau di Tanah Suci pernah dituturkan beliau kepada salah seorang murid,antara lain berbunyi:

"Di kala saya meninggalkan tanah air saya Semenanjung Tanah Melayu yang tercinta,saya telah diberikan oleh ibu , wang RM. 100.00 termasuk belanja tambang kapal,bekalan dan lain-lain untuk menuju ke Tanah Suci. Di samping itu saya juga telah memperoleh beberapa bantuan daripada dermawan-dermawan Kota Bharu.

Sesampainya saya ke Tanah Suci,wang tadi tinggal lagi sebanyak RM.22.00;menyebabkan saya terpaksa makan nasi bubur sahaja. Kehidupan saya amatlah sederhana: baik tentang pakaian dan tempat kediaman;tidaklah jauh dari kehidupan orang-orang Arab desa (Badwi) yang hidup dengan belas kasihan langit dan dermawan bumi. Mujurlah Masjid Al-Haram itu mempunyai serambi (bahagian luar) tempat saya menginap sampai beberapa bulan.

Memandang langit nan permai,melihat angkasa jernih tanpa awan di malam sunyi sepi,saya merenung lantas terhembus curahan kata-kata daripada kalbu saya yang kecil ini:

"*Allaahumma*..............,wahai Tuhanku,kasihani apalah kiranya kepadaku,hambaMu yang datang dari jauh menumpang bertenggek di Tanah Suci dan di serambi Masjid Al-HaramMu yang mulia.

Kasihanilahku wahai Tuhan Yang Maha Pemurah;penuhilah dadaku dengan ilmu dan penuhi sakuku dengan limpahanMu,baikkanlah makanan dan tempat kedia

anku. Gantikanlah nasi buburku dengan nasi keras yang menyegarkan.

لآ اله إلا أنت ، سبحانك إني كنت من الظالمين

"(Sungguhnya) tiadalah Tuhan selain Engkau (sahaja),Maha Suci Engkau,sungguhnya saya termasuk kalangan yang mendzalimi (diri sendiri)."[Al-Anbiyaa':87]

Peringkat makan nasi bubur (nasi air) sudah pergi,berganti pula dengan pemberian Tuhan yang baru,iaitu nasi keras,nasi biasa yang boleh menyedapkan selera dan menguatkan badan. Do`a Tuk Kenali telah dimakbulkan Tuhan berkat tempat Suci dan Mulia;juga dek keluhan di waktu malam nan sepi.

Sesudah beliau bersyukur terhadap ni`mat yang baru;beliau tidak pula terhenti dari berdo`a;malah dimintanya bertalu-talu pada Allah agar dilimpahkanNya rezki yang banyak,dipohoninya rezki dari penerimaan do`a Nabi Ibrahim di zaman yang silam untuk penghuni Tanah Suci,sebagai rezki yang tidak terputus-putus:

وإذ قال ابراهيم رب اجعل هذا بلدا آمنـا وارزق أهلـه مـن الثمرات من آمن منهم بالله واليوم الآخـر

"Dan (ingatlah) ketika Ibrahim berdo`a:"Wahai Tuhanku,jadikanlah negeri (Makkah) ini negeri yang aman -damai dan rezkikanlah buah-buahan kepada penduduknya iaitu kalangan yang beriman kepada Allah dan kepada Hari Akhirat di antara mereka." [Al-Baqarah: 126]

**Tuhan** tidak pula menghampakan do`a beliau pada kali kedua ini;malah rezkinya telah dilebihkan sampai kehidupannya menjadi hampir sama dengan kehidupan pelajar-pelajar lain. Sewaktu itu tempat tinggal dan pelindungnya telah diperoleh iaitulah **Tuan Guru Wan Ahmad Fatani** yang telah mengambil perhatian dan

bermurah hati membantunya. Di kala itulah kelihatan kadang kala beliau keluar bersama-sama beberapa orang kawan kerana berkelah mengambil udara bersih di padang-padang pasir yang luas saujana mata memandang dan di tepi-tepi bukit yang pejal gondol tanpa pokok.

Antara kawan beliau yang seguru pada Tuk Guru W.Ahmad ialah *Hj.Ibrahim Tuk Raja Kelantan, Tuk Kelaba,Tuk Guru Burmin* (Hj.W.Ahmad Idris),*Pakcu Idris.*

Setelah beliau memperoleh tempat pergantungan yang kuat,memperoleh pokok yang rindang,tempat pergantungan yang bukan sahaja pada kehidupan dunia;tetapi juga pada perkara-perkara Akhirat,maka keadaan pengajiannya adalah *lebih teratur* daripada dahulu. Jika dahulunya beliau belajar secara meminjam kitab-kitab waqaf di Masjid Al-Haram dan dengan hanya membaca kitab di kedai-kedai kitab sahaja;tetapi sekarang beliau telah dapat membeli sendiri kitab-kitab tersebut.

Menurut beliau,semasa beliau akan meninggalkan Tanah Suci, rezki beliau telah melimpah-ruah sehingga semasa beliau menjejak kembali ke tanah air,dua dekad selepas itu,beliau pernah menyebutkan wang di tangan beliau di kala itu adalah sebanyak lima bungkus: satu-satu bungkus berisi wang sebanyak RM.50.00. Manakala semuanya adalah berjumlah RM. 250.00,suatu jumlah yang besar di waktu itu,merupakan suatu anugerah Tuhan bagi hambaNya yang tidak lama lagi akan memasuki gerbang rumahtangga dan perjuangan hidup yang lebih besar.

Semuanya itu adalah kerana keberkatan niyat beliau yang suci serta ikhlash untuk menuntut ilmu-pengetahuan Agama semata-mata kerana mencari keridhaan Allah dan menurut PerintahNya.

Tepatlah firman Allah yang berbunyi:

ومن يتق الله يجعل له مخرجا . ويرزقه من حيث لا يحتسب

"Dan siapa yang takutkan Allah,nanti Dia memberikannya jalan keluar (kelepasan). Dan Dia akan merezkikannya secara yang tidak terduga."[At-Talaaq:2-3]

Juga sebab sifat beliau yang selalu bersyukur kepada Allah,menyebabkan rezkinya melimpah-ruah,sebagaimana jaminan Allah:

لئن شكرتم لأزيدنكم

"Jika benar-benar kamu bersyukur,pastilah Aku pertambahkan bagimu." [Ibrahim:7]

**Tuk Kenali** tidak pula lekang dari berdo`a pada Tuhan setiap masa dan waktu;bukan sahaja di masa susah;tetapi juga di masa mudah dan senang.

Beliau tentu ingat akan sabda Nabi s.a.w.:

اَلدُّعَاءُ هُوَ الْعِبَادَةُ

"Do`a itu ialah ibadah (sendiri)."

[H.R.Al-Bukhaari,Abu Dawud, At-Turmudi (*Hasan-Shahiih*),At-Tabari,Ibnu Abi Syaibah dan At-Tayaalisi]

(Pokok dan bentuk ibadah atau kebaktian kepada Allah Subhaanahu Wa Ta`aala itu sendiri adalah berbentuk do`a. Apabila seseorang berdo`a.maka dia melibatkan diri dalam ibadah. Ibadah itu do`a;dan sebaliknya do`a itu ibadah –P)

Manakala *Abu Hurairah* *r.`a.* memberitakan Rasulullah s.a.w. pernah bersabda:

لَيْسَ شَيْءٌ أَكْرَمَ عَلَى اللهِ مِنَ الدُّعَاءِ

"Tiadalah suatu yang lebih mulia di sisi Allah melebihi do`a." [H.R.Al-Bukhaari,At-Turmudzi (*Hasan-Ghariib*), Ibnu Maajah,Ahmad,Al-Haakim,Ibnu Hibbaan:*Shahiih*]

# 7. TUK KENALI DENGAN KITAB

Aneh seribu kali aneh! Kitab bagi Tuk Kenali bukanlah pada catitan kertas;malahan baginya kitab adalah bersifat *ruhani* sekali,di mana segala isi kitab atau buku yang telah dibaca,disimpannya dalam lipatan hati dan *gedung Muhammad* ;segala suatu dicatitnya dengan baik sehingga sukar hilang dari ingatan. Beginilah *ingatan kuat* yang dikurniakan Allah kepada beliau.

Sikap begini dan oleh desakan ekonomi membuatkan beliau terpaksa menjualkan pula kitab-kitab yang telah dipelajarinya itu kepada kedai-kedai kitab,dari suatu masa ke suatu masa dengan memberi sedikit potongan daripada harga asalnya. Dengan cara begini dapatlah beliau membaca dan mempelajari bermacam-macam kitab sehingga pengetahuan beliau mendalam dan kemahiran beliau telah tercapai.

Di kala itu Tuk Guru Wan Ahmad (**Wan Ngah**) pernah memuji Tuk Kenali dan menyebutkan Tuk Kenali adalah bak *sang suria Kelantan* yang akan menjadi suluh kepada kegelapan (kejahilan) di sekitar negeri itu.

Dalam masa belajar itu,selain meminjam kitab daripada guru-gurunya,beliau banyak juga membeli kitab secara berdikit-dikit,di mana apabila telah habis sebuah kitab yang telah dipelajarinya,maka lalu dijualnya pula kepada kawan-kawannya.Demikianlah silih berganti kitab. Sebab itu bila ditanya tentang mengapa beliau tidak banyak mempunyai kitab,maka beliau menjawab:"Saya tidak berwang;kerana itu saya terpaksa menjual kitab-kitab yang telah saya pelajari untuk mempelajari lagi yang lain."

(Kerana itu tidaklah heran jika semasa beliau kembali ke tanah air,didapati di tangan beliau hanya terdapat dua buah kitab iaitu مغني اللبيب dan اشموني )

# 8. TUK GURU WAN NGAH GURU KESAYANGAN TUK KENALI

Tuan Guru Wan Ahmad atau nama penuhnya *Ahmad B.Muhammad Zain B.Mushtafa Al-Fataani* ;juga digelar **Tuk Guru Wan Ngah** adalah guru yang disebut-sebut oleh Tuk Kenali. Beliau seorang 'ulamaa' besar dan *pengarang Melayu yang terkenal.* Namanya termasyhur bukan sahaja di Tanah Suci Makkah;tetapi juga sampai ke negeri-negeri di bawah angin ini: Fatani,Malaysia,Indonesia,Kamboja dan lain-lain.

Gelaran Wan Ngah antara lain disebabkan beliau ialah anak tengah atau sebab beliau bersifat pongah (pemarah dalam menegakkan kebenaran). Untuk selanjutnya lihat "Jornal Sejarah Kelantan" 1975 halaman 40-50 oleh penulis. Beliau ialah rumpun Melayu dari Fatani,selatan Thailand.

Kepadanyalah beliau berguru;sedang pelajaran yang menarik perhatian Tuk Kenali,tidak lain ialah Ilmu Nahu,ilmu-ilmu Tauhid,Fiqh,Tasawwuf dan Tafsir Al-Qur'an,dipelajarinya dengan giat menurut kelaziman waktu itu.

Sahabat Tuk Kenali yang lebih mesera dari Kelantan ialah anak kepada gurunya dahulu iaitu **Nik Mahmud B.Ismail** (Datuk Perdana Menteri Paduka Raja Kelantan) dan perhubungannya dengan Nik Mahmud di Kelantan dan di Tanah Sucilah yang membawa beliau mendapat kedudukan tertinggi di antara pembesar-pembesar Kerajaan Kelantan;malahan mendapat pandangan dan perhatian kepada Ke Bawah Duli Sultan Ismail.

Kepada Tuk Guru Wan Ngahlah kedua beliau belajar dan mendalami ilmu-pengetahuan di samping guru-guru lain yang terdapat di Kota Suci Makkah sewaktu itu.

# 9. GURU TUK KENALI BERBAKAT PENGARANG

Semasa di tanah air,sebelum melanjutkan pelajaran ke Tanah Suci,Tuk Kenali berguru antara lain kepada guru-guru berikut,di mana antaranya terdapat `ulamaa' dan pengarang terkenal:

1. Tuan Guru **Hj.Ab.Samad B.Muhammad Shaalih** yang terkenal dengan sebutan **Tuan Tabal**. Beliau ialah bapa kepada Shaahib As-Samaahah ***Mufti Hj.Wan Musa*** (1874-1939). Beliau ialah pengarang kitab-kitab fiqh dan Tasawwuf,di mana antaranya:

(1) كفاية العوام

(2) منحة القريب المجيب

(3) منبه الغافلين

(4) جلاء القلوب

(5) منية أهل الأوبة

(6) بداية تعليم العوام

2. Tuan Guru **Encik Ismail B.Mahmud B. Uthman** Atas Banggul, Kota Bharu. Beliau ialah bapa kepada Datuk Perdana Menteri;dan beliau pernah menjadi Qadhi.

3.Tuan Guru **Hj.Ibrahim B.Yusof** Sungai Budur,Kota Bharu,yang kemudiannya menjadi ***Mufti Kerajaan Kelantan*** (1928-1941)

4.Tuan Guru **Tuan Padang.** Gelaran kepada Tuan **Hj.Muhammad** atau **Hj.Ya`qub B.Ab.Halim** ,bertempat di Medan Tuan Padang,bulatan pusat bandar Kota Bharu (bulatan Jam Besar).

5. Tuan Guru **Hj.`Abbas** Atas Paluh,di sebelah barat Masjid Besar Muhammadi.
6. Yang Berbahagia **Datuk Hj.Ab.Malik B.Musa** (Tuk Hakim,Johor), ***Bekas Mufti Johor.*** Terdapat sebatang jalan dalam bandar Kota Bharu yang mengambil sempena tokoh ini.
7. Tuan **Hj.Awang** Atas Banggul,seorang faqih (mahir dalam Fiqh Islam).
8. Tuan **Hj.Nik Daud.**

Sewaktu berada di Kota Suci Makkah,beliau tidak ketinggalan menciduk ilmu daripada tokoh-tokoh `ulamaa' Arab yang terkenal,antaranya:

1. **Al-`Allaamah Asy-Syaikh Hasbullah** dari Masir.
2. **Al-`Allaamah Asy-Syaikh `Ubaid ,** Mufti Madzhab Maaliki.
3. **Al-`Allaamah Asy-Syaikh Muhammad Amiin,** Imaam Madzhab Hanafi..
4. **Al-`Allaamah Asy-Syaikh As-Sayyid Bakri.**
5. **Al-`Allaamah Asy-Syaikh Muhammad Yusof Al-Khayaat.**
6. **Al-`Allaamah As-Sayyid `Abdullah B.As-Sayyid Muhammad Shaalih Az-Zawaawi,** Mufti Makkah dan guru di Masjid Al-Haram.

Tuk Kenali pernah menceritakan bahawa beliau belajar Tafsir Al-Qur'an pada Al-`Allaamah Asy-Syaikh Hasbullaah ialah di kala gurunya telah mengajar sampai Ayat:

قل أروني الذين ألحقتم به شركاء كلا ، بــل هــو الله العزيــز الحكيــم

Katakanlah:"Katakanlah kepadaku sembahan-sembahan yang kamu hubungkan dengan Dia sebagai sekutu-sekutu (Nya). Sekali-kali tidak mungkin! Sebenarnya Dialah Allah Yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana." [Saba':27]

Di mana Surah ini terletak di dalam Juzu' Ke-22.

Tuk Kenali,tidaklah mendalami kitab-kitab Hadith seperti syarah-syarah Kitab As-Sunan As-Sittah (Enam buah kitab Hadith yang besar);dan keadaan ini beliau akui dalam suatu surat beliau kepada Setiausaha Majlis Agama Islam Kelantan,di mana antara lain berbunyi: *".....Bahawa kaki tua ini tidak banyak mengaji Hadith...."*

Manakala guru-guru yang berasal dari Nusantara yang mengajar di Masjid Al-Haram,di mana mereka menjadi guru kepada Tuk Kenali dan rakan-rakannya ialah:

1. Tuan Guru **Wan Ahmad (Wan Ngah) Al-Fataani:** seorang guru yang berpengaruh kepada Tuk Kenali. Beliau merupakan seorang pengarang terkenal dari Fatani,di samping *Syaikh Daud B.`Abdullah Fatani.* Karya beliau tidak kurang daripada 53 buah kitab dalam serba bidang ilmu Agama,termasuk ilmu Bahasa Arab,Tibb (Kedoktoran) dan lain-lain. Cucunya *Wan Muhammad Shaghir* giat memperkenalkan ketokohan beliau di samping membongkar kembali khazanah Islam Fatani.

2. **Asy-Syaikh Mukhtaar `Ataarid Al-Jaawiy Al-Bataawiy Al-Buuqari (Bogor):** Beliau adalah salah seorang guru yang disebut oleh Tuk Kenali sebagai gurunya. Beliau mahir dalam bahasa Arab sehingga hampir seluruh karya beliau ditulis dalam bahasa Al-Qur`an,kecuali:

(1) كتاب أصول الدين ، اعتقاد أهل السنة والجماعة

(2) الرسالة الوهبة الالهية (١٣٤٧ ه)

Manakala karya-karyanya dalam bahasa Arab pula ialah:

(3) اتحاف السادة المحدثين بمسلسلات الاحاديث الاربعين

(4) تقريب المقصد في العمل بالربع المجيب

(5) الصواعق المحرقة لأوهام الكاذبة

(6) الدعائم العظام لشركة الاسلام

(7) مناسك الحج

(8) الدر المنيف في شرح ورد اللطيف

Beliau turut mengambil berat tentang perkembangan masyarakat Islam Indonesia di mana bila ditubuhkan *Syarikat Islam* pada 11 haribulan 11 (November) tahun 11 (1911),maka beliau menulis bukunya "Ad-Da`aa'im Al-`Idzaam"(Tiang-tiang Raksaksa) bagi menjawab pertanyaan mengenai pembentukannya. Beliau meninggal pada tahun 1349 H.

3. **Asy-Syaikh Ahmad B.`Ab.Latiif Al-Khatiib B.`Abdullah Al-Mankabawiy (Menangkabau) Al-Jaawiy** (1276-1334=1914):

Selain menjadi guru di Masjid Al-Haram dan khatib di masjid suci ini,beliau adalah juga terkenal sebagai seorang pengarang kitab-kitab Agama yang

tajam penanya. Beliau menjejak kaki di Kota Suci pada tahun 1287 H. kira-kira 9 tahun sebelum kedatangan Tuk Kenali. Syaikh Ahmad Khatiib meninggal pada tahun 1914 M.(1334 H.), di Kota Suci Makkah.

Antara karya-karya warisan beliau ialah:

| | |
|---|---|
| (1) | اظهار زغل الكاذبين |
| (2) | فتح المبين |
| (3) | نور السمعة |
| (4) | الايات البينات |
| (5) | ضوء السراج |
| (6) | اقناع النفوس |
| (7) | الرياض الوردية |
| (8) | السيف البتار |
| (9) | النفحات |
| (10) | الشموس اللامعة |
| (11) | الجواهر النقية |
| (12) | الداعي المسموع |
| (13) | اثبات الزين |
| (14) | صلح الجماعتين |
| (15) | روضة الحساب |
| (16) | رفع الالتباس |

4. Tuan Guru **Hj.Wan `Ali Kutan** (1253 – 1305 H.):
Beliau ke Makkah sejak kecil lagi,belajar di Masjid Al-Haram dan meninggal di sana pada kira-kira tahun 1887 M.(1305 H.) di tahun kesampaian Tuk Kenali ke Tanah Suci. Beliau adalah seorang pengarang,antara karyanya:

(1) جوهر الموهوب

(2) زهرة المريد

(3) لمعة الأوراد

(4) مجمع القصائد والعوائد

5. **As-Syaikh Muhammad B.Ismail Daud Al-Fataani:**
Beliau terkenal dengan gelaran *"Syaikh Nik Mat Kecil"* yang hidup antara tahun 1837 hingga ke tahun 1912. Beliau adalah seorang pengarang kitab-kitab Agama ,di mana antara lain ialah:

(1) مطلع البدرين ومجمع البحرين

(2) وشاح الافراح

(3) بحر الوافي والنهر الصافي

(4) الدر البسيم

(5) الكوكب الدري

(6) سواطع البرق

6. Tuan Guru **Hj.Muhammad B. Daud (Tuk Api),** guru di Masjid Al-Haram. Juga sebagai kawan Tuk Kenali.

Mereka merupakan sebahagian `ulamaa' dari bawah angin yang mendapat tempat untuk mengajar di Masjid Al-Haram sebagai *pusat Ilmu-pengetahuan dunia Islam.*

## 10. TUK KENALI BERKUNJUNG KE NEGARA FIR`AUN

17 tahun sesudah berlindung di bawah lindungan Ka`bah yang mulia,kira-kira pada tahun 1322 H. (1904 M.);sebab kesayangan gurunya,maka beliau dibawa bersama melawat ke negara Fir`aun. Beliau pergi ke sana dengan kapal layar mengharungi Laut Qalzum yang beriak putih itu.

Tempat-tempat istimewa di Masir yang menjadi tumpuan pelancung-pelancung di masa itu antara lain ialah: *Al-Ahraam (Pyramid),Masjid `Amr Ibn Al-`Aash,Jaami` Al-Azhar,Benteng (Qal`ah) Shalaahuddin Al-Ayyuubi,Masjid Sayyidina Husain,Sungai Nile* dan lain-lain. Mungkin tempat-tempat ini dilawati oleh kedua beliau.

Di masa itu,di tanah Masir telah tersiar berita mengatakan bahawa di Tanah Suci Makkah terdapat seorang `alim besar yang tiada tandingnya. Kemudian tersiar pula berita mengatakan bahawa `ulamaa` besar di Makkah itu telah pun berada di Masir dalam bidang lawatannya yang *singkat*.

Banyaklah golongan-golongan terpelajar dan kaum guru di Masir yang datang menjumpai Tuan Guru Wan Ahmad. Banyak daripada mereka yang mengemukakan beberapa pertanyaan dan fikiran (pendapat) berhubung masalah-masalah Agama.

Bila orang menghadapkan pertanyaan kepada beliau,maka beliau mengisyaratkan agar bertanya pada *Muhammad Yusof,* katanya:"Tanyalah murid saya....." Semua pertanyaan dan kemusykilan itu dijawab beliau dengan tepat dan memuaskan.

Orang-orang Masir kagum melihat ke`aliman murid Wan Ahmad, lalu di antara mereka berkata:"*Murid tuan sahaja sudah cukup untuk menjawab pertanyaan kami;maka tentulah gurunya melebihi itu lagi.*"

Turut dalam rombongan ialah En.Mahmud B.Ismail dan Hj.Ismail Fatani. Kebetulan pula tubuh Tuk Kenali lebih besar dan gemuk daripada tubuh gurunya sebagai orang `alim. Kerana itu di kala mereka berempat berjalan-jalan di Masir,maka Tuk Guru Wan Ahmad meminta Tuk Kenali mendahului mereka.

Tidaklah lama Tuk Kenali berada di Masir;kerana pemergiannya ke Masir itu cuma untuk melawat sambil belajar;kemudian mereka pun pulang semula ke Kota Suci Makkah Al-Mukarramah.



**"Menonggang unta" menjadi suatu keistimewaan di Pyramid,Masir.** Gambar penulis dalam bidang lawatan ke Negara-negara Asia Barat dan Masir (20.02.1967)

# 11. KEGIATAN BELAJAR TUK KENALI

Suatu keanehan,semasa Tuk Kenali mendalami ilmu-pengetahuan di Kota Suci ini,beliau mengambil sikap untuk membeli apa sahaja kitab yang dibaca atau pun tidak dibaca oleh guru-guru. Akan tetapi bila hadhir kuliah,maka kedapatan beliau datang dengan tangan kosong. Kitab-kitab tadahannya semuanya ditinggalkan di rumah.

Sebelum beliau hadihir ke kuliah,semalam-malaman beliau membaca dan mengkaji sendiri di rumah akan apa-apa pelajaran yang akan dibaca,dianalisa atau akan diberi huraian (syarah) oleh guru.

*Cara memaham sendiri atau membuat kajian sebelum belajar adalah lebih berhasil dan dapat menempatkan pelajaran (ilmu) dalam otak (peringatan – lebih berkesan).*

Jadi, cara beliau berguru hanya secara datang menadahkan telinga dan membuat perbandingan antara ajaran guru dengan apa-apa kajian yang telah dikajinya semalam itu. Ini lebih berkesan dan membuka jalan-jalan peluasan untuk bertanya sesuatu yang mungkin timbul.

اَلْعِلْمُ فِيْ الصُّدُوْرِ ، لاَ فِيْ السُّطُوْرِ

"(Sebenarnya) ilmu itu ialah apa yang tersemat di dalam dada (hati: *apa yang diingat*);bukanlah (bagi seseorang itu dikira ilmu) apa-apa yang tertulis (tinggal) dalam kitab-kitab." *Pepatah Arab.*

Menurut muridnya Tuan Guru **Hj.Hasbullah B.Yusof,But** ,Ketereh,K.Bharu, bahawa semua ilmu dan kandungan kitab-kitab yang pernah dibacakan Tuk Kenali

semasa di Makkah,adalah semuanya dalam kepalanya. Inilah bahan atau modalnya.

Berlainan sekali dengan murid-murid yang lain,yang kelihatan rajin dan sibuk mengepit kitab di rusuk kanan,manakala di tangannya tampak sebatang kalam kabung di samping sebotol dawat hitam pekat buatan sendiri. Bila guru membuka kitab,mereka pun membuka;bila guru menutup,mereka pun menutup;dan pada hari esoknya pula dibukanya kitab bila gurunya membuka kitab. Mereka menerima sahaja apa yang diajarkan guru dan segala suatu keterangan guru adalah tetap benar,tidak mungkin tersalah. Kepada guru tidak boleh ditanyakan,nanti hilang keberkatan!

Sebagai seorang yang selalu merendahkan diri dan mengingatkan bekalan yang dibawanya ke Tanah Suci, maka Tuk Kenali pernah berjenaka,katanya: *"Memadailah jika saya tidak memperoleh ilmu;sebab perbelanjaan yang diberikan bonda saya adalah sedikit. Ha! Ha! "*

Selama berada di Makkah,sungguh pun beliau berpisah jauh daripada ibubapa dan sanak-saudara;namun hati beliau adalah dekat sekali. Beliau tetap *memuliakan ibu* dan mengirim surat atau berita-berita yang selalu menggembirakan,sekalipun dewasa itu tidak semudah kini

Falsafah beliau ialah janganlah kita menyusahkan ibu di tanah air dengan mengirimkan berita-berita sedih dan mendukacitakan. Beliau sangat berhati-hati untuk mengirim apa-apa berita yang boleh mendatangkan kedukaan si ibu.

*Tiada siapa ibu yang tidak menanggung rindu,sudah 22 tahun tidak melihat wajah anak yang keluar negeri dalam usia belasan tahun;sedangkan si anak tak pernah pulang-pulang semasa dalam pengajian*

# 12. TUK KENALI MENANGIS TERESAK-ESAK DI MAKKAH

Antara Tuk Guru di kalangan orang-orang Melayu di Kota Suci Makkah semasa Tuk Kenali berada di sana ialah Tuan Guru **Nik Muhammad (Mat) Api.** Persahabatannya dengan Tuk Kenali adalah amat rapat.

Pada suatu hari dengan tiba-tiba didapati Tuk Kenali menangis teresak-esak ,air matanya mencurah-curah membasahi pipi,tanpa diketahui sebabnya.

*"Mengapa Abang Awang menangis kuat?"* Tanya Tuan Guru Nik Mat Api.

Pertanyaan tidak dijawab sehinggalah tiba hari esoknya,di mana pada hari itu dengan tidak semena-mena hujan turun dengan lebat sekali,membuatkan banyak rumah di kota Makkah runtuh.

Adakah ini merupakan suatu *kekeramatan* Tuk Kenali? Sama-samalah kita merenung dan menjawabnya. Mungkin Tuk Kenali mendapat sesuatu alamat atau ilham sehingga beliau bertindak demikian secara sepontan.

*Bukankah di sebalik rahmat dan ni`mat itu ada pula bala' dan ujian Ilahi ??*

# 13. TUK KENALI DI KAMPUNG BADWI

Tuk Kenali adalah seorang yang terkenal kerana ke`alimannya dalam pengetahuan bahasa Arab;terkenal kemahirannya dalam ilmu Nahu (Jalan bahasa Arab),Sharaf (Tatabahasa Arab):juga pengetahuan puisi dan syairnya.

Untuk menarik murid-murid beliau terhadap pelajaran sya`ir,terutama dalam kata-kata bersajak (bersamaan bunyi),maka beliau kerap pula membentangkan sebuah cerita pendek di mana terdapat kata-kata bersajak. Ikutilah cerita berikut:

"Pada suatu pagi,kami (penuntut-penuntut Melayu di Makkah) telah pergi ke rumah seorang Badwi di desa tepi padang pasir,di pinggir kota Makkah.

Rumah orang Badwi itu kelihatan bersahaja;sederhana sekali;dia dibuat daripada ketul-ketul tanah keras;bertiang dan berlantaikan batang tamar.

Sinar matahari telah memancar sehingga suasana di perkampungan Badwi itu menggembirakan kami,pelawat-pelawat. Kami menuju ke sebuah pondok.Bila hampir,kami pun mengucapkan salam.

" *Wa `alaikumus-salaam!* " Demikian suara kecil halus menjawab;kedengaran dari celah tingkap pondok itu.

Agaknya suara itu ialah suara daripada salah seorang gadis.

Tiba-tiba suasana sepi seketika.

أَينَ أَبُوكِ ؟

"Ke mana bapa mek?" Tanya salah seorang kami.

Tiba-tiba terdengar jawapan:

فَا إِلَى الْفَيَافِي ،

لِيَفِيْ لَنَا بِفَيْءٍ ،

فَإِذَا فَاءَ الْفَيْءُ ،

يَفِيْ .

*"Ke hutan bapaku pergi,*
*Bahan-bahan keperluan dia mencari;*
*Apabila gelincir sang matahari,*
*Dia pun segera kembali."*

"Terpekun kami bila mendengarkan jawapan gadis yang penuh dengan kata-kata bersajak,mungkin telah digubah dan disusun dari dahulu lagi;tambahan pula dengan lagu dan irama yang menarik.

Antara kami pandang-memandang: seorang melihat yang seorang sebagai tanda keanehan terhadap jawapan daripada anak gadis itu. Setelah kami mengucapkan terima kasih;kaki kami pun melangkah meninggalkan desa Badwi tersebut"



**Tuan Guru Hj.`Ali**
**Pakar Nahu Arab**

# 14. TUK KENALI BERKAWAN DENGAN PELAJAR JIN ISLAM

Pada suatu masa,Tuk Kenali pernah menceritakan suatu hubungan persahabatan antara seorang anak jin Islam dengan pelajar-pelajar Islam,termasuk diri beliau sendiri,di mana beliau bersama-sama kawan yang belajar di Masjid Al-Haram pada beberapa orang guru yang dianggap `alim,antaranya **Tuan Guru Mukhtaar `Ataarid** dari Indonesia.

Di kalangan murid beliau ini terdapat seorang pelajar daripada kalangan Jin Islam yang menghuni Kota Suci Makkah. Sebenarnya di kota ini ramai hidupnya jin. Melihatkan pelajar ini tidak hadhir belajar,maka pada suatu hari kemudiannya Tuan Mukhtaar bertanyakan pelajar-pelajar lain dengan pertanyaan:"*Ke manakah kawanmu ini?*" Salah seorang pelajar menjawab:"Barangkali dia kurang sihat,wahai Tuan Guru."

Bila pelajar itu datang belajar pada hari keesokannya,maka Tuan Mukhtar lalu bertanya:"*Kenapa engkau dapat hadhir pada hari ini;sedang semalam tidak?*"

Mendengar pertanyaan guru itu dia menjawab:"Sebab pun saya tidak dapat datang belajar semalam ialah sebab bapa sakit tenat;tetapi pada hari ini saya datang ialah bagi mengajak Tuan Guru dan kawan-kawan di sini *untuk bersembahyang terhadap jenazahnya.*"

"*Di manakah rumah engkau?*"

Jawab pelajar itu:"Rumah kami di Ma`la (di sekitar perkuburan Ma`la,kira-kira 3 kilometer dari Masjid Al-Haram)."

Pelajar tadi pun minta diri untuk pulang sambil menjemput Tuan Mukhtaar dan kawan-kawannya agar ikut bersama menuju ke Ma`la.

Bila sampai di kawasan Ma`la,tiba-tiba suatu perubahan telah berlaku di sekitar kawasan itu di mana dengan tiba-tiba para jemputan telah berhadapan dengan sebuah masjid yang indah seimbas dengan Masjid Al-Madiinah Al-Munawwarah. Di sanalah terdapat jenazah bapa pelajar jin tadi sedang terbujur.

Ya, mayat telah pun siap untuk disembahyangkan. Tuan Guru dijemput - menjadi imam dengan penuh rasa *ikhlash* tanpa ingin atau mengharapkan sesuatu pemberian daripada keluarga si mati;sebab sembahyang Jenazah adalah merupakan suatu kewajipan (fardhu) **Kifaayah** bagi sesuatu kampung atau kumpulan umat Islam yang tidaklah perlu lagi diberi apa-apa upah atau ganjaran;malah tidaklah pula semestinya dijemput atau dipelawakan kerana melaksanakan sembahyang yang pendek dan ringkas ini.

Akan tetapi ....... Mungkinlah kerana adat jin di kawasan Ma`la ini,apabila selesai sesuatu upacara sembahyang Jenazah,maka keluarga mereka tidak ketinggalan memberikan buah tangan kepada setiap orang yang dijemput atau yang datang tanpa dijemput kerana melaksanakan tugas suci ini.

Jadi,setiap orang yang bersembahyang itu telah diberikan suatu pundi-pundi kain yang mengandungi sesuatu hadiah atau sagu hati.

Sesudah memperoleh pundi-pundi itu,semua kawan Tuk Kenali terus membukanya sesudah berkisar dari pekarangan masjid tadi. Tiba-tiba didapati kandungannya

hanya berupa kulit bawang sahaja. Kerana itu ramailah yang melempar pundi-pundi itu di tengah jalan itu juga. Mungkin sebahagian mereka ini menyahut jemputan ini semata-mata kerana mengharapkan kebendaan;dan kerana itu Allah menghampakan harapan mereka.

Akan tetapi Tuk Kenali,sesudah dia memperoleh pundi-pundi kain itu dibimbitnya sehinggalah sampai ke tempat menginapnya di Syi`b `Ali. Ya,pundi-pundi itu dibawanya dengan rasa ikhlash,tanpa ragu-ragu,dengan harapan bahawa dia akan memperoleh sesuatu kebaikan daripadanya. Demikianlah juga Tuan Gurunya membawa pulang pundi-pundi itu ke rumahnya.

Di kala Tuk Kenali sampai dan masuk ke biliknya,dia pun berhenti penat dan kemudian baru membukakan pundi-pundi itu;tiba-tiba didapatinya **seketul emas** terbungkus dengan baik dalam pundi-pundi tadi.

Ya,inilah balasan bagi siapa yang **ikhlash**. Hatinya belum teringin untuk memperoleh apa-apa pembalasan dari tenaganya yang sedikit dalam mengerjakan sembahyang Jenazah yang cuma memakan masa kira-kira 5 minit sahaja itu. Beliau bersyukur kepada Allah di atas pemberianNya itu;demikian juga nasib Tuan Gurunya,sama-sama memperoleh seketul emas.

Di hari keesokannya, Tuk Kenali telah bersua dengan pelajar jin tadi di dalam majlis pembelajaran. Di kala inilah dia menceritakan bahawa sebenarnya dia adalah seorang Jin Islam;dan dia meminta agar rahsianya (sebagai jin) ini tidak dihebahkan kepada orang lain (di kala itu). Dia menyambung keterangan bahawa masjid indah tempat menyembahyangkan jenazah bapanya itu ialah **Masjid Jin**. Seterusnya dia menceritakan bahawa datuknya adalah seorang jin yang telah Islam di zaman hayat Rasulullah s.a.w. lagi.

# 15. TUK KENALI DI MULTAZAM KA`BAH

Dikatakan bahawa antara sebab kepulangan Tuk Kenali ke tanah air:selain pulang untuk mengajar (berkhidmat di bidang Agama) ialah disebabkan kematian gurunya yang disayangi: Tuan Guru Wan Ahmad Al-Fatani pada tahun 1325 H.(1908 M.) di Makkah,dan dikuburkan di perkuburan Ma`la dalam usia 53 tahun.

Sebelum lagi berlaku peristewa ini,di kala itu terdapat dua orang tokoh Melayu di kota Makkah,iaitu **Muhammad Yusof B.Ahmad** (yang kemudiannya terkenal dengan gelaran **Tuk Kenali**) dan **En.Mahmud B.Ismail** (yang kemudiannya bergelar Datuk Perdana Menteri Paduka Raja Kelantan).

Mereka berdua adalah sahabat akrab;sebab En.Ismail bapa kepada En Mahmud,adalah menjadi guru kepada Tuk Kenali sebelum lagi beliau menjejak kaki ke Tanah Suci, masing-masing mereka belajar ilmu Agama pada Tuan Guru Wan Ahmad untuk membawa balik bagi memanfaatkan ilmu itu kepada anak watannya.

Kerana itu Tuk Guru Wan Ahmad lalu bertanyakan mereka berdua:"*Apakah matalamat kamu masing-masing bila pulang ke tanah air nanti?*"

"Nantilah Tuk Guru,hamba berdua akan pergi ke Multazam untuk memohon petunjuk daripada Allah dan sembahyang sunat Istikhaarah." Jawab salah seorang mereka.

Maka kedua-duanya pun lalu bergerak menuju Ka`bah. Sesudah tawaf,maka keduanya masing-masing berdo`a agar Allah menunjukkan kepada diri masing-masing akan apakah suatu tugas atau urusan khidmat bakti yang sesuai dengan diri masing-masing."

Sesudah berdo`a dan sembahyang Istikhaarah,maka kedua-duanya menyatakan hasil yang diperoleh,iaitu:

**Tuk Kenali** akan berkecempung dalam bidang pendidikan,akan menjadi Tuk Guru atau *orang `alim Rabbaani* yang akan mengajar di negeri Kelantan,di mana negeri ini kemudiannya akan terkenal dengan jolokan "**Serambi Makkah.**"

Manakala **En.Mahmud B.Ismail** pula akan berkecempung dalam bidang politik mentadbirkan negeri Kelantan menurut lunas-lunas Syari`at Islam,berhukum dengan undang-undang Al-Qur'an dan As-Sunnah. Beliau akan mempergunakan Agama dan hikmat untuk menguasai negeri Kelantan sehingga beliau digelarkan *Datuk Perdana Menteri Paduka Raja Kelantan* (Jawatan Menteri Besar);kemudian anaknya Datuk Nik Ahmad Kamil mengambil tempat tersebut.

Mengenai Tuk Guru Wan Ngah,diberitakan di saat akhir hidupnya,beliau telah diserang penyakit kelupaan. Terkadang beliau bangun untuk mengerjakan sesuatu;tetapi apa yang hendak dilakukan itu dengan segera terhilang dari kepalanya.

Tuk Guru Wan Ngah dengan tiba-tiba mati sebelah tubuh pada 22 Jumaad Al-Akhiir ,1325 H. Akan tetapi beransur baik sehingga dapat buat Haji Sunat. Namun begitu,selepas Dzuhur hari Raya Haji maka terserang lagi membuatkan selepas Maghrib sewaktu beliau berada di Mina,11 Dzu Al-Hijjah,1325 H.=14 Januari,1908 M. beliau menghembuskan nafas terakhir;dan jenazahnya dibawa dan dikuburkan di Ma`la.

# 16. TUK KENALI PULANG SECARA MENGEJUT

Lima tahun sesudah beliau pulang dari melawat Masir,pada kira-kira tahun 1327 H.(1909 M.) beliau pun kembali ke tanah air selepas meni`mati 22 tahun hawa panas di padang pasir dan kedinginan di musim sejuk,meninggal kota yang penuh dengan bermacam-macam sejarah dan kesan peninggalan para Nabi dan Rasul. Suatu sebab kepulangannya ialah disebabkan kematian gurunya yang disayangi.

Beliau kembali dengan kapal layar yang menyusur pantai Arab,Aden dan India,Malabar dan Koromandel terus ke Singapura dan kemudian ke Kuala Kelantan.

Sesampainya sahaja di Kota Bharu (Pulau Saba),setelah barang-barang dikemaskan,terus beliau ke air lalu bermandi-mandalah beliau di Tambatan Diraja di tepi Sungai Kelantan yang sayup-sayup mata memandang itu. Sesudah mandi,diminum dan dihirupnya beberapa teguk air,air ladzat pancaran dari tanah airnya sendiri.

Di antara orang-orang yang agak sudah mengenal dia,sudahlah gempar dan riuh. Ada yang bertanya: *"Siapakah yang mandi itu? Macam-macam Tuk Kenali?"* Ada pula yang bertanya:*"Tuk Kenalikah itu? Bilakah dia balik?"* Dan lain-lain pertanyaan lagi.

Sudahlah jelas **Tuk Kenali** yang sedang mandi di tepi Sungai Kelantan itu. Maka berduyun-duyunlah orang dan sahabat kenalannya datang menjumpai dia. Antara yang banyak itu,ada seorang yang agak sengaja atau tidak untuk menimbulkan gelak-ketawa ramai;orang itu bertanya: *"Mengapakah Tuan Guru cepat turun mandi di sini dan seronok pula nampaknya?"*

Mendengar pertanyaan itu, beliau tersenyum,mulutnya melebar,lalu dengan suara yang agak perlahan beliau menjawab:*"Sudah lama sungai ini saya tinggalkan dan sudah agak lama pula saya tidak mengecapi air sejuk di tanah tumpah darah saya."*

Berita kepulangan Tuk Kenali sudahlah heboh,telah penuh mulut orang menuturkannya.

Tuk Kenali tidak terus pulang ke kampungnya Kenali pada hari itu,mungkin kerana kayuhan kakinya tidak begitu kuat untuk melangkah ke desanya sendiri. Dihentikannya langkah untuk berehat dan berjumpa dengan teman-teman lamanya dahulu.

Tiada berapa hari berselang,beliau pun menggerakkan langkahnya dengan berjalan kaki, berkereta liring * sahaja untuk pulang menemui ibunya yang tercinta dan sanak-saudaranya yang disayangi yang ditinggalkan seperlima abad itu. Di tangan beliau ada dua buah kitab yang dibawa pulang,antaranya kitab *Usymuuni* (الشموني) dan *Mughni Al-Labiib* (مغني اللبيب).

Sesampainya di kampungnya,disedarinya bahawa telah banyaklah sudah berlaku perubahan di sekitar kampungnya Kenali. Rumah-rumah sudah terdiri dengan banyak;manakala penduduk-penduduknya pun banyaklah sudah yang tidak dikenalnya;sedang mana yang sudah dikenalnya banyak yang sudah pergi,pergi buat selama-lamanya. Memang! Dalam masa 22 tahun itu banyaklah berlaku peristewa dan perubahan sebagaimana juga peristewa-peristewa yang berlaku dalam sejarah Rasulullah s.a.w. di kota Makkah dan di kota Madinah.

Buat Tuk Kenali,ini sudahlah menjadi hukum alam,sunnah Tuhan yang tidak dapat dielak atau dirubah sebagaimana firman Allah Sendiri:

سنة الله التي قد خلت من قبل ، ولن تجد لسنة الله تبديلا

"(Itulah) peraturan Allah yang telah pun berlaku dahulunya;sedangkan tidaklah sekali-kali engkau akan menemui pertukaran bagi Sunnah Allah." [Al-Fat-h:23]

Sungguh pun beliau sudah pulang ke kampung;tetapi beliau kelihatan lebih suka berada di bandar. Mungkin di sana beliau dapat banyak bertukar-tukar fikiran dengan teman-teman lama. Justeru pada masa awal-awal kepulangannya itu maka selalulah beliau berulang-alik dari bandar (Kota Bharu) ke kampungnya sendiri,iaitu ke rumah **Hj.Mahmud** yang berjawatan Imam di situ (menggantikan bapanya Imam Hj.Awang).

Dalam perjalanan ulang-alik dari desa ke kota inilah menerbitkan ilhamnya untuk membuat sesuatu kemajuan Agama dan meneruskan perjuangannya dalam bentuk amalan,iaitu perjuangan *ilmu* yang telah diteroka,dibungkar dan dicarikan sejak 22 tahun lalu di Tanah Suci Makkah Al-Mukarramah.

Berat kemungkinan bahawa *Imam Muda* inilah yang mungkin memberikan saranan dan dorongan yang bertalu-talu agar Tuk Kenali *membuka pondok* di Kenali untuk memperkembangkan ilmu Agama Islam yang suci.

Institusi Pondok dewasa itu adalah merupakan suatu sistem pengajaran dan perguruan yang termoden;malahan sampai dewasa ini sistem pondok mendapat kedudukan yang tinggi berbanding sistem-sistem pendidikan lain di negara kita;cuma istilah "Pondok" itu sahaja yang telah mendapat nama atau tiruan baru iaitu "Sekolah Berasrama;" sekadarkan dasarnya yang berbeza.

## 17. TUK KENALI MEMBUKA PONDOK DI KAMPUNG PAYA

Pada tahun kedua sesudah kepulangan Tuk Kenali dari Makkah (kira-kira 1329 H = 1911 M) hasratnya yang telah begitu lama terpendam,lebih daripada 22 tahun yang lampau telah dapat dilaksanakan berkat ketekunan dan kesabaran beliau serta sumbangan daripada orang kampung.

Sebelum itu,sebagai permulaan,beliau telah mengajar di rumahnya sendiri di kampung Paya;dan di rumah itulah beliau tinggal bersama-sama ibunya **Hjh.Fatimah.**

Murid sulung beliau ialah Al-Marhum Tuan Guru **Hj.Muhammad Jebeng (Jambang)**;diikuti oleh Al-Marhum **Lebai Ahmad (Mat Tokba).** Keduanya diajar dengan menggunakan kepingan papan yang digergaji sebagai papan tulis guru;manakala kapurnya ialah arang.

Tuk Kenali meminta orang-orang kampung membelah kayu untuk dibuat papan bagi mengadakan sekeping papan tulis guru. Maka dalam masa memeroses kayu ini,Lebai Ahmad telah terkena gergaji;tetapi tidaklah parah. Kayu itu dibuat berkeping dan kemudian ditangkupkan untuk menjadikan sekeping papan tulis sebagai alat mengajar. Anehnya bila ada papan tulis,maka kapurnya pula tiada. Sementara ada kapur,maka arang digunakan. Beginilah usaha dan kuatnya cita-cita Tuk Kenali serta muridnya. Kedua-dua orang murid beliau ini disuruhnya menghafal Tashriif (Perubahan bentuk kata) dan Nahu seperti "*Matn Al-Ajruumiyyah*" dan lain-lain.

Antara murid tua di Pondok Paya ini ialah *Asy-Syaikh `Uthman Jalaaluddin Al-Kilantani* (1867-1952), *Tuan Guru Hj.Ya`qub Legor* dari Segenting Kera (Nakhon Si Thammarat),Thailand,*Tuan Guru Hj.Abdullah Tahir* dan En. *Muhammad Lundang.*

Tidak berapa lama sesudah itu terdirilah sebuah dua pondok yang sederhana keadaannya. Dia bertiangkan kayu bulat,berdinding buluh dan beratapkan nipah. Pondok-pondok ini terletak di sekitar rumahnya sendiri iaitu di Kampung Paya,sebuah kampung sunyi yang sekarang sebahagiannya menjadi tapak **Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM), *Kubang Kerian*.**

Bilangan pondok makin bertambah,orang-orang tua,lelaki dan perempuan berduyun-duyun datang menghantar anak dan cucu;juga sanak-saudara mereka.Kadang-kadang dihelanya *kambing* sedekah untuk Tuan Guru.

Budak-budak muda dan anak-anak itu diserahkan kepada Tuan Guru dengan harapan yang besar agar akalnya bertambah,hatinya bersih dan perangainya berjurus (baik –K).

Menyentuh muridnya *Lebai Ahmad,*dia seorang murid cerdas. Dia segera menjadi Kepala Tela`ah (Penulung Tuan Guru),tempat murid-murid lain menadah kitab terutama dalam bidang Fiqh Islam (Undang-undang Islam).

Mengenai *Asy-Syaikh `Uthman Jalaaluddin Al-Kilantani* , dia memasuki pondok ini dalam usia yang sudah tinggi. Semasa itu dia menjadi Kepala Tela`ah yang mengajarkan kitab-kitab Jawi kepada murid-murid lain.

Tuk Kenali adalah seorang guru yang mengetahui **Ilmu Firasat** (Pengetahuan Watak atau kebolehan seseorang berdasarkan bentuk-bentuk muka dan perawakannya) di mana diceritakan: Pada suatu hari,apabila sahaja beliau melihat seorang murid baru,maka beliau berkata (untuk membuat pilihan atau memperkelaskan murid): *"Engkau layak mempelajari kitab Arab."* Manakala kepada murid lain beliau berkata:"*Engkau elok mempelajari kitab Jawi* (sahaja)."

Semua arahan ini diikut dengan ikhlash dan hati yang suci oleh murid-murid;dan inilah dia *tangga kejayaan.*

Di kala ini Pondok Kampung Paya telah pun mempunyai kemudahan asas iaitu sebuah balaisah tempat belajar,kemudahan air telaga dan tandas;di samping kedudukannya tidak jauh dari pasar iaitu *Pasar Kubang Kerian* yang terletak di cabang tiga (kini menjadi tapak *Pejabat Pos Kubang Kerian* ).

Adalah menjadi sebagai suatu kelaziman bahawa mana-mana ibubapa yang datang menghantar anak untuk belajar di pondok dan juga pada Guru-guru Al-Qur'an,mereka tidaklah datang dengan tangan kosong;malah dibawanya *pulut kuning* serta lauknya yang diberikan kepada guru serta meminta idzin untuk menghantar dan menyerahkan anak dengan suatu penyerahan yang *menjadi amanah Allah* agar disempurnakan oleh guru.

*"Al-Hamdulillaah! .....Syukur kerana Tuk Guru terima anak hamba ini untuk belajar di sini. Hamba serahlah kepada Tuk Guru mengajar dan mendidiknya;dan pukullah dia jika dia tidak mendengar nasihat;asalkan* ***tidak patah dan tidak buta mata.***"

Setiap hari *nasi kunyit* yang ditaburi rambu telor,tidak berputus-putus, suara-suara manusia terutama anak-anak muda meningkat remaja telah memecah kesunyian kampung di pinggir paya yang bersagu itu. Pondok ini tidaklah pula jauh dari Sungait Demit (Sungai Kemasin) yang berair tenang ,menarik anak-anak muda melatih berenang;sebab kepandaian **berenang** adalah suatu yang dituntut Nabi s.a.w.

Pada setiap hari,siang dan malam,Tuk Kenali mengajarkan murid-muridnya pelajaran Nahu Arab,Tauhid,Fiqh,Tasawwuf dan Tafsir Al-Qur'an. Oleh sebab beliau seorang yang `alim dan mahir dalam bahasa Arab,maka beliau mempunyai bahan dan cara mengajar yang tersendiri dan didapati berjaya kemudiannya,iaitulah *cara menghafal Tasyrif* sebagai asas perkembangan bahasa Arab dan ilmu-ilmu Agama: Al-Qur'an dan As-Sunnah.

Sistem Pondok sebenarnya adalah suatu sistem yang paling berjaya membentuk budaya berilmu dan beramal,membentuk hidup bermasyarakat dan bernegara dengan mematuhi pucuk pimpinan kerana Allah Subhanahu Wa Ta`aala semata-mata. Tuk Kenali memang mengenakan syarat bahawa *setiap penuntut wajib bersembahyang Lima Waktu dan melaksanakannya secara berjemaah.* Dengan lain kata: sewaktu pagi setiap orang pondok mestilah bangun awal untuk dapat bersembahyang Subuh di awal waktunya secara berjemaah;di mana berdasarkan Hadith R.Muslim: *"Siapa yang bersembahyang Subuh secara berjemaah,maka dia memperoleh pahala beribadah sepenuh malam tersebut."*

**Tuk Kenali** yakin bahawa dengan hidup berjemaah semasa sembahyang dan di luarnya,umat Islam akan hidup bersatu-padu dan berkasih-mesera antara satu sama lain;dan di sinilah terletak kekuatan ummah atau *negara Islam*.

Beliau juga menyedari bahawa dengan memupuk **iman** dalam pendidikan yang disertai **ilmu** yang hakiki (berpunca daripada wahyu) serta **amalan shaalih** yang antara lain selalu memperkuatkan ketahanan diri dengan **dzikrullah** (berdzikir mengingati Allah dalam seluruh liku-liku hidup),maka keagamaan seseorang pelajar akan terjamin,dan mereka akan terhindar dari gejala-gejala sosial yang akan mendugai mereka (termasuk pergaulan bebas,mendurhakai ibubapa,dadah,rokok dan sebagainya – P). Inilah dia *Falsafah Pendidikan Tuk Kenali.*



**Kemudahan asas di bekas Pondok Kampung Paya**
Kini menjadi tapak Hospital Universiti Sains Malaysia,
KUBANG KERIAN

# 18. TUK KENALI MENGAJAR SAMBILAN DI KOTA

Kemasyhuran Tuk Kenali bersemarak di sana sini terutama di ibukota Cik Siti Wan Kembang. Justeru beliau dijemput oleh **Datuk Perdana** untuk mengajar di *Masjid Besar Al-Muhammadi* sekarang. Jadi,pada setiap minggu beliau terpaksa berulang-alik dari kampungnya menuju ke kota,iaitu pada setiap hari Khamis beliau hilir,dan pada setiap pagi Sabtu beliau mudik pulang ke kampung. Hal ini berlaku kira-kira dua tahun sebelum perpindahan Pondok Kampung Paya.

Menjelang tujuh tahun pondok dibuka (1336 H.=1917 M.),sudahlah penuh-sesak pondok murid-murid yang datang dari serata ceruk meningkat kira-kira 100 buah;sedang muridnya lebih daripada 200 orang,merupakan suatu jumlah yang besar di kala itu. Penghuni-penghuni pondok itu ada yang tinggal berseorangan,berdua,bertiga dan ada pula yang sampai berempat menurut besar kecil pondok dan suasana persesuaian murid-murid itu dengan rakan-rakan mereka.

Di kalangan murid-murid inilah ,kemudiannya lahir segolongan `ulamaa' atau Tuan-tuan Guru (Tuk Guru) yang terkenal. Di antaranya ialah Tuan Guru **Hj.`Abdullah Tahir B.Hj.Ahmad,** mengajar di Pondok Madrasah Al-Ahmadiyyah,Bunut Payung (guru Tafsir Al-Qur'an bagi penulis di tahun 1952),Kota Bharu; Tuan Guru **Hj.`Uthmaan Jalaaluddin** (dari Sering),mengajar di Pondok Madrasah Manaabi` Al-`Uluum,Bukit Mertajam, Tuan Guru **Hj.`Ali Shalaahuddin Pulau Pisang,**

mengajar di pondoknya sendiri dan juga di Masjid Besar Al-Muhammadi; Tuan Guru **Encik Ya`quub (Pak Kob) Legor** , mengajar di Masjid Besar Al-Muhammadi ,Kota Bharu dan juga membuka pondok di Thailand;juga Tuan Guru **En.Muhammad Lundang.**

Oleh sebab beliau sentiasa pergi ke Kota Bharu pada hari Khamis dan pulang pada hari Sabtu,maka di waktu yang akhir-akhir ini tiadalah beliau berpeluang bersembahyang Jumu`at di kampungnya. Hal ini menimbulkan kegelisahan orang-orang kampung,menyebab kan di antara mereka ada yang berkata:"Kami kurang puas hati;sebab tidak berpeluang bersembahyang Jumu`at bersama-sama Tuan Guru!" Dan ada pula yang mengeluh: *"Kami merasa kasihan melihat Tuan Guru berjalan kaki setiap minggu!* "

Bila mendengar kata-kata ini,beliau hanya tersenyum sambil menjawab:

*"Apa boleh buat, permintaan Datuk Perdana amat berat;*

*Kalau tidak dapat dituruti semuanya,maka dituruti setengahnya.*

*Memanglah (begitu sikap terhadap) kawan lama dan anak Tuan Guru saya.*

*Tambahan pula beliau orang Besar.*

*Hatinya patut dijagai;jangan digusar. "*

Semasa Tuk Kenali berulang-alik dari desa ke kota inilah,kerana sakit telah tiba dan *ajal telah sampai* ,maka ibunda beliau yang tercinta lagi disayangi telah menghembuskan nafas terakhir. **Hajjah Fatimah Bt.Hj.Shaalih** selamat dikuburkan di kampung itu.

Suatu sifat utama dan istimewa bagi guru-guru dan pendidik yang terdapat pada peribadi Tuk Kenali ialah beliau *tidak pernah memarahi murid-murid dengan sebab bodohnya;* atau terhadap anak-anak yang sudah belajar;tegasnya yang susah menghafal pelajaran;sebab kecerdasan dan kebodohan seseorang itu adalah datangnya daripada Allah,belaka.Sungguh Allah telah berfirman:

إنا كل شيء خلقناه بقدر

"Sungguhnya Kami ciptakan segala suatu menurut Qadar (ukurannya yang telah Kami tentukan 2,000 tahun sebelum lagi diciptakan makhluk –P)."[Al-Qamar:49]

Sikap beliau ialah beliau bertindak sesudah bertanya kepada murid-murid yang lain: *"Mengapakah si anu itu susah menghafal? Mengapa si fulan selalu lupa akan pelajaran? "* Itu sahaja pertanyaan;tidak lebih daripada itu.

Tindakan beliau bertitik-tolak dari persoalan:**Setiap perkara itu ada penyakit;sedang penyakit ilmu ialah *lupa*.** Maka kelupaan ini perlu dicari sebab atau puncanya: ada yang berpunca dari sifat fizikal (tubuh lemah,kurang tidur,penyakit),ada yang berpunca sebab kesibukan dalam urusan hidup seharian;sebab gangguan syaitan (terutama dalam sembahyang) dan sebagainya,maka masing-masing punca itu disusuri dan diatasi dengan ilmu dan pinta bimbingan daripada Allah.

# 19.TUK KENALI MEMASUKI GERBANG RUMAHTANGGA

Sesudah 23 tahun beliau hidup sebatang karah tanpa isteri dan anak-anak kerana mencari ilmu Agama keluar negeri;sedang bekas isterinya dahulu,*Mek Nik* telah pun berkahwin dengan orang lain dan telah beroleh anak;dan kawan-kawan sekampungnya pun sudah bercucu-cicit pula,maka keinginan untuk membina rumahtangga,kembali memuncak;kebetulan pula anak perempuan Imam **Hj.Mahmud** itu janda;sedang umurnya masih belasan tahun (18).

**"Cik Ruqayyah Bt.Hj.Mahmud"** begitulah nama janda yang menarik perhatian beliau.

Dalam Siirah Rasulullah s.a.w. didapati beliau mengambil janda, *Khadiijah Bt.Khuwalid* (40 tahun) sebagai isteri yang budiman,ahli ilmu kitab-kitab Samaawi serta rupawan. Contoh ini menambahkan lagi kecenderungan Tuk Kenali kepada Cik Ruqayyah.

Kata sepakat telah dicapai dan sempena baik serta berkat telah nyata,lalu berlangsunglah perkahwinan beliau dengan Cik Ruqayyah yang kemudiannya memakai nama Hajjah Ruqayyah (Rokiah),sesudah beliau ke Tanah Suci bersama saudara beliau *Al-Marhum Tuan Hj.Zakaria B.Hj.Mahmud.*

Tuan Hj.Zakaria adalah seorang pemimpin kampung,cerdas,berani dan bersemangat. Perawakan tubuhnya besar,berdada bidang. Beliau meninggal dunia pada 5 Disember,1963,dalam usia 67 tahun.

Manakala saudara tuanya **Hj.Muhammad Shaalih B.Hj.Mahmud** pula adalah seorang yang bijak dan berpandangan jauh; dan beliau pernah beberapa kali

berkhutbah di Masjid Shaalihiy (sempena namanya) yang terkadang-kadang marahkan sidang Jumu`at sebab sesuatu telatah mereka dalam masyarakat. Sebenarnya beliau berjawatan *Penggawa Lundang* yang dihormati. Beliau pernah juga beberapa kali menjemput penulis (17) berkhutbah sebagai mengambil tempatnya. Beliaulah juga menjadi pengasas beberapa buah sekolah di sekitar Kota Bharu,iaitu **Sekolah Melayu Kubang Kerian** (1920, sesudah kepulangan Tuk Kenali ke tanah air),**Sekolah Melayu Mentuan** (1930, sebelum Tuk Kenali meninggal) dan **Sekolah Melayu Langgar**, Kota Bharu pada tahun 1930an.Demikian disebutkan oleh anaknya *Cikgu Hj.Ab.Hamid,* bekas Guru Besar Sekolah Melayu Kubang Kerian (guru Agama bagi penulis).

Mereka ini adalah keluarga Tuk Kenali yang terdekat,kalangan tua yang mempunyai kesafahaman dan bersama membina kampung,bandar dan negara. Mereka saling bahu-membahu dan berkongsi ilmu dan pengalaman,Inilah *integrasi* yang menguntungkan pembangunan setempat.

Dewasa ini di Kelantan telah timbul suara-suara lantang yang menentang wujudnya **Sekolah Inggeris** oleh kalangan-kalangan yang kurang faham tentang Agama sendiri. Ada suara yang mengatakan *haram* dan *kufur menghantar anak belajar di sekolah-sekolah aliran Inggeris.* Akan tetapi tidaklah sampai ke telinga penulis yang mengatakan orang-orang tertentu seperti Tuk Kenali yang mengharamkannya.

Mungkin juga sebahagian pendapat ini benar iaitu bila di sekolah-sekolah berkenaan terdapat guru-guru Kristian yang mempengaruhi murid dan terdapat buku-buku yang ditulis kearah *mengkristiankan* anak-anak Islam serta kehidupan pelajar yang diasuh dengan budaya Barat yang *membencikan Islam* secara senyap-senyap.



**Wajah Hj.(Nik) Mahmud B.Ismail**
(Datuk Perdana Menteri Paduka Raja Kelantan)
*Cendekiawan Kelantan dan pengarang ilmu hikmat*



**Wajah Hjh.Ruqayyah serta keluarga**

## 20.TUK KENALI BERPINDAH KE PONDOK KOTA BHARU

Datuk Perdana adalah seorang tokoh negarawan terkemuka di Kelantan;disebabkan ilmu Agama yang dimilikinya ketika sama-sama belajar pada guru-guru yang sama dengan Tuk Kenali semasa berada di Kota Suci Makkah dahulu. Sesudah beliau pulang ke tanah air,beliau diserahkan tugas yang begitu berat mentadbirkan negeri Kelantan yang di kala itu rakyatnya masih rendah dalam pencapaian ilmu-ilmu Agama;apalagi *Pengajian Hadith dan Sunnah Nabi s.a.w.*

Nampaknya pihak Ke Bawah Sultan Kelantan menyerahkan hal-hal kemajuan negeri terutama dalam bidang ilmu-ilmu Agama dan perkembangannya kepada Datuk Perdana adalah secara telus dan terus. Beliau bertugas dari tahun 1880 sehingga 1964. Dikatakan beliau mendapat ilham dan fikiran-fikiran bernas ialah sewaktu menyucikan diri di kala pagi terutama semasa membuang sisa-sisa makanan dari bawah...... (Penulis juga hampir sama,istimewa semasa bersugi gigi di kala pagi).

Sebenarnya maksud Datuk Perdana Menteri menjemput Tuk Kenali datang mengajar sekali seminggu dahulu itu adalah mengandung *maksud yang mendalam.* Ya,dalam hatinya telah terpendam dan mengharapkan Tuk Kenali akan mengajar terus-menerus di sana pada setiap hari (termasuk hari Jumu`at). Biarlah dia berpindah dari kampungnya untuk keperluan menyibarkan ilmu Agama di kota;kerana kota lebih memerlukannya.

Jadi,sesudah kira-kira dua tahun beliau berulang-alik dari desa ke kota,maka mahu tidak mahu terpaksalah menerima pula pelawaan yang besar daripada Datuk Perdana untuk berhijrah tinggal mengajar di Kota Bharu berdekatan dengan **Masjid Besar Al-Muhammadi** sekarang ini,di mana pada waktu itu di sebelah timur masjid (Kubang Pasu) penuh dengan pondok-pondok penuntut Agama yang berderetan memanjang jalan di sekitar masjid.

Masjid Besar Al-Muhammadi (sempena nama Ke Bawah Duli Sultan Muhammad Keempat) adalah merupakan sebuah pusat pengetahuan Agama yang terbesar dan terpenting di Kelantan;bahkan dia sebagai sebuah universiti yang beroperasi secara tidak langsung sejak dia dibinakan sampailah masa kini.Inilah dia antara *serambi Makkah yang dijalani Tuk Kenali.*

Sekarang Tuk Kenali telah menerima pelawaan Datuk Perdana untuk mengajar di ibukota berdasarkan suatu falsafah atau pendapat yang dikemukakan Datuk Perdana sendiri,iatu:

*"Ilmu itu dicari;bukan dia yang mencari;*

*Ilmu itu ialah suatu kemuliaan yang dijunjung oleh orang-orang mulia dan tinggi cita-cita.*

*Di mana sahaja dia berada dan dipelajari,maka di sanalah bertumpu peminatnya,bak kelkatu mencari lampu timba mendatangi telaga."*

Ya,jika penuntut-penuntut Pondok Paya (Kenali) ingin meneruskan pelajaran bagi mencari ilmu,maka mestilah pula mereka turut berpindah ke kota. Ya,pengetahuan itu samalah seperti *gula* ;di mana ada gula,di sanalah berkerumunnya semut,sehingga dengan kegemaran itu banyak pula kematian semut sebab gula.

Jadi,walaupun hati tidak sepenuh,memandang berat hasrat orang-orang kota,hasrat yang disokong pula oleh semangat sendiri serta matalamat yang besar untuk *mengembangkan pengetahuan Agama Islam* yang suci,maka beliau pun berpindahlah ke Pondok Kota Bharu (Pondok Kubang Pasu), ke pesisir Masjid Besar Al-Muhammadi.



**MASJID BESAR AL-MUHAMMADI masih tegak sewaktu didatangi banjir sejarah 24 Ramadhaan,1386 (5.1.1967)**

Dewasa itu penuh-sesaklah Pondok Kubang Pasu (Kota Bharu) dibanjiri penuntut-penuntut dari seluruh ceruk tanah air **Semenanjung Tanah Melayu**;bukan sahaja dari Kelantan;tetapi juga dari negeri-negeri luar Kelantan.

Selain Tuk Kenali,guru yang mengajar di pondok ini di mana tempat belajarnya ialah di Masjid Besar Al-Muhammadi,ialah *Shaahib As-Samaahah Mufti Tuan Guru Haji Idris B. Hasan* dan lain-lain.

Sebagaimana dipaparkan dahulu,bahawa pelajaranTatabahasa Arab (**Nahu**) adalah merupakan suatu pelajaran *punca* (kunci). Maka pelajaran inilah yang dititik-beratkan oleh Tuk Kenali.Manakala kitab-kitab yang diajar beliau dalam bidang ini ialah bermula daripada kitab *Mukhtashar* sampai kepada kitab *Usymuuni.*

Selain itu beliau mengajar pula **Fiqh Islam** (Perundangan Islam).manakala kitab-kitab yang diajarnya ialah bermula daripada kitab *Fat-h Al-Qariib* sampai kepada kitab *Tahriir* dan *Iqnaa`.*

Dalam **Ilmu Tafsir Al-Qur'an** beliau mengajar kitab *Tafsiir Al-Jalaalain* dan *Tafsiir Al-Jamaal.*

Begitu juga tidak ketinggalan beliau mengajarkan **Ilmu Tasawwuf** (Ilmu Keruhanian Dalam Islam) dengan kitab karya-karya *Al-Imaam Al-Ghazaali* dan kitab *Hikam Ibni `Ataa'illaah.*

Menurut Tuan Guru **Hj.Muhd. Nor B.Hj.`Abdullah,But,Ketereh,** semasa mengajar di Kota Bharu ini Tuk Kenali pernah diminta membacakan kitab *Shahiih Al-Bukhaari.* Beliau mengakui kelemahannya untuk memberi huraian kepada kitab ini;cuma beliau membacanya secara langsung dengan barisnya yang betul (faham) tanpa huraian.

Manakala menurut Tuan Guru **Hj.Daud,Pasir Tuk Kambing,K.Bharu,** Tuk Kenali pernah juga mengajarkan kitab *Shahiih Muslim* (kitab Hadith yang kedua sesudah Al-Bukhaari) dengan cara tersebut,semasa di Masjid Besar Al-Muhammadi.

Pada suatu hari beliau diminta oleh muridnya mengajarkan kitab karangan *Asy-Syaikh `Uthmaan Banjar* iaitu kitab *Taaj Al-`Aruus,* maka beliau menjawab:"Saya tidak mengerti membaca (bahasa Banjar) karangan As-Syaikh `Uthmaan Banjar.

Antara lain,kandungan kitab ini berbunyi:

"Syahdan apabila memperbuat seorang daripada hamba Allah dosa dan ma`siyat maka jatuh sertanya galab* pada hatinya,maka misal ma`siyat itu seperti api dan galab itu seperti asapnya seperti seorang menyalakan api."

Di lain halaman (44):"*Dan hanyasanya sekalian nor itu mataaya hati dan asraar an-nur itu jundun hati seperti adalah bahawa galab itu serdadu dan askar nafsu.*"

Jadwal Mengajar beliau di Masjid Besar Al-Muhammadi ini adalah penuh masa,hampir sehari suntuk,dari pagi sampai suntuk petang;tidak sampai malam. Mungkin beliau menggalakkan penuntut-penuntut agar membanyakkan Sembahyang Malam serta lain-lain ibadah di waktu yang paling sunyi ini,termasuk membaca Al-Qur'an,berselawat dan berdzikir.Di kala mengajar di waktu siangnya tadi, ruangan masjid kelihatan tersesak dengan penuntut yang menadah kitab dan juga orang-orang yang datang *menadah telinga* untuk mengambil ilmu dan nasihat daripada beliau. Walaupun di masa itu belum ada alat pembesar suara;tetapi penyampain pelajaran telah mencukupi dengan suara beliau yang sederhana.

*** gelap**

***Tuk Kenali Mengajar Tanpa Kitab:***

Sebagaimana beliau belajar di Tanah Suci dahulu tanpa membawa sebarang kitab tadahan ke tempat pengajian,maka begitu jugalah beliau mengajar: sesudah beliau menetapkan kitab-kitab yang akan dibaca ,menurut *Sukatan* atau *Ukuran bahan pengajian* tertentu,maka pergilah beliau ke masjid. Setibanya di sana ,maka kelihatan murid-murid beliau telah siap-sedia membuka kitab.

Sejurus, disuruhnya salah seorang murid membaca kitab tersebut yang kemudiannya diikuti dengan penjelasan beliau yang terang dan nyata. Murid-muridnya itu disuruhnya membaca bergilir-gilir dan demikianlah diperbuatnya. Beginilah juga cara yang diikuti oleh anaknya **Syaikh Shaalih Tuk Kenali** ,di kala beliau mengajar di suatu sudut Masjid Al-Haraam di Makkah. Akan tetapi aneh pula,iaitu jika beliau sendiri yang membaca,maka dibacanya sahaja sesebuah kitab itu tanpa penjelasan;sedang murid-muridnya menaruh faham.

***Reaksi Penduduk Setempat:***

Pada suatu bulan Puasa, Ramadhaan Al-Mubaarak,dikatakan Tuk Kenali selalu berada di beranda Masjid Besar Al-Muhammadi kerana mengajar dan beribadah iaitu *bersembahyang Dhuha*,membaca Al-Qur'an dan berdzikir serta beri`tikaf. Apa-apa perbuatan dan aktibiti beliau selalu diperhatikan orang ramai;tidaklah jauh dari sikap para Sahabat Nabi s.a.w. memerhatikan apa sahaja perihal Nabi s.a.w. : bergerak dan diamnya,untuk diikuti dan disusuli.

Bila tiba waktu petang,maka di beranda masjid itu kelihatan sudah terpenuh dengan kuih-muih (di mana orang Kelantan kaya dengan kuih-muih beraneka jenama dan bentuknya),nasi dan lauk-pauk yang diunjukkan orang ramai kepada beliau untuk berbuka puasa;sebab menurut sebuah Hadith Junjungan s.a.w. *bahawa pahala puasa seseorang itu akan sama diperoleh oleh orang yang menjamu untuk berbuka puasa;tidak terkurang sedikit pun.*

Semua makanan dan kuih-muih itu diterima beliau dengan dada terbuka serta melahirkan rasa syukur. *Kecil tapak tangan,nyiru ditadahkan;* dan di antaranya tidak sedikit yang disedekahkan kepada orang ramai yang sedang berbuka;atau pun bersahur di sekitar masjid tersebut. Menurut beliau rezki itu semacam udara,jika diperguna,maka akan datang pulalah gantiannya dengan cepat.

Sewaktu beliau sedang mandi pagi di Tambatan Diraja, berdekatan Padang Merdeka,kedapatan ramai orang berdirian menanti untuk menyedekahkan sebarang jualan mereka agar jualan mereka pada hari itu *tetap laris.* Begitulah keperihalan Tuk Kenali semasa di Pondok Kota Bharu.

Kelantan sebagai sebuah negeri *berbudaya* telah memberi tugas kepada **Tengku Temenggung** untuk memimpin pemain-pemain *Makyong* Kelantan agar mempunyai tatasusila keislaman dengan memaksakan mereka mengikuti jadwal-jadwal **Fardhu `Ain**, jadwal *bersembahyang jemaah* dan lain-lain. Tuk Kenali mengambil kesempatan ini untuk menasihati mereka di samping memberikan mereka nasi-nasi bungkus daripada sedekah orang ramai tadi,pada setiap hari.

Makyong ialah suatu pertunjukan permainan yang mengisahkan cerita-cerita pengajaran berbentuk klasik terutama *Cerita Dewa Muda Dengan Puteri Rakna Mas* yang termasyhur tentang romantiknya sehingga berkelana ke bulan dan berlakunya peperangan dan buruan kerana mencemburui *puteri menyimpan lelaki.* Bagi orang Kelantan, "Dewa Muda" mempunyai pula erti simbolik sebagai manusia yang mempunyai nafsu dan keinginan untuk selalu maju dan mara ke depan.

Sebelum bernama **"Kota Bharu"** ,kawasan ini dan sekitarnya dikenali dengan *"Pulau Saba"*. Dia meliputi suatu kawasan yang luas merangkumi sebahagian besar daerah Kota Bharu;disebut "pulau" ialah kerana kawasan berbudaya ini dilingkungi lilitan sungai dari Sungai Kelantan masuk ke Sungai Bunut Payung,Sungai Pasir Hor, Sungai Cical,Sungai Pasir Tumbuh (Pengkalan Datu) dan terus ke Sungai Wakaf Setan,ke Pulau Melaka dan ke Kuala Pak Amat yang membawa ke pantai,ke Kuala Kelantan dan balik semula ke Sungai Kelantan.

# 21.PERPINDAHAN AKHIR TUK KENALI KE PONDOK KENALI

Sesudah lima tahun beliau mengajar di ibukota (kira-kira pada tahun 1337 H=1918 M),maka beliau berpindah pula ke kampung sendiri;dan pada kali ini beliau tidak ke tapak pondoknya yang asal,di kampung Paya;tetapi ialah ke kampung Belukar,tidak jauh dari Jalan Wakaf Setan (Jalan Tuk Kenali kini).

*Ilmu itu dicari,* kemana sahaja Tuan Guru berada,ke situlah pergi murid-muridnya,baik muka-muka lama,lebih-lebih lagi muka-muka baru. Ya! Zaman dahulu *timba mencari telaga,*bukan sebaliknya,seperti kini.

*Pondok* telah banyak didirikan,masjid telah terpancang merupakan suatu syi`ar Kebesaran Allah di penjuru-penjuru dunia. Telaga,kolah,tandas dan lain-lain kemudahan telah pula wujud tanpa kerahan.Sekarang jumlah murid beliau yang menghuni asrama-asrama (pondok) telah meningkat ke angka 300 orang,suatu jumlah yang besar sewaktu itu jika dibandingkan dengan murid-murid sekolah mana pun.

***Bahan-bahan binaan:***

Di kala itu bahan-bahan untuk binaan pondok adalah menggunakan bahan-bahan tempatan yang mudah lagi ringan dibawa,biasanya terdiri daripada buluh,papan dan atap sagu atau nipah.

Diceritakan di kala Tuan Guru **Hj.`Ab.Rahman Lubuk Tapah,P.Mas** berumur 12 tahun,beliau telah dibawa oleh bapanya ke Pondok Kenali untuk meminta belajar pada Tuk Kenali.

Setelah mendengar permintaan untuk belajar Agama, maka Tuk Kenali pun menjawab: *"Bolehlah ! Akan tetapi pondok,mestilah dibuat sendiri."*

Maka bapanya pun mengucapkan syukur di atas keidzinan Tuk Kenali. Lantas dia pun pulang segera untuk membuat persiapan menanggang pondok. Luas tapak Pondok Kenali di Lot No.1493 ialah seluas 2,191 depa (hampir dua suku ekar),boleh memuat banyak pondok membawa puluhan pondok sederhana dengan penghuni tiga atau empat orang pada sebuah pondok.

Bapa Tuan Guru tadi segera mengupah orang menebang buluh dan menyepat kulitnya untuk selupat ,di samping memotong kayu-kayu Kemahang untuk dibuat tiang;sedang selupat buluh disediakan untuk dibuat dinding. Suatu cara yang paling baik dan termoden telah digunakan di mana rangka-rangkanya ditanggang lebih dahulu (sebagai bahan pasang siap);kemudian dirombak semula untuk dibawa ke Kenali.Sesudah itu diupah orang membawanya dengan perahu melalui Sungai Kelantan ke Tambatan Diraja,dekat Padang Merdeka,di mana di sinilah tempat pengkalan perahu dan kapal di kala itu.

Bahan-bahan tanggangan pondok ini kemudiannya diupah angkut dengan berjalan kaki ke Kenali;sebab kenderaan yang sesuai belum wujud dewasa itu.Barang-barang itu selesai dipunggah selama seminggu genap di mana jarak antara Tambatan Diraja dengan Pondok Kenali yang baru adalah kira-kira 6 kilometer.

Tukang-tukang untuk memasang dari Pasir Mas telah pun tiba;dan menjelang tengah hari sudah pun dapat disiapkan sebuah pondok yang telah pun ditanggang rangkanya lebih dahulu di Pasir Mas.

***Prestasi Pelajaran:***

Pelajaran yang diajarkan Tuk Kenali di Pondok Kenali yang baru ini adalah tidak jauh bezanya dari corak pelajaran yang telah dijalankan di ibukota. Kini kemajuan pelajaran bertambah;buktinya murid-murid beliau sendiri telah terlatih dan layak untuk mengajar murid-murid dalam pondok itu sendiri. Murid-murid yang terpandai itu digelarkan **"Kepala Tela`ah"**(Ketua Mutaala`ah): Juru baca dan pemaham kitab yang mengajarkan kitab-kitab yang agak rendah sedikit daripada kitab-kitab yang dibaca oleh Tuan Guru sendiri. Kepada merekalah tempat murid-murid lain bertanyakan masalah-masalah yang tidak begitu rumit;manakala soalan-soalan yang sukar tetap dihadapkan kepada beliau sendiri.



**Pemandangan Masjid Pondok Tuk Kenali**
**Semasa YB.Ustadz Hj.Mawardi B.Hj.Ahmad**
**Cucu Tuk Kenali yang berhati waja**

Sebagaimana Rasulullah s.a.w. pernah meludahkan air lior beliau ke dalam mulut seorang kanak-kanak bagi memperoleh kecerdasan,maka Tuk Kenali pernah pula *meludahkan air liornya* ke dalam mulut dua orang kanak-kanak yang bersaudara iaitu Tuan Guru Hj.`Ab.Aziz dan Tuan Guru Hj.Mustafa Pasir Tumbuh,K.Bharu ,ekoran permintaan bapanya Tuan Guru **Hj.Abu Bakr,Terosan.** Ketiga beranak ini adalah menjadi murid Tuk Kenali. Pondok ketiga orang mereka berkembang maju sampai kini. Hal yang sama telah dilakukan oleh anak Tuk Kenali,iaitu Tuan Guru **Hj.Ahmad Bakok** yang kerap meludahkan air liornya ke dalam mulut kanak-kanak yang bebal dan nakal. Hasilnya dengan idizin Allah mereka memperoleh keberkatan dalam hidup.

Perlu juga diambil perhatian bahawa baik Pondok Kampung Paya dahulu,maupun Pondok Belukar,kedua-duanya terkenal dengan "Pondok Kenali" disebabkan letak kedua-duanya adalah di dalam "Mukim Kenali";manakala gurunya pula dikenali dengan "Tuk Kenali." Tiadalah terdapat sebutan "Tuk Kenali Tua" dan "Tuk Kenali Muda" dalam sejarah yang menyentuh Tuk Kenali ini.

**Asy-Syaikh `Uthmaan Jalaaluddin Al-Kilantani** pernah menceritakan bahawa semasa dia belajar di Pondok Paya dahulu,Tuk Kenali pernah berkata kepadanya:*"Man, kalau anta hendak banyak ilmu,hendaklah anta menyambungnya ke Makkah,ke pusatnya."*

Manakala seorang murid beliau,Tuan Guru **Hj.Ismail B.Shaalih,Padang Pa` Amat,P.Putih,** berkata:"Tiadalah akan merasa kemanisan bahasa Al-Qur'an (Arab) bagi siapa yang tidak mempelajari **Ilmu**

**Balaaghah** (Penyampaian Bahasa Arab);dan untuk mendalami bahasa Arab dan segala seluk-beluknya,perlulah memakan masa lebih daripada 20 tahun (tempoh 22 tahun Tuk Kenali belajar di Tanah Suci)." Petua ini selari dengan nasihat *Syaikh Wakii`* tentang syarat-syarat memperoleh ilmu itu,antara lain ialah menerusi tempoh masa yang panjang (طول الزمان).

***Tuk Kenali Di Kala Pagi:***

Diceritakan bahawa di kala pagi,Tuk Kenali menyemak hafalan murid-muridnya dalam berbagai bidang: bidang Nahu dan Sharaf;juga ilmu-ilmu lain. Dikatakan Tuk Kenali menyemak hafalan ini secara dalam keadaan berbaring dan berselimut lingkup tubuh termasuk mukanya sekali. Apabila murid membuat salah (tersalah membaca),maka akan tersintaklah ibu kakinya;maka diketahuilah murid akan kesalahan masing-masing;dan mereka mesti mengulanginya semula.

***Bila Tuk Kenali Lupa:***

Pada suatu hari Tuk Kenali terlupa akan lafadz sebuah Ayat Suci Al-Qur'an;beliau cuma ingat akan ma`nanya sahaja. Tetapi kemudian beliau teringat kembali. Demikian berita daripada anaknya Tuan Guru Hj.Ahmad Bakok.

Apakah yang dibacakan beliau sewaktu lupa itu?

Beliau mungkin menyebutkan nama Allah dan meminta agar teringat kembali apa yang terlupa,berdasarkan firman Allah Tabaaraka Wa Ta`aala:

واذكر ربك إذا نسيت

"Dan sebut (ingatlah) akan Tuhan engkau,apabila engkau terlupa." [Al-Kahf:24]

يَا اللهُ ! يَا اللهُ ! يَا اللهُ ! يَا اللهُ!

يَا مُعِيْدُ ، يَا مُعِيْدُ ، يَا مُعِيْدُ

"Wahai Allah,wahai Allah,wahai Allah,wahai Allah!

"Wahai Tuhan yang mengembalikan" (3 kali)
("*Kembalikanlah kepada saya ingatan saya...*")

وَصَلَّى اللهُ عَلَى حَبِيْبِنَا مُحَمَّدٍ وَآلِهِ

Pada suatu kali yang lain dikatakan beliau pernah terlupa atau tidak faham akan suatu perkara,maka dikatakan beliau mengambil air liornya di bahagian langit-langit mulut lalu beliau gunakan untuk menuliskan sesuatu di perut (dada)nya;wallaahu a`lam.

***Kenali dibanjiri Pelajar:***

Sebenarnya semasa di Makkah lagi Tuk Kenali dikenali ramai pelajar dan bukan sahaja pelajar yang datang dari berbagai pelusuk dunia terutama dari Dunia Sebelah Sini: Indonesia,Philipina,Kamboja, Siam,Berunai dan lain-lain. Mereka sudah pun mengenali ketokohan Tuk Kenali.

Orang-orang Indonesia yang pulang dari Makkah terutama dari Sumatra membawa berita tentang kepulangan seorang `alim dari atas angin ke Kenali Kelantan dan beliau mendirikan pondok (pesantrin).

Sewaktu Tuan Guru **Hj.`Ab.Hayy,dari Sumatra** ditanyakan mengenai kesampaiannya ke Kenali,beliau mengatakan bahawa ketokohan Tuk Kenali itu menarik perhatiannya iaitu menerusi seorang sahabat Tuk Kenali se

waktu di Makkah bernama *Parsidin.* Parsidin menganjur dan menggalakkan anak muda ini menyeberang laut menerusi Singapura lalu ke Johor dan terus ke Kenali,Kelantan disebabkan Tuk Kenali adalah seorang `alim di Nusantara. Maka dia pun sampai ke Kenali.

Diceritakan sewaktu itu tangkul-tangkul perigi masjid tidak pernah berhenti,kedengaran turun naik tidak kunjung putus,siang dan malam.Dan di kala malam pula kelihatan pelita dari pondok-pondok berkelompok-kelompok bagai gugusan bintang yang bersinar di langit,tempat murid-murid bertela`ah secara kumpulan,seolah-olah pesta lampu lakunya. Selain yang belajar pada Kepala-kepala Tela`ah,tidak kurang pula ada yang berjalan bersiar-siar mengelilingi pondok selepas mutala`ah kitab mengambil berehat........

Di antara penuntut-penuntut keluaran Pondok Belukar yang agak terkenal,ialah **Doktor Hj.Idris Al-Marbawiy** Pujangga Islam yang terkenal (1929),Tuan Guru **Hj.`Ab.Qaadir Melor,**Tuan Guru **Hj.Hasbullah But,Ketereh,** Tuan Guru **Hj.Muhd. Nor But,** Tuan Guru **Hj.Muhammad Tubuh,Tawang,** dan sebagainya.

Tuan Guru Hj.`Ab.Qaadir berasal dari Kampung But,Ketereh, `alim dalam Ilmu Nahu;demikian juga Tuan Guru Hj.Muhd.Nor But. Manakala Tuan Guru Hj.Hasbullah dan Hj.Muhammad Tubuh,mahir dalam Ilmu Fiqh.

Di samping itu Tuan Guru **Hj.Daud,Bukit Abal** adalah murid Tuk Kenali yang mahir dalam Ilmu Tasawwuf;akan tetapi tariqat yang dibawanya semasa hidupnya itu bukanlah diambil daripada Tuk Kenali;sebab *Tuk Kenali tidaklah mengajar dan tidak mengamalkan tariqat.*

*Ada Soalan Ada Jawapan:*

Tuk Kenali adalah seorang yang suka bertanya dan menggalakkan murid-murid bertanyakan sesuatu masalah yang belum diketahui atau tidak difahami.

Allah S.W.T. Sendiri telah berfirman:

فاسألوا أهل الذكر إن كنتم لا تعلمون

"Maka bertanyalah kamu akan ahli-ahli ilmu (pembaca Kitab);kiranya kamu tidak mengetahui."

[An-Nahl: 43]

Dalam keadaan-keadaan tertentu Tuk Kenali pernah ditanya dengan beberapa soalan sebagai menguji kepintarannya sahaja;bukan kerana semata-mata untuk mengetahui sesuatu hukum.

Ada sebahagian sahabat beliau yang kerap melihat Tuk Kenali selalu tidak berbaju,maka mereka bertanyakan: *"Mengapakah anta selalu tidak berbaju?"*

Mendengar pertanyaan itu,Tuk Kenali pun dengan pantas menjawab:*"Ana ini adalah anak tiri dunia."*

Tuk Kenali merasakan dia perlu bersifat zuhud,hidup sederhana,tidak terpengaruh kepada kemewahan dunia. Baginya,orang lelaki tidaklah begitu `aib jika tidak berbaju di kala bercampur dengan kaum sejenis;berbeza dengan kaum perempuan.

Manakala pada suatu ketika dikatakan **Maulana Tuk Khurasan**, seorang `ulamaa' Hadith yang terkenal di Kelantan, pernah bertanya Tuk Kenali:

*"Bukankah budu itu kotor dan busuk?"*

Tuk Kenali segera menjawab:"Ya, budu itu memang begitulah sifatnya.Sebab itu dia dilarang (dibenci,

Makruh) memakannya"

Sambung beliau lagi:"Akan tetapi bukanlah setiap orang mesti memakan makanan yang nampak lahirnya bersih-bersih sahaja. Apa perlunya berupa sangat bersih. Lihat apa yang akan dikeluarkan perut di pagi esoknya."

Di samping itu **Datuk Bentara Luar** (berasal dari Perak) pernah pula bertanya beliau: *"Mengapakah kebanyakan orang Kelantan ini bersemangat dan mempunyai cita-cita yang tinggi?"*

Maka dengan cepat Tuk Kenali menjawab:"Ya,memang begitulah keadaan orang-orang Kelantan;disebabkan di hulu negeri ini ada banyak emas. Bila rakyat beremas dalam saku.maka mereka menjadi hidup bersemangat dan suka merancang........."

Di antara murid Tuk Kenali yang suka sekali bertanya ialah Tuan Guru **Hj.Husain,Umbai Melaka.** Dia gemar sekali menanyakan apa-apa masalah. Setiap kali adanya pertemuan,maka setiap kali pula ada masalahnya sehingga beliau digelarkan Tuk Kenali dengan gelaran **"Tuk Melaka".**

Perkara menggelarkan seseorang dengan sesuatu sebutan ini,adalah sudah menjadi suatu kelaziman dalam Islam. Rasulullah s.a.w. sendiri pernah menggelarkan **"Abu Hurairah"**(Pak Kucing) kepada seorang Sahabat dan periwayat Hadith;sedang namanya ialah *`Ab.Rahmaan B.Shakhr Ad-Dausiy Al-Yamaani.*

Tuk Kenali juga pernah menggelarkan **"Mahir"** kepada seorang muridnya yang kemudian benar-benar mahir dalam bidang ilmu sehingga menjawat jawatan "Mufti" iaitu *Shaahib As-Samaahah Datuk Mufti Hj.Ahmad Mahir,* Mufti Kelantan (1946-1968).

***Pendidikan Jismani Di Pondok Kenali:***

Tuk Kenali sedar bahawa Pendidikan Jismani juga tidak boleh diabaikan di dalam Sistem Pendidikan Pondok;sebab akal yang sihat dan pengingat itu adalah berada dalam tubuh yang sihat.

العقل السليم في الجسم السليم

"Akal yang sejahtera (sihat) itu terdapat dalam tubuh (fizikal) yang sejahtera (sihat)."

Manakala *abu Hurairah r.a.* memberitakan Nabi s.a.w. telah bersabda:

اَلْمُؤْمِنُ الْقَوِيُّ خَيْرٌ وَأَحَبُّ إِلَى اللهِ عَزَّ وَجَلَّ مِنَ الْمُؤْمِنِ الضَّعِيفِ

"Orang Mu'min yang kuat (fizikal dan mental) itu lebih baik dan lebih Allah `Azza Wall kasihi daripada orang Mu'min yang lemah." [H.R.Muslim]

Beberapa **Kegiatan PJ** ini telah tersedia dalam Islam,antaranya latihan berenang, memacu kuda dan memanah (menembak). Kegiatan dalam rumah atau masjid seperti sembahyang-sembahyang Sunat dan berjalan kaki ke masjid adalah membawa kesan yang besar dalam membina dan memelihara kesihatan.

Terdapat suatu peristiwa seorang murid baru dari Singapura, *`Uthman* telah datang masuk ke pondok. Murid ini adalah luar biasa sedikit,di mana dia datang ke Kenali dengan berjalan kaki sahaja memakan masa kira-kira 20 hari. Kebetulannya dia adalah seorang *kaki bola.*

Sesudah beberapa hari berada di Kenali dan mula belajar pada Tuk Kenali,pada suatu hari dia datang bertanyakan Tuk Guru.

*`Uthmaan:* "Wahai Tuk Guru,bermain bola itu baik atau tidak?"
*Tuk Guru:* "Baik."
*`Uthmaan:* "Bermain bola itu benar-benar baik atau tidak?"
*Tuk Guru:* "Memang baik."
*`Uthmaan (bertanya lagi):* "Baikkah tidak bermain bola?"
*Tuk Kenali:* **"Tidak baik."**

`Uthmaan mengangguk-nganggukkan kepala tanda mengiayakan. Dia memang berheni dari bermain bola dalam dua tiga hari.

Akan tetapi sesudah itu dia bermain lagi dengan gigihnya.

Tiba-tiba dengan takdir Ilahi,dia menjadi sasaran (semacam gila) dan sakit otak. Akhirnya dia dimasukkan ke rumah Sakit Otak.

Ya,dalam jawapan Tuk Kenali tadi mengandung dua hukum menurut dua keadaan:

*Pertama:* Bermain bola itu *harus,* berguna untuk kesihatan bila secara sederhana dan memelihara waktu sembahyang.
*Kedua:* Bermain boleh itu *haram,* tidak baik bila bermain secara hobi dan melampau sehingga rusak urat saraf dan lalai dari sembahyang.

Tuk Kenali tidak ketinggalan pula membawa sebahagian murid beliau kerana *merentas desa* dengan berjalan kaki ke Telaga Bina,Pasir Tumbuh yang jaraknya kira-kira tiga kilometer dari Pondok Kenali, dua kali dalam seminggu;dan beliau sendiri acap kali juga berjalan kaki kerana pergi *mandi* di Paya Mak Baru (kini terletak dalam Istana Negeri) di mana airnya jernih dan udaranya bersih.

***Perjalanan Tuk Kenali:***

Bila kita mempelajari Siirah (Perjalanan Hidup) Junjungan Nabi Muhammad s.a.w.,kita akan mendapati beliau adalah seorang yang hidup cergas,di mana keadaan beliau sewaktu melangkah berjalan adalah **cepat** semacam orang turun dari bukit;tidak berlengah-lengah membuang masa *bak itik pulang petang*.

Apa yang berlaku pada Tuk Kenali juga adalah didapati beliau berjalan amat cepat. Ini diakui muridnya.

Pada suatu hari di kala beliau berjalan bersama-sama murid-muridnya yang dewasa,perjalanan beliau didapati selalu mendahului murid-muridnya. Kerana itu sebahagian muridnya bertanya:"Mengapa Tuk Guru berjalan terlalu cepat?"

Beliau dengan senyum menjawab:"*Yalah, tapi kamu yang tak pandai berjalan.*"

Ya,apakah rahsianya beliau berjalan cepat?

*Berjalan kaki* di masa silam adalah seperti bermotosikal di hari ini. Jika kita berkendera,kita perlu berjalan agak cepat dan laju. Maka demikianlah keadaan berjalan kaki;sebab di zaman lampau belum banyak kenderaan,maka kita terpaksalah *berlatih berjalan cepat* supaya cepat sampai ke sesuatu tempat yang ditujui. Ya,latihan merentas desa adalah suatu latihan yang baik.

Akan tetapi semasa kita sedang menuju ke masjid,kita dilarang berlari-lari anak atau tergesa-gesa sekalipun kerana mengejar imam dalam sembahyang jemaah;malah Nabi s.a.w. menganjurkan supaya kita selalu berkeadaan tenang ,sopan dan merendah diri.

# 22. SISTEM PENDIDIKAN TUK KENALI

Memang tidak dapat dinafikan bahawa Sistem Pendidikan yang diutamakan Tuk Kenali dalam masa hayatnya ialah *Sistem Pondok:* suatu cara pengembangan ilmu dan amalan yang menggunakan bahan-bahan pelajaran yang *berdasarkan kitab* dengan mengkelas-kelaskan kitab kepada pengajian Peringkat Rendah,Menengah dan Menengah Atas dan Tinggi yang dipelajari secara berhalaqah (berkumpulan sambil duduk secara membuat separuh bulatan dengan berhadap kepada guru) di mana tempat belajar adalah berpusatkan di **masjid** atau madrasah (balaisah):manakala pelajar-pelajar tinggal di pondok-pondok (asrama berasingan) di bawah bimbingan seorang guru,*Tuk Kenali*, sistem ini telah melahirkan beberapa orang tokoh `ulamaa',Tuan-tuan Guru (Tuk Guru),penda`wah dan pengarang yang terkenal di mana mereka datang dari berbagai daerah di seluruh Semenanjung,Sumatra,Siam,Kamboja dan lain-lain.

Guru-guru pondok lepasan dari Pondok Kenali yang jumlahnya lebih daripada 75 orang inilah kemudiannya bertibar ke seluruh Nusantara di mana didapati mereka menghidupkan pula Sistem Pondok (Pesantrin) ini.

Adalah agak luar biasa,di samping menggalakkan Sistem Pondok,Tuk Kenali sebagai *pencinta ilmu*; tidaklah menghalangi wujudnya cara persekolahan sebagai sistem yang agak termoden di kala itu.

Sebenarnya dengan tertubuhnya **Majlis Agama Islam Dan Adat-istiadat Melayu Kelantan** pada tahun 1915 yang sudah pun mempunyai rancangan mendirikan

Sekolah-sekolah Agama Islam di Kelantan,di mana penubuhan majlis ini juga adalah dengan *mendapat nasihat daripada Tuk Kenali,* maka pada 5 Ogos 1917 telah pun diadakan sebuah **Sekolah Agama berpengantar Melayu** dengan menjadikan bahasa Arab sebagai mata pelajaran utama,wujud dengan nama :المدرسة المحمدية الكلنتنية (Sekolah Al-Muhammadi Kelantan). Sekolah ini mengadakan pula pelajaran *Bahasa Inggeris* di sebelah petang.

Jadi,Tuk Kenali sebagai Ketua Pengajian Agama Islam tajaan majlis,adalah memain peranan dalam membuka dan menjalankan dasar sekolah ini. Sekolah ini kemudiannya lebih dikenal dengan sebutan **Sekolah Agama Majlis.**

Seterusnya pada tahun 1937 Masehi (tahun kelahiran penulis),bila lahirnya sekolah aliran Arab di Majlis dengan nama: مدرسة محمدية العربية (Sekolah Arab Al-Muhammadi),maka Sekolah Agama Majlis tadi bertukar pula kepada sebutan baru **Sekolah Melayu Majlis.** Akhirnya sekolah aliran Melayu ini diserapkan secara beransur-ansur ke dalam aliran Arab sesudah dia dipindahkan ke bangunan **Ma`had Al-Muhammadi** (P),kini sebagai ekoran dari kewujudan aliran Arab tadi.

Untuk melihat sistem dan Sukatan Pelajaran Pondok dengan lebih jelas,tatapilah buku-buku kami:"*Sumbangan Tuk Kenali Kepada Dunia Ilmu*" dan "*Kelantan Serambi Mekah Di Zaman Tuk Kenali.*"

Di samping itu Tuk Kenali juga adalah dianggap sebagai pendorong pembukaan sebahagian Sekolah Melayu (Kebangsaan) di Kelantan seperti Sekolah Melayu Kubang Kerian Kerian (sekolah bagi penulis,1920), Sekolah Melayu Mentuan,Binjai (1930) dan lain-lain.

# 21. BEBERAPA PERSOALAN

*1. Bagaimana Murid Menghafal Tashrif?*

Menurut disiplin belajar bahasa Arab,setiap orang murid baru *mestilah menghafal Tashrif* iaitu kumpulan kata-kata yang berubah bentuknya berikutan perubahan masa perbuatan,bilangan orang,bentuk perintah dan kerja atau fungsi sesuatu perkataan itu sendiri.

Di kala itu belum ada kitab yang boleh dihafal secara terus oleh murid seperti **Kamus Al-Marbawiy** (yang baru diterbitkan pada tahun 1354 H.;kira-kira dua tahun selepas kematian Tuk Kenali,karya muridnya). Kerana itu Tuk Kenali sendiri yang menuliskan kumpulan Tashrif dalam setiap buah buku murid untuk dihafal pada setiap hari.

Pada pagi esoknya datanglah sekumpulan murid baru untuk membentangkan hafalannya masing-masing. Di kala itu kelihatan beliau menyelimutkan seluruh kepalanya sambil berbaring. Mereka memerhatikan jari-jari kaki Tuk Kenali: bila nampak jari-jarinya bergerak-gerak,maka itulah tanda hafalannya telah betul ;atau lulus.

Maka mana-mana murid yang telah lulus hafalan tadi pun meletakkan buku masing-masing,seorang demi seorang, di hadapan beliau. Apabila semuanya sudah habis menghafal,maka barulah beliau menuliskan kata-kata Tashrif bagi setiap murid tadi menurut hafalan masing-masing,sebagai sambungan bagi hafalan sebelumnya. Kemudian dibahagi kepada murid-murid berkenaan.

Tulisan Tuk Kenali tadi adalah sukar dibaca;disebabkan dia ditulis dengan cepat serta mempunyai gaya tersendiri. Dia hanya senang dibaca oleh orang-orang seperti Tuan **Hj.Shaalih Sering** dan **`Abdullah**..

*2.Penyelesaian Tuk Kenali Berkenaan Tajwid Al-Qur'an:*

Antara perkara yang diarahkan Allah dalam membaca KitabNya ialah **bertartil** iaitu membacanya dengan *sebutan yang baik,betul serta cermat.* Tuk Kenali selain memimpin murid-murid menghafal Tashriif (Perubahan) kata-kata Arab,beliau juga memimpin dan menggalakkan murid-murid **menghafal Al-Qur'an.**

Di kala pengajian membaca Al-Qur'an telah sampai ke tahap yang agak tinggi,maka timbullah suatu perselisihan kerana membaca *Alif Laam Ma'rifah* di antara dua orang murid yang agak mahir dalam pengajian ini iaitu Tuan **Hj.Ya'qub Karam** ,Bukit Marak dengan Tuan **Hj.Wan Ahmad,Kepala Gertak Pasir Tumbuh,**Kota Bharu.

Dalam pertikaian ini didapati Tuan Hj.Ya'qub membaca bacaan :

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ

dengan cara agak terputus antara ال..حمد لله ;manakala Hj.W.Ahmad pula membaca secara terus dengan lemah-lembut : الحمد لله

Perdebatan demi perdebatan berlaku antara kedua orang murid beliau ini ,di mana masing-masing mempunyai penyokongnya.

Akhirnya sampailah kepengetahuan Tuk Kenali. Justeru beliau mengarahkan semua murid agar berkumpul di masjid untuk mendengar suatu penyelesaian yang akan diputuskannya nanti agar berakhir segala perselisihan.

Sesudah semua murid terkumpul dan tidak ketinggalan dua orang murid yang terlibat,maka Tuk Kenali pun lalu melebarkan mulutnya lantas berkata:

"Aku ingin membuat suatu penyelesaian antara dua pihak yang berselisih. Kerana itu dengarkanlah dahulu suatu perumpamaan daripadaku. Ya,manakah yang lebih baik antara dua cara berjalan ini: *seorang yang berjalan dengan mengalih langkah seperti biasa,dan seorang yang berjalan secara berjinjing (tidak memijak dengan tepat),yang manakah lebih utama?"*

Hampir seluruh muridnya mengatakan cara berjalan dengan mengalih langkah *seperti biasa* itulah yang lebih baik."

Tuk Kenali menyambung:"Demikianlah membaca secara terus itu adalah lebih baik daripada secara agak terputus;sedangkan cara kedua tidaklah mengubahkan ma`na atau pengertian."

### *3.Sikap Tuk Kenali Terhadap Lagu Al-Qur'an:*

Lagu-lagu Al-Qur'an kini adalah berpunca daripada suasana tempat dan corak hidup budaya terutama umat `Arab yang melahirkan lagu-lagu yang kita kenal kini dengan nama-nama: *Hijaazi,Yamaani (Shan`aani),`Iraaqi,Nahaawand,Raazi,`Ajami,Mishri,Kur-di,Unsad,Shaba,Rasb* dan sebagainya.

Di samping itu wujud pula gaya-gaya lagu yang disebut "***Bihumrin Dasaj***" (بحمر دسج): iaitu gaya-gaya : *Banjaakah,Husaini,Mayyah,Rakbi,Dukkah,Siika* dan *Jaharakah.*

Apa yang berlaku di zaman Tuk Kenali,ialah ada pembaca-pembaca Al-Qur'an yang mengikut lagu-lagu qashidah yang berdasarkan nama-nama lagu di atas;seolah-olah isi kandungan yang dibawa oleh Al-Qur'an itu sama pula dengan qashidah gubahan puisi manusia;dan kerana itu hilanglah perutusan Al-Qur'an dan bergema serta bersemaraklah semangat dan selera yang mengutamakan nafsu dan hiburan semata-mata. Keadaan ini adalah bertentangan dengan pengajaran Tuk Kenali yang membacakan kitab-kitab Tafsir untuk menjadi *pedoman hidup* harian umat Islam.

Kerana itu tidaklah heran bila di masa kebelakangan ini ada qari-qari yang membuat pengakuan bahawa dia membaca Al-Qur'an dengan lagu-lagu campuran daripada *India* dan *P.Ramli* dan lain-lain. Tidakkah ini suatu **kesesatan dalam membaca Al-Qur'an?**

Tuk Kenali sedar bahawa Al-Qur'an itu mempunyai lagunya yang tersendiri sesuai dengan maksud yang dibawa oleh setiap Ayat, di mana apabila pembacanya mengerti kandungan Ayat yang dibaca,maka akan lahirlah suatu lagu menurut gelombang rasa dan getaran jiwa yang dimiliki oleh pembacanya di kala itu. Bacaan Al-Qur'an itu berlagukan Al-Qur'an;dan dia tidaklah dapat disangkal oleh ahli-ahli bahasa yang mengerti tentang rentak dan intonasi percakapan seseorang insan.

Al-Marhum Tuan **Hj.Yusof Kedondong**, bekas Johan Tilaawah dan juga Johan Qashidah Antara Bangsa (pernah menjadi guru penulis) adalah menegaskan bahawa Kitab Suci Al-Qur'an itu adalah mempunyai lagunya yang tersendiri (Al-Qur'an sudah kaya dengan lagu-lagunya;;dan tidaklah perlu kepada lagu-lagu luarannya –P).

Kerana itu Tuan Guru **Hj.Hasbullah,But,Ketereh** seorang murid yang setia kepada Tuk Kenali adalah didapati tidak menyukai Al-Qur'an dibacakan seperti lagu-lagu kini di mana sebahagiannya diambil daripada lagu-lagu qashidah (puisi lama Arab yang dilagukan) dan lagu-lagu sebahagian kehidupan di Padang Pasir dan suasana **Jaahiliyyah.**

Adalah tidak wajar bagi seseorang pembaca Al-Qur'an yang membaca Al-Qur'an untuk *ibadah* ,apabila membaca Kitab Suci yang berhikmat dan mempunyai nilai pengetahuan yang tinggi ini, *terus memerhatikan kepada lagu-lagu kini* tanpa sedikit pun menumpukan perhatian kepada ma`na yang dikandung oleh Ayat-ayat yang sedang dibaca,adalah suatu **bid`ah yang wajib dihentikan.** (Sila ikuti buku kami:*77 Bid`ah Pembaca Al-Qur'an*).

### *4. Pergadukan Dalam Pondok Kenali:*

Sudahlah menjadi peraturan alam,bila banyak percampuran,banyaklah pula kerusakan. Makanan yang beraneka jenis bila dimakan tanpa peraturan,boleh menjadi racun.

Di kala itu penuhlah sesak Pondok Kenali dibanjiri penuntut dari seluruh Semenanjung Tanah

Melayu,dari selatan Siam (Empat Wilayah),Indonesia,Kamboja, Vietnam dan Kamboja.

Entah apa yang menjadi persoalan,tiba-tiba tercetus suatu perkelahian dalam pondok. Pada mulanya antara seorang dengan seorang;tetapi kemudiannya membawa pergaduhan beramai-ramai antara kumpulan penuntut-penuntut dari Pahang dengan penuntut-penuntut dari Perak. Biasanya masalah-masalah percakapan (bahasa dan loghat daerah) kerap menimbulkan pergaduhan sengit.

Pergaduhan itu pada mula-mulanya pada peringkat perbantahan mulut dan pertikaman lidah;tetapi kemudiannya memuncak pada peringkat perbuatan dan mungkin menimbulkan sesuatu tindakan balas. Kedua-dua kumpulan ini telah keluar secara terburu-buru ke padang yang tidak berapa jauh dari pondok,menghala ke hilir.

Sewaktu kejadian,kebetulan Tuan Guru tiada di rumah. Hal ini segera diberitahu kepada **Hjh.Ruqayyah,** isteri Tuan Guru sebagai *Ibu bagi seluruh pelajar.*

Isteri Tuan Guru segera keluar sambil menangis dan melaung-laungkan mereka dengan suara lantang:

***"Hai budak-budak, nanti dahulu, Tuan Guru mahu lihat!***

***Hai budak-budak,nanti dahulu,Tuan Guru mahu lihat!"***

Berkali-kali ia melaungkan ucapan itu dengan suara lantang berirama sedih.

Mujur! Pergaduhan pun reda,hilang begitu sahaja.

*5. Tuk Kenali Menghadapi Kecemburuan Isteri:*

Suasana dalam rumah Tuan Guru adalah selalu sibuk;apalagi sebelah dapurnya. Kaum-kaum ibu,anak dara dan gadis,keluarga Tuan Guru;juga anak perempuan bagi orang-orang yang berkelamin yang tinggal di pondok kelamin (kawasan penempatan orang-orang yang berumahtangga) selalulah sahaja naik ke dapur menulung membasuh pinggan-mangkuk ,mengatur alat-alat dapur,mengambil kayu api,air dan sebagainya.

Pada suatu hari, *Maryam* yang usianya baru sembilan tahun sedang menulung isteri Tuan Guru di dapur;di saat itu Tuan Guru sedang makan nasi. Entah bagaimana,tiba-tiba hujung jari Tuan Guru tercuit kepada anak ini,anak perempuan sebagai anak-anak Tuan Guru sendiri.

Kejenakaan Tuan Guru ini kelihatan kepada isterinya. Sebagai kaum Hawa',perkara demikian boleh menimbulkan suatu kecemburuan.

*"Tuan Guru, bernikahlah dengan Mek Yam ini! ";* demikian kedengaran suatu suara laungan lantang daripada isterinya,Hjh.Ruqayyah.

*"Bernikahlah ! Bernikah! "*

Tuan Guru membisu seribu bahasa sahaja sambil meneruskan makan.

Seketika kemudian, Tuan Guru pun turun ke masjid kerana membaca kitab.

Isterinya di dapur sudah gelisah. Dengan serta-merta dipanggilnya Tuan **Hj.Hasan** sebagai Imaam Kenali dan **Pak Muda Yusof** dari kampung Istana Nilam,bapa Maryam,secara diam-diam.

Tuan Imaam sudah datang dan Pak Muda Yusof pun sudah tiba. Apakah maksudnya,tidaklah diketahui.

Tidak lama kemudian, Tuan Guru dijemput naik ke atas rumah.

Tuan Guru terperanjat melihat Imaam dan Pak Muda ada di bendul. "Nikah atau apakah ini gerangan?" Demikian bisikan hatinya.

*"Nikahlah Tuk Imaam! Nikahkan anak Pak Muda ini!"*

Tuan Guru membisu,dan matanya kelihatan tetap tidak berkelip.

*"Apa pula ni?!"* Tanya Tuk Guru.

*"Nikahkan Mek Yam! Nikahlah cepat!"* tekan isteri Tuan Guru.

Maka ijab dan qabul pun telah berlangsung;dan majlis pun bersurai dengan begitu sahaja. Demikianlah menurut suatu sember.

Sesudah sebulan menjelang, Maryam dilepaskan. Perkahwinan ini hanya berlangsung secara ijab dan qabul sahaja tanpa seketiduran pun;kerana bukan itu yang dimaksudkan Tuan Guru. *Wallaahu a`lam.*

Tidak berapa lama sesudah peristiwa ini, Maryam dikahwini oleh Tuan **Hj.Taib** dari Kangkung,Pasir Mas;dan sesudah lama hidup berumahtangga,dia pun meninggalkan negeri yang fana' ini.

*6. Tuk Kenali Dengan Gambar:*

Dalam masa hidupnya,diberitakan bahawa Tuk Kenali hanya tiga kali sahaja bergambar (diambil gambar);sedangkan bergambar itupun bukanlah dari kehendaknya sendiri. Mungkin beliau mengambil sikap *wara`* kerana tidak ingin melibatkan diri dalam membuat gambar atau *melukis* makhluk bernyawa di mana akibatnya ,orang yang terlibat akan diminta *memberikan nyawa* kepada makhluk tersebut di Hari Akhirat nanti,berdasarkan Hadith Shahiih.

Sikap yang sama terjadi pula kepada murid-muridnya yang terkenal,iaitu Tuan Guru **Hj.`Abdullah Tahir B.Hj.Ahmad,** Bunut Payung, Tuan Guru **Hj.`Ali Shalaahuddin,** Pulau Pisang, Tuan Guru **Hj.Muhd.Nor B.Hj.`Abdullah,** But,Ketereh dan lain-lain.

Kenapakah Tuk Kenali tidak suka bergambar,walaupun cuma membolehkannya?

Sebagai seorang **Wali Allah**, setiap masa hidupnya ingin mendampingi para Mala'ikat;di mana para Mala'ikat Rahmat tidak akan memasuki rumah yang ada di dalamnya patung-patung atau gambar penuh makhluk bernyawa,loceng dan anjing peliharaan. Jadi siapa yang terlibat dengan perkara-perkara ini,maka dia tidak akan memperoleh keberkatan hidup, rahmat dan keampunan daripada Mala'ikat. Tegasnya Mala'ikat-mala'ikat yang membawa rahmat yang selalu mendo`akan manusia dengan sesuatu kebaikan atau menolakkan mereka daripada sesuatu kecelakaan,tidaklah akan memasuki rumah tersebut;malah sebaliknya tempatnya akan dipenuhi oleh para syaitan yang berperanan sebaliknya serta membawa mala-petaka dan hidup gelisah.

Tiga keping gambar Tuk Kenali yang dapat diabadikan dalam sejarah,satunya gambar beliau berserban bulat (gambar tanpa kalungan bunga) dan dua lagi gambar beliau memakai serban bertingkat;ketiga-tiganya bukanlah beliau bergambar seorang diri;malahan bersama-sama orang lain.

Gambar beliau berserban bulat,adalah didapati beliau diambil gambar semasa bersama Ke Bawah Duli Sultan Ismail dan Pembesar-pembesar negeri di suatu Hariraya `Iid Al-Adh-ha,bertempat di Masjid Besar Al-Muhammadi,Kota Bharu.

Manakala gambar beliau memakai serban bertingkat,adalah beliau diambil gambar bersama-sama **Doktor Za`ba**(Tuan *Hj.Zainal `Abidin B.Ahmad* ),Pendita Bahasa Melayu bersama-sama orang kenamaan termasuk **Datuk Lela Negara** (Tuan *Hj.Ahmad B.Ismail*), Pengarang dan Penerbit Majallah "Al-Hikmah",dan lain-lain (di mana di antaranya ada yang tidak bertutup kepala). Mereka bergambar di pekarangan bangunan Majlis Agama Islam Kelantan,Kota Bharu.

Satu lagi ialah gambar beliau bersama keluarga;mungkin diambil di sebuah studio di Kota Bharu sebelum anakandanya Muhd.Shaalih berangkat ke Makkah.

Pada suatu masa, gambar Tuk Kenali pernah dijual dan disibarkan;dan ramai orang yang menyimpannya di rumah-rumah sebagai kenangan.

Semasa Tuk Kenali masih hidup,seorang Cina ingin menyimpan gambar beliau dengan suatu permintaan berbunyi:"Tuan Guru adalah seorang `ulamaa' besar di Kelantan. Kerana itu benarkan saya dapat memiliki gambar Tuan Guru."

Mendengar permintaan itu,Tuk Kenali dengan senyum menjawab:

*"Saya boleh membenarkan kamu menyimpan gambar saya;tetapi suatu perkara kamu mesti jaga iaitu* ***kamu tidak boleh menyembakan gambar saya;sebab saya bimbang kiranya kamu menyembahkan dia sebagaimana kamu lakukan kepada gambar-gambar yang lain."***

Mungkin Tuk Kenali teringat akan kesan buruk yang telah berlaku ke atas kumpulan manusia sesudah perginya Nabi Nuh `a.s. di mana mereka membuat patung-patung orang `alim yang mereka sanjungi;pada mulanya ditempa untuk menjadi kenangan;tetapi akhirnya bila datang generasi baru,maka mereka menyembah patung-patung itu;dan dianggapnya sebagai Tuhan.



**Pemandangan Pintu Gerbang Ke Pondok Tuk Kenali**

### 7. *Tuk Kenali Dengan Mu`jizat Bulan Terbelah:*

*Bulan terbelah* adalah merupakan suatu mu`jizat yang berlaku di Zaman Hayat Nabi Muhammad s.a.w. di permulaan beliau menyibarkan Agama Islam di Peringkat Zaman Makkah,di pertengahan abad keenam Masehi,di Kota Suci Makkah sendiri.

Peristiwa ini berlaku di atas permintaan Nabi s.a.w. sebagai ekoran dari cabaran orang-orang Kafir Quraisy terhadap Kerasulan beliau,maka Allah mengidzinkannya.

Menurut Hadith riwayat Imaam Al-Bukhaari: dengan idzin Tuhan bulan terbelah dua: sebelahnya berada di atas gunung dan sebelah lagi berada bukan di atas gunung.

Sungguhnya Allah Ta`aala telah berfirman:

اقتربت الساعة وانشق القمر

"(Sungguhnya) telah dekat waktunya Kiamat itu dan telah terbelah bulan." [Al-Qamar:1]

Bagaimana yang kita ma`lum,bulan itu cuma satu,sebuah,bagaimana juga *bumi* kita. Kerana itu bila Allah mengidzinkan bulan menjadi terbelah dua,yang sebelahnya tetap,manakala yang sebelah lagi beredar sendiri dan kemudian bertangkup,maka peristiwa ini dapatlah disaksikan oleh separuh penduduk yang menghuni bumi ini,kiranya mereka memandang ke langit di kala itu,terutama bagi orang-orang atau bangsa yang mempunyai rumah tanpa bombong di kala mereka tidur di bawah bombong langit sendiri seperti orang-orang Arab dan India.

Orang-orang Yahudi cuba memesongkan peristiwa ini dengan mendongengkannya dengan mengiakan bulan terbelah dua;tetapi menambahnya dengan perkara yang tidak masuk akal,iaitu sebelah lagi bulan itu beredar lalu masuk *ke lubang lengan baju Nabi* s.a.w.;kemudian keluar lalu bertangkup semula dengan belahan yang satu lagi.

Peristiwa dunia sejagat ini bukan sahaja mengejutkan orang-orang yang sama menyaksikan bersama Nabi s.a.w. di atas bukit Abi Qubais;malahan juga penduduk Seri Langka ,Malibar (India),Hongkong,Cina dan lain-lain.

Menurut berita daripada Tuk Kenali bahawa di Hongkong terdapat suatu binaan lama yang sama umur dengan peristiwa mu`jizat bulan terbelah,di mana dia didirikan mengambil sempenanya.

Menurut beliau lagi, orang-orang Cina juga pernah membuat suatu peringatan ekoran kejadian ini,di mana mereka mendirikan suatu tembuk antara tembuk-tembuk besar *"Great Wall of Cina"* sebagai sempena peristiwa tersebut.

Manakala penduduk Malibar di India pula turut menyaksikan peristiwa ini,di sana;dan juga penduduk Seri Langka (Ceylon,Pulau Mutiara) yang berjiran dengan Tanah Arab (cuma dipisahkan dengan lautan) serta mempunyai hubungan perniagaan dengan negeri itu pernah tertanya-tanya:*"Apakah gerangan yang menyebabkan bulan terbelah?"*

Hasil dari hubungan itu diketahuilah bahawa di Tanah Arab di kala itu telah lahir seorang Rasul yang membawa suatu Agama baru di mana kemudiannya menyebabkan mereka mencari dan menerima Islam.

***8. Cita-cita Tuk Kenali hendak makan ikan Berual di Kamboja:***

Penduduk Kamboja adalah salah satu penduduk yang agak awal menerima Islam di rantau ini (menurut suatu teori). Di kalangan mereka terdapat para `alim - `ulamaa',cendekiawan,pedagang dan lain-lain. Mereka juga termasuk ummah yang aktif dan gemar mengembara terutama untuk mempelajari ilmu Agama. Di samping itu ramai juga orang Kamboja yang menjadi murid Tuk Kenali,antaranya Tuan Guru **Hj.Ya`qub B.Mahmud,** yang kemudiannya terkenal dengan "Tuk Kemboja."

Hj.Ya`qub ialah salah seorang murid yang disayangi Tuk Kenali. Sebelum dia menjejak kaki ke Kelantan,dia lebih dahulu belajar di Fatani. Berdasarkan keadaan ini mungkin Fatani mendahului Sistem Pondoknya daripada negeri-negeri lain.

Antara sifat Tuk Kenali ialah suka bertanya mengenai sesuatu termasuk hal kehidupan sesuatu tempat;juga kegemaran mereka.

Menerusi Hj.Ya`qub, Tuk Kenali mendapat ma`lumat bahawa di negeri Kamboja terdapat sejenis ikan kegemaran mereka yang terkenal;disebabkan dia sedap dimakan dan kewujudannya jarang-jarang sekali.Ikan itu ialah ikan Berual.

Ikan ini akan naik menimbul di permukaan air selepas musim banjir,kira-kira selama tiga bulan. Bentuk ikan ini menyerupai ikan Kakap,bersisik puteh;kepalanya lemak dan bertulang pahu;enak sekali dimakan.Ikan ini akan naik pada setiap tahun dan mereka akan dicibuk dengan saup dari perahu dengan mudah,sebagai suatu *pesta Sungai Mekong.*

Tuk Kenali tertarik sekali untuk melihat dan meni'mati ikan enak,di mana ceritanya termasyhur sampai ke Tanah Suci Makkah,maka terkeluarlah daripada mulutnya kata-kata:

"Kub! Aku hendak pergi ke Kamboja,aku hendak makan ikan *Berual!*"

*Tiadalah rugi bercita-cita* walaupun umur sudah tua;tanpa cita-cita,tiadalah terdapat pokok durian,binjai dan lain-lain tanaman yang lambat berbuah ditanam oleh orang tua-tua untuk kebaikan anak-cucunya di masa hadapan;sedangkan mereka sendiri tidak dapat mengecap hasilnya di masa mereka masih hidup.

*Allah yang menentu,manusia yang merancang dan Dia pulalah yang mengidzinkan.*

### *9. Murid Miskin Pulang Bercuti Dengan Cara Kasyaf:*

Pada suatu musim cuti pondok,seorang pelajar miskin dari Perak keseorangan di pondok sebab tiada wang untuk pulang bercuti ke kampung.

Pada suatu hari sewaktu dia keluar dari pondoknya,dia bertembung dengan Tuk Kenali yang menyapu-nyapu sampah di tepi rumahnya.

*"Mengapa kamu tidak pulang ke kampung?"*

.....................................................

(Murid ini membisu sahaja,tidak menjawab).

*"Kamu hendak balikkah?"*

"Hendak, Tuk Guru;tetapi hamba tidak berwang;dan pada masa dahulu pun hamba sampai ke mari dengan bersusah-payah: *naik kereta lembu,menumpang kereta api* dan *berkereta lereng* (berjalan kaki –K);sedangkan berkereta lereng itulah yang paling banyak."

Tuk Kenali segera mendapatkan *kerusi malas*nya.

*"Mari ke sini!"*

*"Ah! Duduk!"*

*"Bila aku katakan:"Pejam (mata)!" Maka kamu pejamkan mata;dan bila aku katakan:"Buka (celek)!" Maka kamu bukakan mata kamu."*

"Insyaa' Allah!" Jawab pelajar.

*"Ah! Sekarang Pejamkan mata kamu!"*

Maka murid tadi pun memejamkan matanya dengan ikhlash kerana Allah Tabaaraka Wa Ta`aala.

.........................................................

Masanya berlalu kira-kira sejam.

*"Ah! Sekarang,buka!"*

Maka pelajar tadi pun membukakan matanya.

*"Apakah yang kamu dapat?"*

"*Al-Hamdulillaah* Tuan Guru! Sewaktu tadi hamba telah pulang ke kampung hamba dengan cara terbang amat pantas di mana segala pokok memberi laluan kepada hamba dengan cara mereka membukakan

ruang-ruang mereka,sebagai disepak angin,hamba dapat terbang melalui celah-celahnya."

Ringkas ceritanya, pelajar ini telah selamat bercuti ke kampungnya di Perak,di mana dia dapat bertemu dengan ibubapa dan sanak-saudaranya di sana serta sempat memperkenankan jemputan makan yang diadakan oleh keluarganya di sana sewaktu itu.

Sesudah merasa puas,diapun pulang semula ke pondok menerus **kasyaf** (keterbukaan yang diberikan Allah) itu.

Pelajar itu menjelaskan bahawa dalam sejam itu,sebenarnya dia telah pulang ke kampungnya selama kira-kira setempoh sebulan.

*"Al-Hamdulillah lah,Tuk Guru!"*

Demikianlah diceritakan putera sulung Tuk Kenali,Tuan Guru Hj.Ahmad Bakok.

Ini merupakan suatu antara kekeramatan Tuk Kenali,selain beliau ditakdirkan dapat menyeberang sungai Pasir Mas tanpa perahu dan tanpa berenang pun. Untuk selanjutnya lanjutkan bacaan anda dengan buku kami "**Kekeramatan Tuk Kenali.**"

## 22. TUK KENALI DENGAN TABUNG PINJAMAN PELAJAR

Menurut Tuan Guru **`Ab.Hayy** (*Faqiih `Abdullah*) Jabi,Besut,Trengganu yang berasal dari **Sumatra,** bahawa sesudah dia mengetahui ke`aliman Tuk Kenali meneruskan seorang Sahabat Tuk Kenali sendiri iaitu *Parsidin* yang pernah bersahabat dengan beliau semasa di Tanah Suci Makkah,maka dia dalam usia yang masih muda,23 tahun (di tahun 1931) meninggalkan kampung halamannya *Armantai ,Pulau Panggung,Muara Inek,Palembang* dengan menaiki kapal laut ke **Singapura**, di mana tambangnya $ 7.00; dan kemudian dari Singapura dia menaiki kenderaan ke Kelantan dengan tambang sebanyak $ 7.00 pula.

Sesudah berbelanja dan membeli-belah di tengah jalan,maka di hari kesampaiannya di Kenali dia melihat wangnya cuma tinggal lagi 75 sen. *Apakah yang hendak dibuatnya untuk belanja belajar dan hidup di masa hadapan?*

Hati kecilnya agak malu untuk menyatakan hal itu kepada kawan-kawan yang baru dikenalnya. Akan tetapi apa boleh buat? Mahu tak mahu dia terpaksa juga menceritakan halnya kepada seorang kawannya, **Encik `Azizi** dari Perak.

Sebagai seorang pelajar yang senasib lagi ikhlash,`Azizi membuka sebuah kitab di mana di dalamnya tersimpan beberapa *surat penting* lalu dia menunjukkan ................ (sehelai surat cagar ........tanda pinjam wang).

*"Tak usahlah gusar,semua pelajar di sini boleh pinjam wang pada Tuk Guru* ***tanpa cagaran."*** Kata `Azizi.

Sewaktu hendak pergi berjumpa dengan Tuk Guru,tiba-tiba ada seorang lagi yang senasib dengan `Ab.Hay,maka keduanya pun memberanikan diri untuk melapurkan kewangan masing-masing.

Bila kedua pelajar malang ini menyatakan kehendaknya masing-masing,maka Tuk Guru pun menjawab:"*Ah, nanti esoklah,duit ada di Kota Bharu."*

(Wang di Kota Bharu ini kemungkinan sebahagian wang yang beliau bawa pulang dari Makkah dahulu yang telah bercampur dengan wang dari dermawan-dermawan Kota Bharu kemudiannya ;juga wang dari derma orang ramai di Pondok Kenali sendiri,di mana dikatakan beliau ada menyimpan wang yang diletakkan di dalam satu tukir buluh *di atas pokok rambutan* di depan rumahnya: apabila ada wang kertas,maka wang itu segera diserahkan kepada isterinya Hjh.Ruqayyah; manakala wang perak dipungut sekali seminggu oleh isterinya untuk kepentingan pelajar dan masjid).

Di hari esoknya,Tuk Guru menyuruh kedua orang murid itu naik ke rumahnya.

*"Berapakah yang kamu mahu?"*

Masing-masing menjawab:"Lima ringgit cukuplah,Tuk Guru."

Menurut Tuan Guru `Ab.Hay,wang sebanyak $5.00 di kala itu boleh digunakan untuk belanja sebulan makan;di mana di kala itu harga segantang beras cuma 50 sen (dua gantang baru seringgit).

Menurut Faqiih `Abdullah,sesudah itu barulah tiba kiriman wang dari kampungnya yang dikirim oleh keluarganya menerusi perkhidmatan pos, sebagai suatu tanggungjawab.

Seterusnya,pada suatu hari seorang pelajar dari Grik,Perak hendak pulang ke kampung secara mendadak datang meminjam wang daripada Tuk Guru.

Sesudah bertanya masalah murid,tanpa banyak cakap Tuk Kenali lalu meminjamkan wang $ 5.00 kepada pelajar tersebut serta mendo`akan keselamatan untuknya.

Ditakdirkan Ilahi,pelajar ini terpaksa menamatkan pengajiannya di Kenali sebab tidak cukup belanja;walau bagaimana pun dia telah layak untuk memimpin keagamaan keluarganya.

Selepas berselang kira-kira setengah abad,semasa ***Syaikh Muh.Shaalih Tuk Kenali*** pulang dari Makkah (1982),beliau membuat lawatan sambil berda`wah ke seluruh Malaysia,maka di kala beliau tiba di Grik,beliau telah dijemput oleh murid bapanya yang pernah meminjam wang tadi agar datang ke rumahnya;dan kemudian dia membayar wang yang telah diberi pinjam sebanyak RM 5.00 dengan bayaran RM 50.00 sebagai membalas budi Tuk Kenali yang telah pun meninggal dunia (1933).

Wang itu diterima oleh anakandanya;tetapi bukanlah digunakan untuk kepentingan dirinya,malah dia disedekahkan kepada orang-orang yang memerlukannya di Pondok Kenali.

Ya,nampaknya Tuk Kenali telah pun menjalankan *usaha kebajikan* (pinjaman biasiswa atau pinjaman pelajar bermasalah). Tuk Kenali yang telah pun menghadapi masalah ini semasa berada di Tanah Suci dahulu adalah memang menyedari kepentingan bantuan seperti ini bagi mengatasi pelajar-pelajar yang kesukaran memperoleh wang. *Ada wang seribu jadi.*

# 25. BEBERAPA PERISTIWA TUK KENALI

## *1. Tuk Kenali Dengan Kunjungan `Ulamaa' Dari Masir:*

Pada suatu masa, ketika Tuk Kenali sibuk dengan memberi pelajaran dan kuliah;tiba-tiba beliau didatangi oleh seorang yang tidak dikenali lalu memberi salam. Salam dijawab dan dialog pun diteruskan.

Orang yang tidak dikenali ini ialah salah seorang `ulamaa' yang datang atau memperoleh pengajian dari Masir bernama ***Asy-Syaikh Ahmad Hijaazi***, Pengetua Qari' (Ra'iis Al-Qurraa') Makkah dan pengarang kitab *"Al-Qaul As-Sadiid"*. Kedatangannya tidaklah lain ialah untuk bertemu muka dengan seorang `ulamaa' besar,konon.

Di antara soal-jawab dan temu-ramah tersebut, Asy-Syaikh Ahmad Hijaazi bertanyakan beliau: *"Berapa ilmu pengetahuankah yang anta ketahui? "*

Dengan tenang Tuk Kenali menjawab: *"Tidak banyak! Ana mengetahui hanya pengetahuan bahasa Arab. "*

*"Kedengaran kepada ana nama anta termasyhur ke seluruh negeri sebagai seorang **`ulamaa' Besar**. Bagaimana anta boleh termasyhur hanya dengan satu ilmu-pengetahuan sahaja? "* `Ulamaa' itu menekan.

**"Ah! Ana sendiri tidaklah mengetahui kemasyhuran itu.**" Kata Tuk Kenali.

Dengan kepala yang agak menggiling-giling, orang 'alim itu menegaskan:" *"Ana dianugerahi Tuhan sebanyak tiga puluh ilmu-pengetahuan;tetapi ana tidaklah termasyhur."*

Dalam keadaan senyum Tuk Kenali berkata:

"Kiranya Ilmu Bahasa Arab,maka analah yang agak mendalam sehingga di Kota Suci Makkah pun,analah yang agak lebih."

Barangkali kerana kemasyhuran yang bertebar di Kota Suci Makkah inilah maka nama Tuk Kenali cepat dikenal dan mudah termasyhur.

Justeru Tuk Kenali pernah melafadzkan sebuah sya'ir berbunyi:

إِنَّ الْكِنَالِيَ فَاضَلَ الْكُنْدَالِيَ

*"Sungguhnya Kenali ini melebihi Kundaali (Masir)."*

Di mana *Kundaali* itu ialah nama suatu tempat di Masir;sedangkan Masir sejak Zaman Faatimiyyahnya terkenal sebagai Pusat Perkembangan Ilmu sampailah ke zaman kini.

Tokoh sezaman dengan Tuk Kenali di Masir ialah **Asy-Syaikh Muhammad 'Abduh** (1849-1905) seorang reformis (pembawa pembaharuan dalam pemikiran) umat Islam di dunia di kala itu adalah *mementingkan pelajaran bahasa Arab* sebagai alat (media) untuk memahami sumber-sumber Islam,bila mereka ingin kembali ke pangkal jalan,ingin berijtihad dan *menolak taklid* dan mengutamakan Rasulullah dan perjuangan para Sahabat dalam semua segi hidup adalah turut mempengaruhi Tuk Kenali;tetapi tidak dalam aliran tafsirnya (**Al-Manaar** oleh muridnya *Muhd. Rasyiid Ridha)* yang terpengaruh kepada pemikiran Barat.

Ya,penilaian terhadap tinggi-rendahnya ilmu-pengetahuan seseorang itu adalah boleh juga diukur dengan tinggi-rendahnya pengetahuan dan kemampuan berbahasa orang itu dalam bahasa asing;manakala ketinggian dan kemahiran dalam bahasa Arab kerap menunjukkan ketinggian pengetahuan yang dipunyai seseorang yang ahli dan *banyak membaca* dalam bahasa itu. Jadi,Tuk Kenali,adalah salah seorang jagohnya.

## 2. *Tuk Kenali Ke Makkah Setiap Tahun?*

Ada seorang kenalan Tuk Kenali dari Bacok Kelantan telah pergi ke Makkah kerana mengerjakan Haji. Dia adalah seorang yang suka memerhatikann orang-orang yang sedang tawaf,bersa`y dan bertilawah.

Pada suatu hari dia terjumpa Tuk Kenali sedang berada di tepi sebuah tiang daripada tiang-tiang Masjid Al-Haram;dan dia sempat berjabat salam dengan beliau.

Tidak lama berselang,dia pun pulang ke Bacok.

Sewaktu dia bercerita hal-hal yang berlaku di Tanah Suci,dia memberitahu kepada orang ramai bahawa dia telah bertemu dengan Tuk Kenali di Makkah. "Saya benar-benar kenal dan bertemu dengan dia."Katanya.

"*Eh! Tuk Kenali ada di pondoknya di Kenali. Saya telah pergi dan telah berjumpa dengannya pada Hariraya Haji yang kedua.*" Sampuk kawannya.

........"Tuk Kenali memang seorang **Wali Allah**, Allah memberikan kemudahan kepadanya untuk ke Makkah dengan sekelip mata,pergi dan pulang." Kata orang Bacok; *wallaahu a`lam.*

### 3. *Tuk Kenali Diusung Ke Kampung Tukul:*

Kampung Tukul ialah sebuah kampung yang terletak tidak jauh dari Kampung Perul,Peringat,di mana menurut cerita yang pernah dituturkan oleh orang-orang di sini,bahawa pada setiap musim buah-buahan, penghuni kampung ini kerap *membuat kebajikan* dengan menjamu orang-orang `alim dan lebai,istimewa Tuk Kenali,semasa hayatnya.

Setiap menjelang Musim Buah-buahan pada setiap tahun,Tuk Kenali dijemput dan kemudian *diusung beramai-ramai* untuk membawa beliau ke Kampung Kerasak,iaitu ke rumah Tuan **Hj.`Ab.Rahman** ,seorang kampung yang menjadi murid Tuk Kenali,tidak jauh dari Tukul.

Di sana beliau dijamu dengan berbagai buahan tempatan yang enak-enak. Seterusnya beliau diusung pula ke Kg. Tukul yang juga tidak jauh dari Padang Mengkali,Peringat,Kota Bharu.

Penduduk tempatan menceritakan,pada hari kedatangan Tuk Kenali itu telahpun disiapkan sebuah *gerai* tempat duduk dan istirahat beliau,di mana didapati beliau lebih suka duduk di atas gerai di tanah (di luar rumah) bersama-sama orang ramai;sebaliknya kurang suka naik ke rumah penjemput menjadi tetamu kehormat tetapi terpisah dari orang ramai.

Bila orang-orang kampung mengetahui rancangan di mana Tuk Kenali akan dibawa ke kampung mereka di rumah **Cik Sa`d,** bapa kepada **Cik Taib**,datuk kepada seorang penuntut pondok yang bernama *Hj.Syamsuddin,* dengan harapan Tuhan akan memberikan **keberkatan dan**

**rezki** yang berlimpah-ruah untuk mereka,maka orang-orang kampung berkenaan dan sekitarnya kelihatan berduyun-duyun membawa hasil buahan masing-masing: ada yang membawa durian,rambutan,duku,langsat,manggis dan sebagainya berlonggok-longgok di tepi gerai.

Di sinilah sewaktu orang ramai berkerumun meni`mati ni`mat kurniaan Allah,Tuk Kenali mencari kesempatan menda`wahkan mereka ke jalan Allah menerusi berbagai pengajaran dan nasihat keagamaan.

### *4. Tuk Kenali Naik Kereta Api Ke Lubuk Tapah:*

Kini "Lubuk Tapah" terkenal dengan sebab pondoknya,iaitu **Pondok Lubuk Tapah** dengan sebuah masjid mukim yang selalu ramai didatangi orang kampung di sekitarnya dan pelawat-pelawat dari luar negeri.

*Tapah* ialah nama sejenis ikan sungai yang banyak darah. Manakala pondok ini pula terletak di tepi sebuah anak sungai yang mempunyai sebuah lubuk (telaga dalam sungai) di mana banyak berkeliaran dengan ikan Tapah.

Tidaklah diketahui dengan tepat apakah tujuan Tuk Kenali ke Lubuk Tapah. Apa yang jelas diketahui bahawa di Lubuk Tapah ini ada seorang murid beliau yang kemudiannya terkenal dengan nama Tuan Guru **Hj.`Ab.Rahman**, bapa kepada Tuan Guru **Hj.`Abdullah** kini,di mana beliaulah yang membuka pondok tersebut.Bapa beliaulah,Imam Hj.Wan yang mengundang Tuk Kenali ke rumahnya (sebelum lagi didirikan pondok).

Tuk Kenali menaiki keretapi dari Setesen Kota Bharu (Palekbang) ke Pasir Mas,kira-kira setengah jam melalui beberapa buah kampung,padang dan jambatan.

Bila Tuk Kenali tiba di Setesen Kereta Api Pasir Mas,beliau mendapati ramai orang yang sedang menunggu ketibaan beliau;dan kemudian mereka ini semuanya berjalan kaki mengiringi Tuk Kenali dari Pasir Mas ke Lubuk Tapah,jaraknya kira-kira 4 kilometer. Tuk Kenali dijemput sebab orang-orang di sini hendak kenal wajah orang `alim;dan di sini beliau minta dijamu nasi dengan *sayur Bayam.* Sesudah itu beliau dibawa pula ke rumah Tuk Saman,bapa kepada Tuan Guru `Abdullah Kg Lati;di sana beliau minta dijamu nasi dengan lauk Ayam Kampung. Mungkin dengan sebab kedatangan Tuk Kenali ke kampung ini,maka "Pondok Lubuk Tapah" terus maju sampai kini.

5. ***Tuk Kenali Berkelah Sambil Berda`wah Di Telaga Bina,Pasir Tumbuh:***

Jika anda menaiki kenderaan dari Kubang Kerian ke Pasir Tumbuh, sebelum anda menaiki Jambatan Pasir Tumbuh yang indah itu,anda boleh nampak sebatang jalan di sebelah kiri jalan turun ke pinggir sungai,di sanalah kira-kira satu setengah kilometer dari luar terdapat satu tempat yang dikenal dengan "Telaga Bina",di mana masih terdapat sisa-sisa keret telaga yang berhubungan dengan Tuk Kenali,terletak di tepi Sungai Pasir Tumbuh (Sungai Pengkalan Datu).

Kawasan di sekitar telaga ini dikenal kini dengan "Telaga Bina",ekoran dari pembinaan sebuah telaga baru oleh orang-orang kampung di mana dia antara lain

dibinakan untuk kepentingan Tuk Kenali menjalankan aktivitinya bersama-sama orang-orang kampung di sini.

Dalam kesibukan mengajar dari pagi sampai tengah hari, petang dan malam,Tuk Kenali tidak menyia-nyiakan masanya untuk keluar mendekati orang-orang kampung dengan tujuan menda`wahkan mereka ke jalan Allah,mengajarkan mereka isi Al-Qur'an dan Sunnah Nabi s.a.w. Antara tujuannya mungkin juga untuk berehat di luar pondok dan menjalankan kegiatan tubuh (fizikal) agar *selalu sihat,* terutama menghadapi saat-saat umur tua atau lanjut.

Dikatakan pernah dua kali seminggu Tuk Kenali keluar dari kawasan pondoknya kerana pergi ke Telaga Bina dengan ditemani beberapa orang murid kesayangan beliau,iaitu secara berjalan kaki,jaraknya kira-kira tiga kilometer dari Pondok Tuk Kenali. Sebenarnya dengan berjalan kaki ini,badan kita akan sihat;dan kita dilatih bersifat merendah diri,tidak sombong. Ini merupakan suatu kegemaran Tuk Kenali.

Di tepi telaga yang dibinakan tadi telah dibinakan sebuah gerai besar untuk Tuk Kenali berbaring tidur dan tempat meletakkan sebahagian makanan dan lauk-pauk.

Pada hari-hari tertentu yang dijanjikan Tuk Kenali,orang-orang kampung sekitar Telaga Bina akan keluar di sebelah pagi,masing-masing dengan tugasnya: ada yang membawa pukat,kail,jala,serkap dan lain-lain untuk menangkap ikan dan udang yang ada di sekitar sungai itu;mereka telah berada lama sebelum lagi ketibaan Tuk Kenali.

Diceritakan bahawa Tuk Kenali,sebaik-baik sahaja beliau sampai di tepi telaga itu,beliaupun segera bersalin pakaian lalu beliau bermandi-manda. Sesudah itu beliau menemui orang-orang kampung sambil bertanyakan masalah-masalah kehidupan mereka. Dalam masa inilah Tuk Kenali menyeru mereka ke jalan Allah,mengajak mereka *melakukan kebaikan* dan *mencegah dari kemungkaran,* sehinggalah apabila hampir tiba waktu Dzuhur,masing-masing turun ke sungai kerana mengambil wudhu'.

Sesudah bang,Tuk Kenali bersembahyang Sunat Qabliyyah Dzuhur 2 rakaat;demikian juga murid-murid beliau dan sebahagian orang kampung. Selepas qamat,mereka bersembahyang Dzuhur secara berjemaah di atas gerai besar tersebut dan di bawahnya (di atas tanah).

Tuk Kenali pernah menyentuh perbuatan *makan duit berhasil* (makan riba) yang diamalkan oleh segelintir orang kaya tidak jauh dari sini,di mana menurut beliau perbuatan ini nyata haramnya dan dia *diperangi Allah* berdasarkan sebuah Ayat Suci yang berbunyi:

يا أيها الذين آمنوا اتقوا الله وذروا ما بقي من الربا إن كنتم
مؤمنين . فإن لم تفعلوا فأذنوا بحرب من الله ورسوله

"Wahai orang-orang yang beriman,takutlah kepada Allah dan tinggalkan sisa riba (yang belum dipungut) jika kamu (memang) orang-orang yang beriman.Jika kamu tidak berbuat (tidak meninggalkannya) maka ketahuilah bahawa Allah dan RasulNya akan *memerangi kamu.* "

[Al-Baqarah: 278-279]

Sesudah berwirid sembahyang dan sembahyang sunat Ba`diyyah Dzuhur dua rakaat,Tuk Kenali baru makan nasi bersama orang-orang kampung.

Di samping itu Tuk Kenali amat suka makan udang. Kerana itu bila ramai yang turun ke sungai itu memperoleh udang,maka mereka akan mengumpulkan udang-udang besar dan kecil untuk dimasak dan dihidangkan kepada Tuk Kenali.

Dikatakan Tuk Kenali mempunyai kebolehan luar biasa memakan etak.Etak-etak itu biasanya dimakan sebiji demi sebiji dikekah dengan gigi secara berhati-hati dengan meletakkan pada gigi di tempatnya yang betul,baharu boleh dikekah. Kadang-kadang untuk membelahnya dengan pisau pun bukan suatu kerja yang mudah.

Akan tetapi dikatakan Tuk Kenali mempunyai suatu keistimewaan yang tersendiri dalam memakan etak ini,di mana beliau mengambil **secekak etak**,kira-kira 20 biji lalu dicampakkannya ke dalam mulutnya,maka dengan sekaligus dimamah-mamah dan kemudian diluahkan kulitnya keluar,lantas isinya ditelan secara mudah.

Diceritakan bahawa selain orang yang bersama Tuk Kenali yang hadhir bersama beliau,ada lagi sekumpulan orang-orang kampung yang datang mengintai dari jauh tentang berapa ramai orang yang hadhir dan apakah aktiviti-aktiviti yang dibuat mereka,termasuk syarahan atau ceramah Tuk Kenali kepada orang ramai.

Demikianlah Tuk Kenali selalu datang untuk kegiatan ini,dan beliau selalu melalui suatu jalan kecil turun ke sungai,sehingga kini jalan ini dikenal dengan "*Jalan Tuk Kenali.*" (Selain Jalan Wakaf Setan)

# 26.TUK KENALI DENGAN CERPEN

Suatu hal yang agak berbeza dari pengajaran Tuk Kenali di Kota Bharu dahulu ialah bila beliau berhijrah semula ke kampung sendiri,maka ramailah orang-orang kampung datang menadahkan kitab dan telinga untuk mendengar pelajaran dan nasihat-nasihat Agama.

Untuk menarik perhatian murid-muridnya terutama orang-orang kampung,maka banyak sekali beliau mengemukakan cerita-cerita pendek dan kadang-kadang agak lanjut yang berhubung dengan masalah-masalah Agama dan masyarakat.

Cerita-cerita itu diselitnya di celah-celah pengajaran beliau agar pengajarannya tidak menjemukan;dan kalau ada orang-orang yang agak mengantuk,maka dengan cara begini ia akan sedar kembali kepada pelajaran yang dihadapi.

Akan tetapi cerita-cerita yang dikemukakannya itu tidaklah berupa sebarangan cerita,semuanya mempunyai persesuaian dengan pelajaran,dan kerap mengandung tauladan yang baik;hanya sekali sekala dicelahi dengan cerita lawak-jenaka;dan itupun tidak menyimpang dari yang dimaksud (tujuannya).

Pada tahun 1969 dengan kerjasama Yang Bahagia **Datuk Yusof Zaki B.Hj.Ya`qub**, Pustaka Dian,Kota Bharu telah berjaya menerbitkan buku penulis bertajuk **"Cerpen-cerpen Tuk Kenali'** dengan 23 cerpen. Cerpen-cerpen ini banyak menarik pengkaji-pengkaji,baik dari segi gubahan dan sumbernya;demikian juga dari segi kesannya dalam masyarakat sehingga dia dianggap sebagai suatu *hasil sastera rakyat yang terbaik.*

Pada tahun 1988, penulis atas nama Pustaka ASA (Angkatan Sayap Al-Islam) telah menerbitkan semula sebahagian cerpen tadi dengan tambahannya dalam buku "(Warisan Cerpen Tuk Kenali) **Tuk Qadhi Dan Tuk Guru** ,di mana ditambah dua cerpen baru iaitu:

1. Awang Hidung Melintang.
2. Hanya Untuk Menyedapkan.

Dan pada tahun yang sama,penulis berjaya menerbitkan lagi kembarannya dengan tajuk **"12 Cerpen Tuk Kenali"** di mana ditambah dua cerpen baru iaitu:

1. Kemuliaan Merendah Diri.
2. Semangat Pengorbanan Yang Ulung.

Seterusnya pada tahun 2001, dengan kerjasama "Al-Hidayah Publishers", diterbitkan semula semua cerpen dalam sebuah buku edisi Rumi dengan nama **"Cerpen Warisan Tuk Kenali"** (RM 8.00)

Cerpen yang terpanjang antara semuanya (21) itu ialah yang bertajuk "Helah Yang Bijak" (Taktik Qadhi Dalam Berpoligami) dan merupakan yang paling menarik dan lebih hidup dalam ingatan.

Meskipun bentuk persembahan yang dikemukakan Tuk Kenali nampak bersahaja tanpa menggunakan nama pelaku dan suasana tempat;tetapi dia telah berjaya mencapai matalamatnya dalam pendidikan;hampir dengan bentuk cerita-cerita dalam Kitab Suci Al-Qur'an (tanpa mnyebut nama dan tempat tetapi penuh dengan ibarat). *Tuk Kenali Cerpenis Melayu pertama?*

# 27.TUK KENALI DENGAN TARIQAT

Segala gerak-geri kehidupan Tuk Kenali,istimewa hal-hal ibadat dan dzikir yang biasa dibaca dan diamalkan beliau,adalah semuanya diperhatikan oleh murid-muridnya;demikian juga sebahagian orang kampung untuk ditiru atau dicontohi. Hal seperti ini,tidak jauh dengan perhatian yang dibuat oleh para Sahabat terhadap perihidup Nabi Muhammad s.a.w.

Menurut Al-Marhum Tuan **Hj.Wan `Abdullah B.W.`Umar** ,suami kepada Ustadzah **Hjh.Rahmah Bt. Hj.Ahmad** , cucu Tuk Kenali,mengatakan seorang murid Tuk Kenali yang terlalu hampir dan selalu sembahyang berjemaah dengan Tuk Kenali pada setiap waktu ialah Tuan Guru **Hj.Salleh B.Putih,Besut** ,di mana dia lebih tahu hal-hal rahsia Tuk Kenali melebihi orang lain yang hanya datang secara terkadang untuk berjemaah,beliau mengatakan **bahawa Tuk Kenali tidaklah mengamalkan tariqat**;kalau ada,tentulah dia mengamalkannya sama ada di masa pagi,petang atau malam;tiadalah yang banyak diucapkannya selain *Qul huwallaahu ahad.*

Menurut catatan sejarah,di zaman Tuk Kenali ini telah pun dibawa masuk tariqat-tariqat Sufi ke Kelantan menyebabkan sebahagian `ulamaa' dan para cedekiawan mengamalkannya terutama pada **Sidi Azhari** yang memperkenalkan tariqat **Ahmadiyyah** di Kota Bharu dan di Kampung Laut.

Kini terdapat 98 nama tariqat Sufi yang berkembang di seluruh dunia;sedangkan nama-namanya belumlah dikenal di Zaman Nabi s.a.w.; demikian juga

di Zaman Khulafaa' Ar-Raasyiduun. Dengan kata-kata lain,semua tariqat Sufiyyah adalah lahir sesudah telah sempurnanya pembentukan Agama Islam,berikutan dengan kewafatan Junjungan Nabi s.a.w. di mana *tidaklah perlu lagi kita mencari jalan (tariqat) lain* selain jalan besar lagi terang yang dikenal dengan **Sunnah** (Perjalanan Hidup Nabi s.a.w.) di mana dianya adalah selari dengan Kitab Suci Al-Qur'an sendiri.

Berbalik dengan ajaran Sidi Azhari tadi,sebuah rumah telah dibina dan diwakafkan kepada beliau bertempat di Kg.Laut,seberang Sungai Kelantan bagi mengajarkan tariqat ini di mana didapati murid-muridnya makin berkembang.

Apa yang diamalkan ialah guru dan murid **berdiri dengan berdzikir** mengucapkan secara lantang akan kalimah suci: ***"Allah! Allah! Allah!"***

(Bukan dengan lafadz:"Ya Allah "(Wahai Allah) yang kemudiannya diikuti dengan apa-apa permohonan).

Pada peringkat pertamanya mereka bertahlil;kemudian diringkaskan dengan kata-kata "Allah" sahaja;seterusnya diringkaskan lagi dengan ucapan yang paling ringan yang kedengaran bunyinya sebagai satu salakan ialah :"**Hu! Hu! Hu!** (Dia! Dia! Dia!). Kerana itu **Syaikh Ahmad Khatib,** guru di Masjid Al-Haram mengatakan:"*Maka segala tariqat guru-guru adalah* ***terkeluar daripada Al-Qur'an dan Hadith Nabi."***

Sidi Azhari pintar sekali menarikkan murid-muridnya menyebabkan ramai yang terpikat kepadanya;malah mereka pergi berkumpul beramai-ramai di Kg.Laut itu dari pagi sampai ke malam dengan membawa bekalan dari rumah.

Menerusi syarahan-syarahan yang disampaikan Sidi Azhari ini,membuatkan orang ramai merasakan *fana'* (hilang / musnah) terhadap alam jagat ini lalu merasa dekat dengan Allah;seolah-olah mereka mencapai **Maqaam Fanaa'** dan merasakan **baqaa'** (kekal) bagi Allah sahaja (Maqaam Baqaa');dan di kala itu tidaklah lagi terbayang di hadapan mereka selain **"Syurga"** semata-mata,sehingga mereka lupa akan kehidupan duniawi di mana mereka hidup.

Memandang *bahaya* seperti ini,maka dikatakan Ke Bawah Duli **Sultan Muhammad Ke-IV** telah menerima nasihat daripada Tuk Kenali,di mana menurut Tuk Kenali,ajaran dan amalan seperti ini,selain dia betentangan dengan pokok-pokok ajaran Islam yang sebenar,maka dia boleh pula merusakkan masyarakat Umat Islam sendiri dan membantutkan prestasi negara yang sedang membangun.

Suatu tindakan telah dilakukan yang menyebabkan Sidi Azhari terpaksa meninggalkan Kelantan,berundur ke Trengganu;dan kemudiannya ke Makkah.

Sebenarnya amalan bertariqat itu adalah tidak selari dengan Sunnah Nabi s.a.w. yang utama kita ikutkan. Dia bukanlah dari ajaran Nabi Muhammad s.a.w.di mana Nabi s.a.w. tiadalah pernah mengajarkan amalan yang khusus kepada orang yang tertentu yang sekali gus dapat pula diikuti kemudiannya oleh orang lain (orang ramai);sedangkan ajaran Nabi s.a.w. seorang *Rasul Agung* yang menjadi rahmat (memberi kebaikan) kepada seluruh alam,adalah **untuk seluruh individu**,di mana keadaan ini boleh diruju` dengan terangnya dalam kitab-kitab Hadith yang shahiih terutama *Kutub As-*

*Sittah,* iaitu kitab-kitab himpunan Imaam Al-Bukhaari,Muslim,At-Turmudzi,Abu Dawud,An-Nasaa'iy dan Ibnu Maajah;juga Imaam Maalik dengan kitabnya "Al-Muwattaa'."

*Uswah* atau contoh Rasulullah s.a.w. dalam semua aspek hidup termasuk ibadah adalah mengatasi segala amalan tariqat yang diikuti oleh umat Islam di hari ini.Sungguhnya segala amalan dan wirid Nabi s.a.w. yang ditinggalkan beliau adalah telah lebih dari cukup.

Wajarkah Tuk Kenali merestui amalan bertariqat? Tentu tidak! Apalagi kalau hendak mengatakan beliau menganut Tariqat Ahmadiyyah atau lain-lain. Beliau tidaklah pernah mengajarnya;apalagi mengamalkannya.

Orang yang bertariqat ialah manusia-manusia yang hidup terkongkong oleh **guru** atau *syaikh* ;di mana mereka menjadikan gurunya sebagai ikutan yang paling tinggi;dan terkadang mereka sanggup mengutamakan guru mereka melebihi Rasulullah s.a.w. sendiri. Masing-masing tariqat menonjolkan bahawa tariqatnya sahaja yang benar dan ada sanad;manakala yang selainnya adalah salah dan menyeleweng. Mereka diselubungi cara berfikir yang sesat sekalipun mereka menda'wakan ada amalan mereka yang mengikutkan Sunnah Nabi s.a.w. Kerana itu untuk *hidup selamat* dan *berjaya,* hendaklah bersikap tegas kembali ke pangkal jalan menjalani **Leboh Raya Sunnah Nabi s.a.w. sendiri** yang dijamini Allah dan RasulNya s.a.w. di mana Kitab Allah (Al-Qur'an) dan Al-Hadith merupakan dua warisan Nabi,rujukan ummah yang jauh dari segala kesesatan dan penyelewengan.

# 28.TUK KENALI DENGAN KITAB-KITAB JAWI

Dalam bidang pengajarannya di Pondok Kenali,maka kitab-kitab Jawi juga mendapat perhatian Tuan Guru.

Semasa di Pondok Paya dahulu ,kitab-kitab Jawi telah mula dibaca dan diajarkan oleh Tuan **Hj.`Uthmaan Jalaaluddin** yang kemudiannya terkenal dengan gelaran *Syaikh `Uthmaan Jalaaluddin Al-Kilantani.*

Sebenarnya sejak awal-awal lagi murid-murid dialirkan sama ada *Aliran Jawi* atau *Aliran Arab;* di mana dengan firasatnya Tuk Kenali telah diberi pengenalan oleh Allah dapat mengetahui kadar kecerdasan seseorang murid baru tanpa diadakan ujian atau peperiksaan lebih dahulu;hanya dengan melihat wajahnya,air muka dan matanya serta perawakan tubuhnya dan perjalanannya,maka Tuk Kenali akan membuat keputusan segera dengan kata-kata:

*"Anta layak mengaji kitab Arab* (mengikut Aliran Arab)."

*"Kamu pula layak mengaji kitab Jawi* (mengikut Aliran Melayu)."

Untuk berjaya mempelajari bahasa asing dan untuk memiliki ilmu yang ada dalam bahasa itu,seseorang murid perlu mempunyai kecerdasan otak yang tinggi dan jiwa yang kuat bersemangat waja;apalagi terhadap penguasaan bahasa Arab,bahasa Al-Qur'an yang mempunyai banyak liku-likunya:bentuk dan gaya bahasanya;tidak semudah bahasa ibunda sendiri yang segera difaham tanpa guru pun.

Menurut ayahanda penulis, Tuan Guru **Hj.Salleh B.Putih** (Ab.Latif),Guru Al-Qur'an di Pondok Kenali sesudah perginya Tuk Kenali,bahawa dia sendiri mengikut arahan gurunya Tuk Kenali dalam mengikuti pengajian,di mana Tuk Kenali berkata kepadanya:"*Kamu layak belajar kitab Jawi.* "

Al-Hamdulillaah! Dengan mematuhi arahan Tuk Kenali inilah,maka beliau didapati belajar bersungguh-sungguh kitab-kitab Jawi dan lainnya sejak zaman Tuk Kenali sehinggalah saat-saat kematiannya;juga disambungnya lagi mempelajarinya pada anaknya Tuan Guru **Hj.Ahmad Tuk Kenali** dan juga pada Tuan Guru **Hj.Muhammad Jebeng (Jambang)**,iaitu anak saudara Tuk Kenali yang mengajar di Masjid Kubur Tuk Kenali,sehingga akhirnya kitab-kitab beliau memenuhi sebuah almari besar,penuh dengan kitab-kitab Jawi,merupakan suatu perbendaharaan ilmu sehingga pembacanya bolehlah disebut sebagai orang `alim kitab Jawi. Antara kumpulan kitab-kitab inilah yang membantu penulis mengenal `aqidah dan mendalaminya di peringkat awal dan dia juga mendorong penulis menuliskan semula sebahagian kitab Jawi dan isinya ke dalam persuratan Melayu kini,termasuk kitab *Intisari Bahr Al-Maadzi* yang diusahakan penulis sendiri tanpa berguru.

Tuk Kenali,bukan sahaja menyerahkan tugas mengajar kitab-kitab Jawi ini kepada sebahagian murid beliau yang mahir;tetapi beliau sendiri mengajarkan sebahagian kitab Jawi kepada pelajar-pelajar.

Sebenarnya menerusi kitab-kitab Jawi inilah Tuk Kenali dapat merapati diri dengan orang-orang kampung;sebab mereka kurang mahir dalam bahasa Arab;sedang mereka sangat-sangat memerlukan ilmu Agama yang menjadi panduan ibadah dan penyuluh hidup mereka.

Orang-orang kampung itu usianya sudah lanjut;pantang pula diajar Nahu dan Sharaf. Jadi,bahan pengajian yang baik dan lebih sesuai untuk mereka tentulah kitab-kitab Jawi,di mana sebahagian isinya dapat dibaca dan difahami sendiri oleh pembaca;kecuali beberapa perkataan yang sukar dieja dan susah difahamkan;sebab dewasa itu dia ditulis tanpa kaedah yang sempurna dan lengkap.

Antara kitab yang dibacakan sendiri oleh Tuk Kenali ialah kitab *"Fariidah Al-Faraa'id"* karya gurunya Tuan Guru Wan Ahmad, membicarakan soal `aqidah (tauhid) untuk mengenal Tuhan dari dekat;susunannya amat mudah difahamkan.Kitab ini merupakan sebuah kitab permulaan;tetapi menarik.

Juga beliau membacakan kitab *"`Aqiidah An-Naajiin"* karya **Tuan Minal** (Z.`Abdidin B.Muhammad Al-Fataani Al-Azhari),sebuah kitab yang lebih luas perbincangannya dan lebih mendalam;sesuai untuk peringkat tinggi dalam segi `aqidah.

Manakala dari segi Fiqh (Perundangan Islam) pula,pada peringkat permulaan dibacakan kitab *"Munyah Al-Mushalli"* karya **Syaikh Daud B.`Abdullah Al-Fataani**, membicarakan hal sembahyang secara

mudah;dan pada peringkat tingginya dibacakan kitab *"Furuu` Al-Masaa'il"* (kitab tebal) dan *"Bughyah At-Tullaab"* susunan Syaikh Daud ; juga kitab *"Kasyf Al-Lithaam"* (kitab tebal:Jld.Pertama: 407 hal.;Jld. Kedua:487 hal.) susunan Tuan Minal. Kitab ini pernah dipelajari oleh ayahanda penulis.

Tidak ketinggalan Tuk Kenali membacakan kitab-kitab Tasawwuf yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu, antaranya sebahagian karya **Imaam Al-Ghazaali** seperti kitab *"Hidaayah As-Saalikiin"* (terjemahan "Bidaayah Al-Hidaayah") sebagai bahan pelajaran di peringkat awal dan kitab *"Siyar As-Saalikiin"* ,suatu intisari daripada kitab *"Ihyaa' `Uluumid-diin"* (kedua-duanya adalah susunan `Ab.Samad Al-Palembani); seterusnya kitab *"Hikam Ibni `Ataa'illaah"* pada peringkat tinggi.

Jadi, kitab-kitab Melayu (Jawi) juga diperkelas-kelaskan agar mudah dipelajari mengikut peringkatnya.Hasilnya dia melahirkan guru-guru yang akan mengajar kitab-kitab Jawi,baik di pondok-pondok,mahupun di masjid-masjid dan balaisah-balaisah sebagai suatu kegiatan suci. Dari segi perkembangannya,Pondok Kenali maju dan cepat berjaya melahirkan satu angkatan `ulamaa' yang mahir kitab-kitab Jawi yang diperlukan dengan segera di kala itu.



**Bendera Tubuh Dan Bendera Negeri Kelantan**
*Mengandungi Ayat Suci dalam bentuk sesekor harimau mula dikebarkan pada 9 Oktober,1922*

# 27.TUK KENALI DENGAN POLITIK PENTADBIRAN

Tuk Kenali adalah seorang tokoh ilmuwan pembawa **pembaharuan** ke atas pemikiran umat Islam di Dunia Sebelah Sini di awal abad ke-20 dengan mengutarakan Kitab Suci Al-Qur'an sebagai panduan hidup yang utuh (lengkap,bersepadu,sempurna) sambil mengikuti perkembangan politik dunia antara bangsa tanpa menyisihkan soal-soal politik dari pengajian pondok,di samping menaburkan khidmat dan jasa dalam memartabatkan Agama,negara dan ummah.

Sejak awal lagi Kelantan diperintah oleh pemerintah-pemerintah yang beragama Islam,di mana menurut sejarahnya di negeri ini telah wujud suatu ***Pemerintahan Islam*** sebelum Tahun 1181 M. lagi dengan penemuan duit **Dinar** di Kota Kubang Labu yang bertulis ٥٧٧ الجلوس كلنتن (1181 M.) dan di belakangnya bertulis: المتوكل على الله (Al-Mutawakkil,atau Berserah Kepada Allah) membawakan kini Kelantan menggunakan kata-kata lambang:*Berserah Kepada Tuhan,Kerajaan Kelantan* ).

Sesudah Tuk Kenali pulang dari Makkah,Kelantan baru terlepas dari naungan Kerajaan Siam (Budha) dan masuk pula di bawah naungan Penjajah Inggeris (Kristian) pada tahun 1910 dengan suatu perjanjian politik penjajah.Meskipun begitu Kelantan masih diperintah oleh sultan-sultan Melayu di mana Tuk Kenali terlibat dengan dua orang Pemerintah Kelantan,iaitu:

(1) Sultan Muhammad Keempat (1900-1820 M.)

(2) Sultan Ismail (1920-1944 M.)

*Ke Bawah Duli Sultan Ismail* adalah seorang sultan yang disayangi rakyat di mana baginda adalah seorang yang beragama,wara' (bertaqwa).

*Tuk Kenali Gemar Berpolitik:*

Tuk Kenali adalah seorang `alim yang gemar mengambil tahu hal-hal politik. Dalam sejarah hidupnya kedapatan beliau suka sekali bercampur dengan pembesar-pembesar negeri terutama sahabat karibnya Datuk Perdana dan orang-orang politik (negarawan) untuk membincangkan sesuatu perkembangan di dalam dan di luar negeri.

Semasa Kelantan membangun dan berperanan menjadi *Serambi Makkah*, terdapat dua orang tokoh ilmuwan yang saling bekerjasama,iaitu Tuk Kenali sebagai mewakili pihak Agama,dan Datuk Perdana (Menteri Besar) sebagai mewakili pihak pentadbir.

Kegemaran Tuk Kenali dalam perbincangan politik adalah nyata sekali. Beliau dikatakan kerap sahaja duduk bersandar di kala mengajarkan kitab-kitab Nahu dan Sharaf:tetapi bila beliau ditanyakan tentang sesuatu masalah yang bercorak politik,maka dengan segera badan beliau tegak dan mata beliau kelihatan bulat di kala memperkatakan hal-hal politik tanah air,terutama yang mengenai kedudukan dan pelaksanaan Agama Islam yang maha suci,kedudukan bumiputera dan bahasa Melayu yang tercinta.

*Tuk Kenali Berpolitik Dalam Masjid:*

Tuk Kenali adalah seorang yang mendalam dan mahir dalam bahasa Al-Qur'an. Beliau memang memahami Al-Qur'an dan memang memahami Islam dari dekat.Beliau mengerti bahawa Al-Qur'an diturunkan untuk panduan

manusia dalam kehidupannya yang bermasyarakat,bernegeri dan bernegara.

Kandungan Al-Qur'an jelas mendedahkan sejarah dan perjuangan manusia;juga sejarah **bangun dan jatuhnya** sesebuah kerajaan atau raja seperti *Namrudz* dan *Fir'aun*. Al-Qur'an mengajarkan manusia mencari wang dan bagaimana mempergunakannya (menjaga ekonomi). Demikian juga dia membawa undang-undang (**hudud**),`aqidah,ibadah,akhlak dan lain-lain. Beliau tidaklah cuba hendak memisahkan perkara-perkara ini dari Agama;apalagi hal politik sebagai **nadi** kebahagiaan ummah.

Tuk Kenali sedar bahawa dalam sejarah perjuangan **Rasulullah s.a.w.** sebagai Rasul Agung dan Nabi Penutup,semasa beliau mula tiba di kota Yathrib (Madinah) dalam peristiwa **Hijrah** (622 M.) dahulu, perkara pertama yang beliau lakukan ialah *mendirikan masjid* iaitu Masjid Qubaa' dan Masjid An-Nabawi sekarang. Sungguhnya dalam Masjid An-Nabawi itulah tempat beliau beribadah,dewan tempat beliau mengajar,ruang tempat beliau mentadbir negara dan bermesyuarat,mengambil strategi perang,menerima tetamu luar,menjalankan pengadilan dan sebagainya.

Islam yang dibawa Muhammad s.a.w. bukanlah seperti agama Kristian yang mengongkong penganutnya,di mana soal-soal negara dan masyarakat,termasuk akhlak diserahkan kepada pemimpin negara;manakala urusan agama iaitu ibadah diserahkan kepada pemimpin gereja atau paderi.Gereja tidak berhak untuk menegur penyelewengan pentadbir dan kepincangan masyarakat (moral). Sebagai hasilnya ialah *kejatuhan moral* (**gejala**

**sosial**) di dunia Barat, seperti yang kita lihat di hari ini.Inilah akibat memisahkan politik dan hal-hal kemasyarakatan daripada Agama dan sebaliknya.

Tuk Kenali sangat faham bahawa apa yang dilarang dalam masjid ialah menyeru manusia ke arah memadam syi`ar-syi`ar (lambang-lambang) Kebesaran Allah di muka bumi ini,sama ada secara berterang-terangan atau tersembunyi di balik kata-kata yang dianggap *bijaksana* , mengabui dan menimbulkan rasa ragu-ragu terhadap kekuasaan Allah dan kebenaran Kitab SuciNya dan RasulNya,Nabi Muhammad s.a.w.;demikian juga mengajak ke jalan **Thaaghuut** (selain Allah), melakukan ma`siyat, membuat hingar-bangar seperti berjual-beli dan menggunakan suara yang boleh mengganggu orang yang sedang beribadah (sembahyang Sunat) atau sedang mengajar dengan *berdzikir kuat* ;dan sebagainya.

***Tuk Kenali Sebagai Penggerak:***

Di samping beliau sangat mengambil tahu hal-hal politik semasa,Tuk Kenali adalah berperanan sebagai penggerak atau *pemimpin ummah* di mana beliau menyatakan keluhannya mengenai masyarakat **Melayu statik** (jumud) yang tidak ingin mengubah keadaan.Perhatikan tulisan beliau dalam majallah Pengasuh (Ogos,1918):

*"Dalil menunjukkan sahaya (saya) lihat anak-anak putera, bumi sahaya ini tiada sangat berbeza di antara mereka itu bernaung di bawah telinga Gajah (Kerajaan Siam Budha) dan masa mereka berteduh di bawah dagu Singa (Kerajaan Inggeris Kristian).*

*Hanya mereka itu **mendiamkan diri*** seolah-olah paku sekeru cekerwala,tiada boleh bergerak-gerak lagi,dan tiada boleh berubah hal dunia ini daripada kelakuan yang sudah ma`lum;pada halnya *kita lihat dunia ini berubah tiada tetap* hingga boleh kita tulis ketetapannya itu dalam buku-buku."

Manakala sebelum itu beliau menulis dalam majallah yang sama,keluaran bulan Julai,berbunyi:

*Tiada hari bagi kita,*
*Jika kita tidak bergerak pada hari ini.*

Jika anda melawat **Muzium Islam Serambi Mekkah** ,di Kota Bharu kini,anda akan melihat nama tokoh Tuk Kenali mendahului dan mewakili nama-nama `ulamaa' Kelantan sebagai penggerak pembangunan ummah dan negeri;dan di sana disemadikan suatu kata-kata Tuk Kenali yang terletak di samping gambarnya,di suatu sudut:

***Kalau kita tidak bergerak di hari ini,***
***Kita tidak akan maju besok!***

Tuk Kenali sedar bahawa sesudah kewafatan Rasulullah s.a.w. (632 M.) tugas Kerasulan telah terputus dan berakhir;akan tetapi tugas-tugas beliau sebagai Ketua Negara.,Ketua Hakim dan Ketua Panglima terus disambung oleh para `ulamaa'(**pimpinan `ulamaa'**) yang terdiri daripada kalangan para Khulafaa' Ar-Raasyidiin: *Abu Bakr Ash-Shiddiiq,`Umar B.Al-Khattaab,`Uthmaan B.`Affaan* dan *`Ali B.Abu Taalib;* juga Khalifah Kelima Ar-Raasyiduun *`Umar B.`Ab.`Aziiz* , mereka ialah kalangan **ilmuwan** (ilmu Agama) yang mampu menjalankan *keadilan* yang bersendikan ***Al-Qur'an*** dan ***As-Sunnah.***

*Tuk Kenali Mengambil Peranan 'Ulamaa' Pewaris Nabi:*

Perlembagaan Islam yang antara lain berpandukan Hadith Nabi s.a.w. di samping Al-Qur'an menegaskan:

إِنَّ الْعُلَمَاءَ وَرَثَةُ الْأَنْبِيَاءِ

"Sungguhnya para 'ulamaa' itu ialah pewaris para Nabi." [H.R.At-Turmudzi dan Ibnu Maajah]

Dalam setiap zaman perutusan para Rasul,bila berlaku kewafatan Rasul atau Nabi bagi umat tertentu,maka para 'ulamaa' mereka adalah menjadi pewaris atau pengambil alih tugas Nabi berkenaan.

Berikutan dengan kewafatan Junjungan Nabi Muhammad s.a.w.,maka para 'ulamaa' Islam,sama ada mereka terdiri daripada kalangan guru atau *pengarang*,adalah dengan sendirinya **menanggung kewajipan** dan tugas sebagai pengganti beliau dari segi melanjutkann usaha beliau,iaitu tugas **tabligh** (menyeru kepada Islam atau menyampaikan ajaran yang telah disampaikan Nabi s.a.w.) dan **melaksanakan penghayatan Islam** sebagai suatu ad-diin yang *syaamil* (lengkap dan menyeluruh).

Dari segi ini Tuk Kenali sengaja melibatkan diri dalam dua arena perjuangan iaitu sebagai guru dan pengarang;di mana menerusi lapangan pelajaran dan pendidikan,beliau telah melahirkan murid-murid yang mempunyai kelayakan sebagai "Guru Agama" dan "Imaam" di mana sebahagian besar mereka telah berjaya membuka pondok-pondok di serata pelusuk Semenanjung Tanah Melayu. Manakala menerusi lapangan penulisan,beliau telah meninggalkan sebahagian hasil tulisan dalam majallah Pengasuh dan catatan-catatan lain.

Sungguhnya peranan `ulamaa' dan pemerintah adalah sangat besar dan mempunyai pengaruh yang hebat bagi membentuk watak-watak manusia menuju sama ada ke arah kebahagiaan hidup dan sebaliknya (kecelakaan) bagaimana sabda Nabi s.a.w. yang berbunyi:

صِنْفَانِ مِنَ النَّاسِ إِذَا صَلَحَا صَلَحَ النَّاسُ ، وَإِذَا فَسَدَا فَسَدَ النَّاسُ : الْعُلَمَاءُ وَالْأُمَرَاءُ

"Ada dua golongan di kalangan manusia,apabila kedua-duanya baik,maka baiklah seluruh manusia;dan apabila kedua-duanya rusak,maka rusaklah seluruh manusia. Dua golongan itu ialah para `ulamaa' dan para pemerintah (pentadbir)."

[H.R.Abu Nu`aim dalam "Hilyah Al-Auliyaa' "]

Dalam perkembangan kini,kekuasaan memerintah diperoleh menerusi politik (pilihanraya). Bagi Tuk Kenali,*politik* bukanlah menjadi matalamat;tetapi dia cuma sebagai alat atau cara untuk menjaga sesuatu muslihat atau kepentingan. Untuk menjaga Agama,kita perlu berpolitik;demikian juga untuk menjaga tanah air,bangsa dan bahasa;malah semua kepentingan sehingga dalam mentadbir rumahtangga juga kita perlu berpolitik;iaitulah politik rumahtangga (bagaimana menjaga pendidikan, sosial, ekonomi dan sebagainya).

***Tuk Kenali Dengan Pembangunan:***

Kepintaran Tuk Kenali antara lain terlihat dalam soal-jawab antara Datuk Perdana dengan beliau.

Pada suatu masa,Datuk Perdana pernah menanyakan beliau tentang bagaimana hendak membangunkan negeri Kelantan. Maka dengan ringkas

dan tepat beliau menjawab:"Mudah sahaja Datuk,bukakan *sekolah*, buat *jalan* dan buka *tanah*."

Sewaktu Datuk Perdana mengunjungi Tuk Kenaii,beliau berkata:"*Rumah-rumah gudang perlu dibuat dengan banyak di Kenali ini agar Kenali menjadi besar.*"

Mendengar demikian,beliau menjawab:"*Kenali perlu dimajukan dengan* ***ilmu***,*lebih dulu. Bila ada tempat ilmu (pondok),maka orang akan ramai dan di kala itu akan banyaklah rumah-rumah gudang (kedai).* "

Seterusnya pada suatu masa yang lain,Datuk Perdana berkata:"*Abang Awang (gelaran Tuk Kenali),buatlah jalan besar ke pondok ini supaya pondok menjadi besar.* "

Tuk Kenali tersenyum lalu menjawab:"*Baik perbesarkan pondok lebih dulu supaya dia menjadi banyak,nanti jalan akan menjadi besar sendiri.* "

Maksud kata-kata Tuk Kenali ini ialah seandainya diperbesarkan jalan lebih dulu,sedangkan pondok belum seberapa,tiadalah berguna;malah tidak pula seimbang. Akan tetapi apabila pondok diperbanyakkan berikutan bertambahnya bilangan murid-murid,maka jalan akan menjadi besar dan luas,di mana akan dapat dilalui oleh pengangkutan besar seperti lori,bas dan sebagainya.

***Tuk Kenali Dengan Pembangunan Agama Dan Ilmu:***

Dalam masa suku abad Tuk Kenali berada di tanah air;dan sebelum beliau meniggal dunia,telah berlaku beberapa kemajuan yang bersejarah dalam pembangunan Agama dan insan di Kelantan,antara lain ialah:

**1.** Pada tahun 1915 M. (1334 M.) telah ditubuhkan institusi *Majlis Agama Islam Kelantan* ,atas **nasihat Tuk Kenali** kepada Menteri Besar: Datuk Perdana Menteri PadukaRaja(Tuan **Hj.Nik Mahmud B.Ismail**). Tuk Kenali dilantik menjadi **Anggota Majlis Agama Islam** *Kelantan* (yang sama jadi dengannya,1915 M.)

**2.** Pada tahun 1917 M. telah dibukakan sekolah Agama aliran Arab dengan nama: المدرسة المحمدية العربية di Kota Bharu yang kemudiannya terkenal dengan جامع مرباو ;dan kini dengan nama المعهد المحمدي . Pembukaan sekolah ini adalah termasuk dalam *perancangan Tuk Kenali*,di mana di samping menjadi Anggota Majlis Agama Islam,beliau juga dilantik menjadi **Ketua Pelajaran Agama (Pengarah).**

**3.** Pada tahun 1918 M. telah diterbitkan majallah *"Pengasuh" sebagai lidah resmi* Majlis Agama Islam Kelantan,di mana Tuk Kenali dilantik menjadi **Ketua Pengarang Kehormat.**

Selain jawatan pengarang,Tuk Kenali juga dilantik menjadi **Anggota Majlis `Ulamaa'** (Anggota Dewan `Ulamaa');dan di sinilah beliau berperanan sebagai *Penasihat Kepada Pemerintah (Sultan).*

**4.**Pada tahun 1922 M. telah pun dibina bangunan batu *Masjid Besar Al-Muhammadi,* sebelumnya menggunakan bangunan kayu;di mana terlibat dengan Tuk Kenali.
**5.**Pada tahun yang sama (1922 M.) telah diwujudkan sebuah *Bendera Tubuh dan Bendera Kerajaan Kelantan* dengan menggunakan sebuah Ayat Suci, bertulis:

نصر من الله وفتح قريب وبشر المؤمنين

"*Pertulungan* daripada Allah;dan *kemenangan* yang dekat (waktunya);dan sampaikanlah berita gembira kepada orang-orang yang beriman." [Ash-Shaff:13]

(Ayat inilah yang datang terpampang di mata penulis dengan tulisan yang indah dan bergemerlapan di mana cahayanya bergerak dari pangkal ke hujung Ayat,dalam suatu mimpi penulis di tahun 1969)

Tulisan Ayat Suci ini digunakan dalam bentuk seekor harimau. Kemudian bentuk harimau ini dihapuskan dengan nasihat Tuk Kenali (1335 H=1916 M).

***Tuk Kenali Orang Pertama Memperkatakan Perpaduan Melayu:***

"*Melayu*" bagi Tuk Kenali,bukanlah semata-mata ras bangsa,di mana di kala itu pengertian "Orang Melayu" adalah sangat berkait rapat dengan "Agama Islam" sehingga apabila disebut "Orang Melayu" maka dengan sendirinya dia bermaksud "Orang Islam" (dalam konteks di Nusantara dewasa itu). Jadi,maksud perpaduan Melayu dalam tulisan Tuk Kenali ini adalah telus kepada "*Perpaduan Umat Islam*" di kala itu.

Tuk Kenali menyedari bahawa di kalangan orang Melayu dari berbagai negeri di Semenanjung Tanah Melayu dewasa itu belumlah wujud perpaduan kasih-sayang seperti yang wujud dalam keluarga;disebabkan faham perkauman *kenegerian* masih menebal;di mana

penduduk setiap negeri berbangga dan cuba menonjolkan kekayaan dan kehebatan negerinya dan rajanya masing-masing;sebab di kala itu negeri-negeri Melayu dari segi pentadbirannya belum bergabung dan belum disatukan seperti sekarang (Malaysia). Dalam penulisan,ramai pengarang yang menghubungkan nama penanya dengan nama negeri masing-masing. Tuk Kenali mengetahui kebanyakan negeri di Semenanjung Tanah Melayu ini belum mempunyai akhbar,sama ada berbentuk harian atau mingguan,maka beliau menyarankan agar negeri-negeri itu mengadakannya bagaimana tulisan beliau dalam majallah "Pengasuh" keluaran sulung (11 Julai,1918 M.) berbunyi:

"Tatkala saya ketahui bahawasanya tiada orang yang boleh *jadi utusan* pada menghimpunkan (**menyatukan**) **anak Melayu** kita ini,maka cintalah saya dengan harapan bahawa diadakan tiap-tiap buah negeri di dalam Semenanjung Tanah Melayu kita ini sekurang-kurangnya sebuah *suratkhabar* yang **dipunyai anak-anak Melayu sendiri** supaya menempati ia (menjadi) utusan yang bijaksana *menyeru kepada bersekutu dan bersatu* pada tiap-tiap pekerjaan yang mendatangkan muslihat bagi *watan,bangsa* dan *Agama.*

Di lain perenggan beliau menyebutkan akhbar itu sebagai telegrap tanpa dawai (berperanan menyatukan ummah: jika diseru ke arah sumber dan matalamat yang satu iaitu *kembali kepada Al-Qur'an* dan *As-Sunnah* sebagai satu tali Allah yang tunggal yang dapat menyelamat dan menyatukan ummah).

***Peribadi Tuk Kenali Dengan Masalah Politik:***

Walaupun Tuk Kenali bukan seorang ahli politik (politikus) atau negarawan;tetapi pada peribadi beliau terdapat beberapa sifat yang perlu bagi seseorang ahli politik atau pentadbir,antaranya:

1. Sifat *lapang dada* dan sabar;termasuk sikap memudah dan merendah diri.
   Tuk Kenali faham bahawa manusia itu *rambut sama hitam;*tetapi hati berlain-lainan. Demikian juga beliau faham bahawa hanya tali yang *lembut* yang dapat mengikat batu yang keras.

Dalam akhbar "Saudara"(1933),seorang murid Tuk Kenali pernah menulis:"*.......Selama hidup,Al-Marhum tidak menyakiti hati,walaupun kepada siapa pun;kerana perangainya yang tidak suka mencela akan seseorang walaupun diketahui orang itu kaki judi dan tahi arak, melainkan dicari jalan supaya dapat diberi nasihat yang beransur-ansur;kerana Al-Marhum suka mengetahui dan berbahas dalam perkara-perkara* ***siasah (politik)*** *dan sangat gemar pula kepada akhbar-akhbar Melayu dan Arab.*

Setiap pertanyaan dan kemusykilan seseorang mudah dijawab,walaupun di mana-mana dengan tidak ditangguh dan tidak disuruh datang ke suatu tempat yang khas.

....... Beliau *mudah* dijemput ke mana-mana rumah dengan tidak dikecuali miskin dan kaya."

Ya,inilah dia di antara kebesaran dan punca Tuk Kenali dikenal,disayangi dan disebut-sebut oleh masyarakat. *Ular menyusur akar, tidak akan hilang bisanya.*

2. Selalu menambahkan ilmu dengan *membaca.*

Tuk Kenali ialah seorang `alim yang tidak puas-puas menambah ilmu. Beliau tidaklah seperti kebanyakan guru-guru pondok di masa lalu yang tidak suka membaca kitab-kitab selain yang dipelajarinya pada gurunya sahaja;malah beliau suka membaca apa sahaja buku dan *majallah;*juga *surat-surat khabar;* apa lagi yang memuat issu semasa;disebabkan pandangannya yang begitu jauh untuk **memimpin,menegur dan memandu masyarakat** dari semasa kesemasa. Antara akhbar yang dibaca beliau ialah *Al-Imaam,Saudara* dan *Neraca.*

Kedai Kitab di bandar Kota Bharu semasa Tuk Kenali ini,yang terbesarnya ialah *Kedai Kitab Muhammad B.`Abdullah;* terletak di Jalan Pasar Lama,hampir di tepi Sungai Kelantan;sebab di kala itu pusat bandar adalah mendekati sungai,di mana sungai merupakan laluan utama. Kedai ini agak besar menjual banyak kitab dari Masir,Syria,Arab dan lain-lain,adalah banyak menulung **membantu sistem pondok;**sebab tanpa kitab,maka pelaksanaan sistem ini akan terbengkalai. Kemungkinan kedai ini merupakan sebuah kedai yang ada hubungannya dengan Tuk Kenali bagi membeli kitab-kitab yang dibacanya di pondok. Letak Kedai Kitab ini kira-kira 500 meter dari bangunan Majlis Agama Islam (kini Perpustakaan Majlis).

Selain itu Tuk Kenali mempunyai seorang murid yang mempunyai potensi dalam penyibaran ilmu di Kelantan khasnya dan di Semenanjung Tanah Melayu amnya,iaituTuan**Hj.En.Ahmad B.Ismail** (Datuk Lela

Negara) di mana beliau mempunyai sebuah percetakan yang diberi nama *"Matba'ah Al-Hikmah"*. Matba'ah ini terletak di hulu Pasar Lama,arah ke kiblat. Beliaulah Pengarah dan Ketua Pengarang Majallah Al-Hikmah yang banyak memberi sumbangan di alam persuratan Melayu. Di sinilah tempat yang selalu didatangi Tuk Kenali untuk membaca akhbar dan membincangkan beberapa masalah politik dan keagamaan.

Kerana kegemarannya membaca majallah dan buku-buku,pernah dikatakan Tuk Kenali membeli sebuah majallah atau buku kecil yang sukar diperoleh dengan harga yang teramat tinggi,sebagai suatu *pengorbanan beliau di lapangan ilmu.*

***Tuk Kenali Dengan Bendera Penjajah:***

Berhububung dengan Kerajaan Kelantan mengikatkan suatu perjanjian dengan saudagar Inggeris,*Robert William Duff*, dalam suatu pemajakan tanah di ulu negeri Kelantan pada tahun 1900 M.,dikatakan saudagar orang Putih itu pernah menaikkan bendera kerajaannya *"Union Jack"* di sana.

Sikap Tuk Kenali,dikatakan beliau menasihatkan pihak berkuasa negeri agar menurunkan bendera penjajah Kristian tersebut.

***Tuk Kenali Dengan Sya`ir Pentadbiran:***

Di samping mengajar dan mendedahkan cerpen-cerpen nasihat,Tuk Kenali berminat sekali menyampaikan sya`ir-sya`ir, antaranya sebuah sya`ir yang paling menarik dan menggelikan hati pernah dilafadzkan gurunya dalam bahasa Parsi berbunyi:

كرمايدو هذا الرّطل لفانيما هي ،
كوربامبرو شكوزيرو ،
مُشرنلدي وانكوئند ،
ايجي أركان الدولة ،
خان راوي وانكُوئند .

"Kedudukan sesebuah kerajaan menurut pemerintahnya;
Seandainya *musang* menjadi Raja dan *tikus* menjadi Menteri;
Akan rusak dan kacau-bilaulah dia;
Di mana *tonggak negara* akan runtuh dan porakperanda.

# 30.SIFAT DAN SIKAP TUK KENALI

## *1. Sifat-sifat Umum Tuk Kenali:*

Tuk Kenali bukan hanya terkenal sebagai salah seorang `ulamaa' yang berkaliber sahaja;tetapi terkenal pula sebagai tokoh yang mempunyai sifat-sifat utama yang baik dicontohi. Antara sifat-sifat beliau itu ialah:

(1) Sangat menghormati dan memuliakan ibubapa.
(2) Tidak ingin merendah-rendahkan orang lain.
(3) Tidak pernah menolakkan jemputan dan panggilan,sekalipun tidak ikut makan.
(4) Pemurah,suka menderma terutama kepada fakir-miskin dan anak-anak.
(5) Sangat sabar,tidak lekas marah,dan tidak pernah memukul anak-anak. Anak-anak disuruh tanpa perintah;hanya cukup dengan contoh perbuatannya sahaja.
(6) Suka berjalan kaki ayam sebagai suatu latihan melenyapkan perasaan sombong,congkak dan megah. Dalam gambar beliau yang penuh,kelihatan memang beliau berkaki ayam;sedang pembesar,orang-orang kenamaan dan murid-murid beliau semuanya berkasut cantik.

(7) Suka berdikari mengurus pekerjaan perseorangan. Beliau sendiri keluar ke pasar dengan sebiji timba besar sebagai raga. Bila pulang,kelihatan timbanya penuh dengan pemberian-pemberian orang. Kerap pula kelihatan sayur-sayuran di ubun-ubunnya.

(8) Beliau tidak menolak sebarang pemberian yang diberikan kepadanya.

(9) Bersifat zuhud, sederhana dan hidup sederhana.

(10)Suka beri`tikaf di masjid;manakala tidur kerap berbantalkan lengan.

(10) Menggemari kata-kata hukamaa' (cendekiawan),kata-kata sakti dan sya`ir-sya`ir Arab.

(11) Suka menulis di atas tapak tangan sebagai meja kepadanya.

(12) Suka membaca dan menatap,baik buku-buku atau majallah di mana sahaja beliau berada.

(13) Seorang yang *pengingat.*

Beliau sentiasa ingat akan sesuatu masalah yang ditanyakan kepadanya;sedangkan si penanya sudah pun lupa akan masalah itu. Beliau juga mempunyai ingatan yang kuat di kala membaca sesuatu surat khabar atau majallah. Sesudah dibaca,maka ditinggalkannya. Sejurus kemudian,beliau dapat menceritakan segala suatu yang tersiar di dalam akhbar tersebut.

Diberitakan, bila hampir bulan Puasa,beliau menghentikan pengajaran. Di kala itu beliau sedang membaca kitab,lalu ditutupnya kitab tanpa menandakan di mana tempat berhenti. Akan tetapi bila pengajian dimulakan semula pada bulan Syawwal,maka lalu beliau membuka semula halaman tadi dengan tepat tanpa silap lagi.

***2. Tuk Kenali Hidup Sederhana:***

Di sebalik hidup berdikari sebagai asas membentuk warganegara merdeka, tergambar pula kepada kita suatu kehidupan Tuk Kenali yang luar biasa,di mana beliau adalah didapati hidup **zuhud.**

*Zuhud* adalah bererti hidup sederhana tanpa terpengaruh kepada kesenangan yang boleh melalaikan dalam segi makan-minum,berpakaian,kediaman dan kenderaan.

Zuhud tidaklah bertentangan dengan *pembangunan*;sebab zuhud bukanlah bererti menolak kebendaan. Orang yang zuhud tidaklah menolak hartabenda atau wang-ringgit;malah mereka cuba mendapatkannya buat sementara waktu.

Bila mereka memiliki harta,maka mereka pergunakan ke jalan Allah;manakala untuk kepentingan diri,mereka menggunakannya tidaklah lebih dari yang perlu;manakala harta itu,sekalipun yang berbentuk perhiasan,*tidaklah melalaikan* dia dari mengingati Allah atau tidaklah mengganggunya dari khusyu` dalam sembahyang.

Tuk Kenali memilih hidup sederhana dalam serba jurusan: makan-minum,pakaian,kediaman dan kenderaan (suka berjalan kaki berkaki ayam) bagi menjadikan dirinya seorang hamba Allah yang selalu insaf.

Sekarang,marilah kita merenung ke Zaman Hayat Rasulullah s.a.w. dan para Sahabat ridhwaanullaahi `alaihim yang hidup sederhana. Rasulullah s.a.w. dan para Nabi yang lain adalah makan bila perut lapar dan berhenti makan sebelum merasa kenyang. Dalam kehidupan Rasulullah s.a.w. pernah dapur isterinya Sayyidatina `Aisyah tidak berasap (tidak memasak);sebab cukup dengan makan tamar dan minum air sejuk sahaja.

Rasulullah s.a.w. pernah pula tidur di atas tikar yang dibuat daripada pelepah tamar,sehingga apabila beliau bangkit,maka ternampaklah bekas-bekas pelepah tamar itu pada belakang beliau yang mulia. Semuanya ini bukanlah bererti beliau tidak diberikan rezki oleh Allah;malah beliau pernah ditawarkan dengan bukit *Uhud* menjadi emas;tetapi beliau menolaknya,agar umatnya dapat memahami erti dan hakikat hidup yang sebentar ini.

Seandainya kehidupan yang seperti ini diamalkan,maka terjauhlah seseorang dari tamakkan harta,rasuah dan penipuan. Justeru itu kita mendapati *`Umar B.Al-Khattaab* melarang pegawai-pegawainya hidup mewah;malahan beliau pernah memecat Gabnor yang mendirikan istana dan hidup mewah. Jadi,*sebaik-baik pemimpin ialah yang hidup sederhana.*

Sebagai seorang Tuan Guru, Tuk Kenali pernah ditanya oleh seorang murid tentang kadar yang dibolehkan bagi seseorang menggunakan dunia ini. Atau dengan kata-kata lain: *"Sejauh manakah dunia yang dituntut atau diperlukan oleh seseorang Islam?"*

Maka dengan tegas beliau menjawab:*"Ialah sekadar hajat untuk hidup."*

Berdasarkan jawapan ringkas ini,bererti bahawa apa-apa yang lebih daripada keperluan hidup itu tidaklah dituntut (tidak disuruh) ; dan kerana itu siapa yang menuntutkan juga sehingga bersusah-payah di kala siang dan malamnya,adalah bererti dia menyia-nyiakan hidupnya kepada sesuatu yang tiada faedah di Akhirat.

Segala kemewahan yang tidak bererti,baik yang berbentuk persiapan rumahtangga yang berlebihan,makanan dan minuman mewah lagi berwarna-warni;juga perhiasan pakaian dan kenderaan yang melampau,semuanya itu merupakan perbuatan-pebuatan yang *menyeleweng* dan memang dijauhi oleh orang-orang yang zuhud seperti Tuk Kenali,agar keadaan hidup selalu insaf;tidak sedikit pun lalai dari mengingati Allah.

Kerana itu tidaklah heran bila kedapatan Tuk Kenali membentukkan hidup sederhana,cukup berpakaian dengan sehelai kain Palikat sahaja. Kadang-kadang tidak berbaju.Keadaan sehariannya bersarung dan berbaju;tetapi baju cuma disangkut ke bahu sahaja,kecuali di kala bersembahyang atau di kala hendak menghadhiri sesuatu majlis.

Orang-orang yang mengenal Tuk Kenali kerap menceritakan bahawa beliau kerap pula berkaki ayam sahaja di kala berjalan,di samping terkadang berterompah yang dibuatnya sendiri;dan keadaan begini mungkin terasa lebih selesa kepada beliau .

Tuk Kenali mempunyai pendirian dan sikap sendiri dari segi berpakaian ini. Beliau kelihatan berbaju tut putih panjang sampai ke pertengahan betis dan memakai sehelai kain sarung Palikat di sebelah dalamnya. Manakala di kepala beliau sering berserban dengan belitan sendiri yang berbentuk semacam bertingkat,sukar ditiru. Dalam bentuk pakaian beginilah beliau bergaul dengan Sultan Kelantan dan Kedah;juga dengan pegawai Inggeris dan lain-lain.

Seorang murid beliau Datuk Lela Negara pernah berkata: *"Allah yarham, payahlah hendak disamakan tentang* ***zuhud,wara`*** dan ***khudhu`*** (merendah diri)nya,baik daripada tutur-katanya dan pakaiannya. Walhasil ialah seorang yang zahid pada serba-serbinya."

Seandainya ingin hidup mengikut selera nafsu,maka Tuk Kenali memang dapat hidup mewah;sebab rezkinya murah,di mana wang sedekah dan segala aneka makanan datang berlonggok di haribaan beliau setiap hari. Akan tetapi ini bukanlah tujuan dari da`wah Islaamiyyah dan bukanlah matalamat hidup di dunia fana' ini. Sebab itu beliau memilih hidup sederhana;dan kerananya beliau menjadi seorang yang *pemurah, mengutamakan kepentingan orang lain* yang menderita melebihi dirinya sendiri.

Tuk Kenali ialah seorang `alim *Rabbaani* (yang patuh memperhambakan diri kepada Allah,berilmu dan beramal) di mana beliau merasa berat untuk melebihi kehidupan Rasulullah s.a.w. yang hidup zuhud dan pernah *mengikatkan perutnya* untuk menahan lapar. Kemudian beliau memerhatikan pula kepada kezuhudan para Sahabat Nabi: Khalifah Abu Bakr,`Umar B.Al-Khattaab,Abu Hurairah dan Abu Dzarr Al-Ghifaari,di mana kedua yang terakhir ini adalah tinggal di Suffah (serambi) Masjid Nabi s.a.w. dan tiada mempunyai pekerjaan tetap. Beginilah *seharusnya sifat yang perlu dimiliki oleh para `alim-`ulamaa' dan umara' (pemerintah dan pembesar) agar hidup mereka bersih dan linang menghadapi gelombang-gelombang perdayaan dunia dan penipuannya; dan mereka tidaklah akan didengkikan oleh siapa pun.*



**Ke Bawah Duli Sultan Ismail**

*Sultan yang disayangi sebab taqwanya*

### *3. Tuk Kenali Bersifat Istiqamah:*

*"Istiqaamah"* ialah tetap pendirian terhadap sesuatu bila berada di atas dasar taqwa kepada Allah. Ramai orang yang mempunyai pendirian yang baik dan sikap utama pada permulaannya;tetapi mengubahkan pendirian bila menghadapi sesuatu masalah,maka urusannya didapati gagal untuk mencapai matalamatnya.

Sebagai seorang `alim Rabbaani yang memahami Kitab Suci Al-Qur'an,Tuk Kenali sudah pasti memiliki sifat istiqamah, tetap pendirian,terbukti dari perancangannya untuk mendirikan pondok,maka dengan sifat ini beliau telah berjaya menjalankan *Sistem Pondok*,baik semasa di Pondok Paya,Pondok Kota Bharu dan Pondok Belukar (Kenali);manakala hasilnya memuaskan.

Justeru beliau mengajarkan agar sifat ini menjadi pakaian bagi sesiapa yang ingin menjadi seorang wali,`alim Rabbaani dan orang shaalih.

Dalam membentuk falsafah hidup,Tuk Kenali pernah berkata: *"Siapa yang keluar mencari kayu Gaharu di hutan;tiba-tiba dia bertemu bahan emas di perjalanan,maka biarkan emas,sehingga dia lebih dahulu berjaya mengambil Gaharu."*

Nasihat Tuk Kenali ini mendalam sekali. Ramai orang yang terpesona dek gangguan dalam perjalanan menuju cita-citanya;sedang cita-cita dan matalamat itu hanya satu,tidak dua-tiga.

فإذا عزمت فتوكل على الله إن الله يحب المتوكلين

"Apabila engkau telah menguatkan cita-cita (meneguhkan hati dan matalamat serta berusaha),maka *berserahlah kepada Allah*;sungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berserah kepadaNya."[Aal-`Imraan:159]

Bila tujuan dan niyat telah dipancangkan dalam hati,maka hati perlu dibulatkan untuk mencapai cita-cita pertama dan utama. Janganlah mudah mengambil sikap mudah untuk memungut harta duniawi yang tersepak di kaki-kaki perjalanan menuju cita-cita murni.

Seandainya kita telah berhasrat untuk memperoleh barang berharga (Gaharu di`ibaratkan dengan "ilmu" di mana sifatnya harum mewangi),maka hasrat itu perlu dipupuk,selalu disokong dan diperkuatkan sehingga akhirnya kita berjaya memperoleh atau memilikinya.

Sesudah memperoleh cita-cita pertama dan utama,maka bolehlah berhadap kepada cita-cita kedua atau sampingan untuk membantu hidup dan kehidupan duniawi;nanti di kala itu kita akan dilingkungi para Mala`ikat yang membawa rahmat dan ampunan Allah.

Sungguhnya Allah Ta`aala telah berfirman:

إن الذين قالوا ربنا الله ثم استقاموا تتنزل عليهم الملائكة ألا تخافوا ولا تحزنوا وأبشروا بالجنة التي كنتم توعدون

"Sungguhnya orang-orang yang berkata:"*Tuhan kami ialah Allah*"; kemudian mereka *meneguhkan pendirian* mereka,maka akan turun para Mala'ikat kepada mereka (seraya menggembirakan dengan kata-kata):"**Janganlah kamu merasa takut dan jangan (pula) merasa sedih;**" dan gembirakanlah mereka dengan (memperoleh) syurga yang telah dijanjikan Allah kepada mereka."[Fush-shilat:30]

# 31. JAWATAN DAN TUGAS TUK KENALI

## *1. Jawatan dan Tugas Tuk Kenali:*

Pengarang buku *"Pecahan Empat"* (Galian Hikmat) Jilid Kedua, Muhd. Yusof B.Shaalih Al-Kilantani,di kala menulis tentang catitan hidup Tuk Kenali,beliau menulis:

"Jabatan (jawatan) yang disandang Tuk Kenali ialah:

(1) **Anggota** (AJK-P) **Majlis `Ulamaa' Islam Kelantan**.

(Iaitu Anggota Dewan `Ulamaa', tugas bermula pada 7 Disember,1915 sehingga 19 November 1933 -P).

(2) **Ketua Pelajaran Agama**.

(Pengarah Bahagian Ilmu Agama. Beliau bertanggungjawab memimpin Madrasah Muhammadiyyah dan penerbitan buku-buku teks di kala itu . *Syaikh Muhd.Shaalih Tuk Kenali* menyebutkan sebagai Penulung Mufti ,iaitu membantu kerja-kerja Mufti Hj.Wan Musa dan Mufti Hj.Ibrahim B.Yusof (1928-1941:bersara–P).

(3) **Ketua Pengarang Pertama bagi Majallah Pengasuh**,lidah resmi Majlis Agama Islam Kelantan.

(Telahpun disebut jawatan "Ketua Pengarang Kehormat" Menurut majallah Pengasuh tahun 1933,Pengasuh merupakan warta Majlis Agama Islam Dan `Adat-isti`adat Melayu Kelantan (sebagai lidah resmi);dia dikeluarkan setiap hari Isnin (sekali seminggu);manakala harganya 10 sen senaskhah.

Pengarang Pengasuh yang mula-mula **ialah** Tuan **Hj.Muhammad B. Hj.Muhd. Sa`id** (Datuk Laksamana Kelantan);kemudian diikuti oleh **En.Muhd. `Adnan B.Muhd.`Arifin**,dan seterusnya. Mereka inilah orang yang benar-benar bertugas menyediakan bahan,menyusun,menulis,menyemak dan sebagainya; ;sedang Tuk Kenali ialah sebagai "Ketua Pengarang Yang Dihormati"(berdasarkan ke`alimannya dan ketokohannya dalam serba bidang). Beliaulah pada mulanya sebagai pendorong terbitnya majallah ini dan kemudian bertugas mengetahui keseluruhan isinya dan menyemak hal-hal yang bersangkut dengan Agama. Dalam majallah ini beliau menjawab banyak masalah kemusykilan Agama,termasuk amalan niyat –P).

(4) **Anggota Majlis Agama Islam Dan `Adat-isti`adat Melayu Kelantan.**

(5) Pendiri "Jam`iyyah Al-`Ashriyyah" (**Perkumpulan Semasa:** merupakan suatu bangunan tempat sembahyang;majlis ilmu dan perbincangan masalah-masalah umat Islam,terletak di Jalan Tengku Putera Semerak,di tengah-tengah bandar Kota Bharu –P).



**Jam`iyyah Al-`Ashriyyah Dalam Kenangan**

(6) Menterjemahkan sebahagian Tafsir Al-Khaazin (dan kitab "Al-Umm" karya Imaam Asy-Syaafi`iy –P). (Penerjemahan ini adalah diarahkan oleh pihak Majlis Agama Islam. Beliau menterjemah dan merencanakan kepada murid beliau,antaranya Tuan **Hj.As`ad B.Hj.Daud, Kangkung,P.Mas** (1886-1941) dan Tuan Guru **Hj.`Ali Shalaahuddin,Pulau Pisang,K.Bharu.**
Bukan sahaja diterjemahkah Tafsir Al-Khaazin;tetapi juga Tafsir Ibnu Kathiir. Manakala naskhah terjemahan Tafsir Al-Khaazin mungkin tersimpan di Majlis Agama Islam Kelantan. Tugas ini bermula pada 1 Ogos 1929 dan berakhir pada bulan Disember,1930 – setahun lebih – P)

(7) Menyusun pelajaran Nahu dan Sharaf Arab yang kemudian diterbitkan oleh muridnya Tuan Guru Hj.`Ali Shalaahuddin dengan nama: الـدروس الكـلامية الإبتدائية

(8) **Guru Agama di Masjid Besar Al-Muhammadi,Kota Bharu.**
Majallah "Pengasuh" (Bil.433,Jilid Ke-16, 24 Sya`baan 1352 H.(11 Disember,1933 M.) pada muka pertamanya menyiarkan gambar penuh Tuk Kenali;sedang di barisan atas sekali tertulis *"Semenanjung Tanah Melayu bagi anak-anak **Melayu;**"* manakala di kiri kanan gambar dicatatkan ringkasan-hidup Tuk Kenali,antara isinya menyebutkan:
**"Jasa-jasanya:**
**1.** Menjadi Anggota yang sama jadi bagi Majlis Agama Islam (majlis ini diwujudkan pada 17 Shafar, 1334 H= 24 Disember, 1915 M. –P).
**2.** Anggota Majlis `Ulamaa'.

3. Ketua Pengarang Yang Kehormat bagi permulaan dzahir "Pengasuh" ini.
4. Ketua Pelajaran Agama.
5. Mendirikan "Al-Jam`iyyah Al-`Ashriyyah."
6. Mempermelayukan separuh daripada Tafsir Al-Khaazin.
7. Menerbitkan talaamiidz-talaamiidz (murid-murid)nya bertaburan di serata Alam Timur Dekat ini,dan lain-lain.

### *3. Gaji Tuk Kenali dan Belanja Murid Pondok:*

Sebagai `ulamaa' pewaris Nabi s.a.w. ,Tuk Kenali membuka pondok dan mengajar Agama adalah semata-mata kerana **mencari keridhaan Allah S.W.T.** (ikhlash) tanpa sedikitpun didorong keinginan mencari pendapatan atau kepentingan diri yang tertentu.

وما أسئلكم عليه من أجر إن أجري إلا على رب العالمين

"Dan aku (Rasul,Nabi) tidaklah sekali-kali meminta upah (habuan) padamu terhadap seruan itu;upahku tidaklah lain selain daripada (mencari keridhaan) Tuhan Semesta Alam." [Asy-Syu`araa': 145]

Sebelum mendirikan pondok, Tuk Kenali telah pun mempunyai sebidang tanah untuk tapak pondok. Pada masa yang sama beliau telah juga mempunyai sekumpulan wang yang dibawanya balik dari Makkah;sesuai untuk mempersiapkan kemudahan-kemudahan asas bagi pondok tersebut.

Setiap kali kemasukan murid baru,setiap kali pula Tuk Kenali menerima sesuatu pemberian daripada ibubapa murid;di mana sebahagiannya berupa rezki yang tidak

disangka-sangka. Demikian juga di kala kedatangan ibubapa sepanjang tahun,mereka selalu membawa oleh-oleh.Bawaan ini diterima Tuk Kenali dengan tangan terbuka.

Terkadang ada pula orang-orang yang bernadzar yang membawa kambing dan beras-petas dihadiahkan kepada Tuk Guru.

Di samping itu ada pula keluarga Tuan Guru dan orang-orang kampung yang datang menjemput Tuan Guru dan pelajar ke sesuatu majlis makan di sekitar pondok.

Manakala isteri Tuan Guru pula sebagai suri rumahtangga ,kerap di dapur kerana sibuk memasak untuk hidangan Tuan Guru dan juga tetamu yang datang tidak berputus-putus dari dalam dan luar negeri.

Sebahagian jawatan yang disandang Tuk Kenali tidaklah bergaji;sebab dia merupakan tugas-tugas Agama dan masyarakat setempat seperti jawatan Anggota Majlis Agama Islam dan Anggota Majlis `Ulamaa' ;manakala terhadap jawatan Ketua Pengarang Kehormat Pengasuh,mungkinlah beliau diberi elaun;begitu juga jawatan Ketua Pelajaran Agama dan Guru Agama;cuma apa yang jelas ialah gaji beliau kerana menterjemahkan Tasfir Al-Khaazin itu diberikan sebanyak $ 780.00 setahun ($65.00 sebulan –di kala itu seekor ayam cuma 30 sen).

Menyentuh perbelanjaan murid-murid pondok pula,kebanyakan mereka mendapat wang dari ibubapa atau penjaga mereka pada setiap bulan atau tempoh tertentu. Di antara mereka,di samping belajar di pondok,mereka menjadi Tukang Jahit (orang Johor,Kurinci-Jawa),Tukang Masak (orang Fatani) dan membuat ubat Ma`jun Tuk Kenali (Lebai **Hasan B. Idris**). Dan ada pula yang menjadi anak angkat Tuan Guru (Hj.Zakaria B.Hj.Taib,Seliseng dan Hj.Mahmud B.Ahmad,Pasir Pekan).

# 32. MASIN MULUT DAN KEBERTUAHAN TUK KENALI

***1. Tuk Kenali Masin Mulut:***

Antara murid Tuk Kenali ramai juga yang menyatakan bahawa beliau ialah seorang yang masin mulut,berlaku apa yang dikata,*seolah-olah* mengetahui apa yang akan berlaku.

Sebenarnya Tuk Kenali *tidaklah mengetahui kejadian-kejadian yang akan berlaku besoknya.* Cuma mungkin berdasarkan *lintasan hati* atau mimpinya,maka beliau pernah mengeluarkan kata-kata yang kemudian apabila diperhatikan,maka perkara atau kejadian berkenaan berlaku seperti ramalannya.

Antaranya di tahun-tahun akhir hayatnya,beliau pernah memberitahu muridnya bahawa akan tiba suatu masa **Jepun** akan menjajah Kelantan dan Semenanjung Tanah Melayu seluruhnya.

Ya, tidak sampai sepuluh tahun kemudian,Jepun menyerang *Pantai Cinta Berahi* (kini: Pantai Cahaya **Bulan**),pantai pelancungan dan kecintaan muda-mudi,di mana tentera bermata sempit mendarat pada 8 Disember,1941 dengan membakar kapal-kapalnya agar tentera Jepun terus mara.mereka mendarat dalam kepulan asap meniru pendaratan tentera Islam, *Taariq B.Ziyaad* sebagai panglimanya,di Sepanyol,712 M.

Di kala ini diketahuilah sejauh mana rasa tanggungjawab penjajah Inggeris terhadap tanah jajahannya hampir pupus sama sekali,dek menjaga keselamatan diri;sebab menurut berita yang boleh diperca

yai, hampir selari dengan penjajah yang bermata sempit itu mendarat di **PCB**,tentera-tentera Inggeris yang menjaga Tanah Melayu ini telah pun melangkah kaki ke Pulau Todak,Singapura,untuk lari menyelamatkan diri dengan meninggalkan asykar-asykar Punjab yang dirantaikan.

Selain berita peperangan,Tuk Kenali pernah pula memberi amaran tentang kemungkinan berlakunya **banjir besar** di Kelantan,di mana beliau pernah berkata: *"Aku ada alamat akan berlaku bah besar. Kerana itu kamu bersiap-sedialah!"*

Kira-kira sebulan selepas beliau berkata itu,tiba-tiba berlakulah bah besar yang terkenal dalam sejarah negeri Kelantan sehingga dia menjadi suatu tarikh penting bagi menentu atau memastikan umur seseorang yang masih hidup sampai sekarang ,termasuk murid-murid Tuk Kenali yang tua-tua.

Banjir besar ini terkenal dalam sejarah Kelantan dengan sebutan **Bah Air Merah** (24 Disember,1926) disebabkan air yang datang dari hulu negeri adalah berkeadaan merah dan luar biasa sekali keadaannya. Akan tetapi banjir ini lebih kecil berbanding dengan banjir sejarah yang melanggar Kelantan pada Januari 1967.(Lihat gambar Masjid Besar Muhammadi,halaman 69).

Kata-kata Tuk Kenali benar-benar masin di kala beliau mendengar suara riuh-rendah orang bersorak kerana berlaga lembu jantan di Kampung Bunut (Pulau Bunut),di pinggir Pondok Belukar;sedang Tuk Kenali telah pun memarahi perbuatan tanpa kemanusiaan ini.

Di mana pada suatu petang di kala Maghrib,kedengaran orang ramai bersorak-surai kerana menang dalam perlagaan lembu jantan di Pulau Bunut. Mendengar suara itu Tuk Kenali terlatah kata:"*Gamakannya orang menulung rumah terbakar...* "

Apa yang berlaku, apabila lembu yang menang itu dibawa balik dan dimasukkan ke dalam kandangnya serta dilingkungi daun kelapa sebab amat sayang kepadanya,tiba-tiba pada malam itu juga berlaku suatu kebakaran besar di rumah tuan lembu itu,di mana melibatkan tiga buah rumah dijilat sang api.

Demikianlah lidah api datang menjilat dengan rakusnya rumah manusia yang tidak mengerti nilai Agama,nilai kemanusiaan dan nilai berjiran;dan tidak tahu pula menghormati `alim-`ulamaa' dan menjaga **masa sembahyang** (waktu Maghrib).

Mengenai kemajuan Kenali,pada suatu hari Tuk Kenali pernah berkata kepada sebahagian murid-muridnya:

*"Bahawa kampung Kenali akan menjadi besar;dia akan menjadi negeri (bandar);dan anak cucu orang kampung ini akan menjadi orang besar-besar."*

Kata-kata ini memang terbukti di mana sekarang,Kenali atau Kubang Kerian telah berubah wajah sama sekali di mana dia telah menjadi bandar baru yang terselamat dari banjir. Bangunan baru yang tersergam indah ialah **Masjid As-Sultan Ismail Petra, Hospital Universiti Sains Malaysia Dan Fakulti Perubatan;** juga *Masjid As-Sunnah (1 Ramadhaan,1420 H.)* ,*Sek.Rendah Islam (Sri) Al-Qari (1420 H.)* dan lain-lain. Manakala anak cucu Tuk Kenali turut memain peranan dalam bidang ilmu,keagamaan dan politik.

Seterusnya pada suatu hari,di kala Tuk Kenali sedang mengajar di hadapan ramai muridnya;tiba-tiba beliau dibukakan tirai untuk bercakap mengenai perubahan dunia di masa hadapan,lalu beliau berkata dengan serius:

*Siapa panjang umur boleh tenguk ........*
*Bumi ini (yang bergunung-ganang) ini akan menjadi rata;*
*Pasir akan terkambus;*
*Rumah akan teruntuh;*
*Manusia akan berjalan dengan terbang;*
*Manusia akan berjalan dengan punggung;*
*Manusia akan tidur dekat jamban tahi;*
*Manusia akan makan dekat tandas;*
*Ilmu berkembang serata kedai kopi;*
***Segala-galanya akan berlaku.***

*Orang lebai akan banyak;*
*Orang cerdik pun akan bertambah;*
*Orang pandai pun akan ramai*

*Tapi hak* ***satu*** *itu memang payah;*
*Semuanya mudah dilihat;*
*Bukit menjadi bumi;*
*Pusu menjadi tanah.*

Menerusi pembangunan,sebahagian gunung dan tanah tinggi diparas dan diratakan.

Pasir *terkambus* bila tempat-tempat yang baik didirikan bangunan.

Manakala rumah akan *teruntuh*,ialah apabila dibuat bandar,jalan atau menukar bangunan baru dan sebagainya.

*Berjalan dengan terbang ialah* menaiki pesawat terbang.

*Berjalan dengan punggung* ialah menaiki kereta di mana punggung diletakkan di atas kerusi kereta.

*Manusia akan tidur dan makan dekat tandas* ialah apabila tandas dibuat dalam rumah;sedangkan pada masa dahulu,dia dibuat di luar rumah;dan terkadang bertandas di padang dan sungai.

Perkembangan ilmu akan pesat di mana dia diperbincangkan di mana-mana sehingga di kedai kopi pun. Perhatikan sejarah Islam di Sepanyol di masa keemasan ilmunya,di mana pemuda-pemudi berbincang ilmu di bawah-bawah pokok.

Manakala hak yang *satu itu ialah **Agama***;maka manusia menjadi sukar untuk melaksanakannya: ***hududnya, akta murtadnya*** dan lain-lain.

Semua apa yang dikatakan Tuk Kenali itu sudah terbukti kini.

Perhatikan suatu sabda Nabi s.a.w.:

إِذَا نَطَقَ الْحَدِيْدُ وَسَارَ الْحَدِيْدُ ، قَرُبَ يَوْمُ الْوَعِيْدِ

"Bila besi dapat bercakap dan bila besi boleh berjalan,(di kala itu) sudah dekatlah Hari Yang Dijanjikan (Kiamat)." [Al-Hadith]

**2. *Kebertuahan Tuk Kenali:***

Sebenarnya Tuk Kenali ialah seorang **Wali Allah** di mana secara tiba-tiba berlaku pada diri beliau beberapa perkara yang luar biasa seperti menyeberang Sungai Pasir Mas secara tanpa perahu,Allah melipatkan bumi bagi beliau, isyarat mengenai perubahan di Bukit Panau dan lain-lain.Sila tatapi buku kami "*Kekeramatan Tuk Kenali.*"

Di samping itu kehidupan Tuk Kenali ternyata bertuah di samping kehidupannya sebagai seorang Wali dan Sufi,iaitu:

1. Jasanya yang besar dan kesan pengajarannya terutama yang menerusi cerpen-cerpennya masih terasa;sedang do`anya masih hidup dibaca oleh sebahagian umat Islam di Dunia Sebelah Sini,iaitu do`a yang disadurkan daripada do`a *Imaam Al-Ghazaali* dalam kitab "Ayyuhal-walad" sekalipun sebaik-baik do`a itu ialah do`a yang diwarisi atau bersumber daripada Nabi Muhammad s.a.w. terutama do`a Ayat-ayat Suci Al-Qur'an dan do`a Nabi s.a.w. sendiri dalam Hadith-hadith beliau.
2. Kemurahan rezkinya yang melimpah-ruah pada setiap pagi dan petang;semasa beliau masih hidup dan sesudah beliau meninggal dunia,rezki mencurah ke atas anak-anaknya dan cucu-cucunya disebabkan mereka ialah kalangan orang-orang yang shaalih dan selalu beritighfar pada Allah.
3. Do`a Tuk Kenali kerap diperkenankan Tuhan. Beliau kerap diminta membaca do`a selamat di dalam beberapa upacara peresmian Kerajaan. Permintaan hajat orang ramai yang dikemukakan kepada beliau,kerap diperkenankan Allah;manakala Bah Air Merah (1926) tidak begitu membahayakan Kenali,berkat do`a beliau.
4. Untuk mengenang jasa beliau dan menghormatinya ,maka beliau dipanggil **"Tuk Kenali"** ;manakala untuk mengambil keberkatan (Agama),maka banyak nama tertentu dihubungkan dengan Kenali (mewakili namanya) seperti ***Jambatan Tuk Kenali*** (Jambatan

Wakaf Setan), ***Jalan Tuk Kenali*** (jalan antara jambatan ini ke Kubang Kerian;juga di Telaga Bina),*Akademi Kenali, Institut Kenali,* ***Dewan Tuk Kenali,*** *Seri Kenali (kenderaan bas), Syarikat Binaan Kenali, Seri Perabut Kenali,Bina Kenali* dan lain-lain.

Apa yang menarik lagi ialah terdapat sebuah kampung bernama ***"Kenali"*** tidak jauh dari Martapura di utara Sumatra,di mana dari kampung ini agak ramai yang keluar belajar di Kenali;dan apabila mereka tamat pengajian dan pulang ke kampung,maka mereka sama bersetuju menamakan kampung mereka dengan nama "Kenali."



**Dewan Tuk Kenali**
**kelihatan pengarang mengenang sejarah berlalu**

# 33. AMALAN-AMALAN ISTIMEWA DAN BEKALAN AKHIRAT TK

## *1. Amalan-amalan Istimewa Tuk Kenali:*

Antara amalan istimewa beliau ialah:

(1) Beliau didapati dalam kehidupan hariannya sentiasa membaca **Suurah Al-Ikhlaash** (Qul huwallaahu ahad) dalam semua suasana hidupnya,di mana lidah beliau selalu basah dengan mengulang-ngulangi suurah yang banyak pahala ini,di mana menurut Hadith Nabi s.a.w. bahawa dengan sekali membaca Suurah berkat ini,seseorang akan memperoleh sepertiga pahala membaca sebuah Al-Qur'an. Ya, bagi menggalakkan umat Islam agar selalu membaca Suurah inilah, maka buku ketokohan ini ditulis dan disibarkan.

Bila kita mengkaji keseluruhan Hadith Nabi s.a.w. ternyata banyak sekali Hadith yang menyebut dan menekankan kelebihan Suurah Al-Ikhlaash sehingga lebih daripada 70 buah Hadith;sekalipun di sampingnya ada juga yang Dha`if (Lemah) ,Maudhuu` (Rekaan),Matruuk (Ditinggalkan) dan lain-lain.

*Abu Hurairah r.`a.* pernah memberitakan Rasulullah s.a.w. bersabda:

احْشُدُوْا فَإِنِّيْ سَأَقْرَأُ عَلَيْكُمْ ثُلُثَ الْقُرْآنِ

"Berkumpullah kamu,kerana sungguhnya saya akan membacakan kepadamu akan *sepertiga Al-Qur'an."*

Abu Hurairah menyambung:"Maka berkumpullah siapa yang berkumpul. Kemudian Nabi Allah, s.a.w. keluar,maka beliau membaca *Qul huwallaahu ahad....*;kemudian beliau masuk."

"Maka berkatalah sebahagian kami kepada sebahagian yang lain akan sabda Nabi s.a.w. tadi. Sungguhnya saya benar-benar mengirakan (berita) ini merupakan suatu khabar yang *datang dari langit.*Kerana itu Nabi s.a.w. masuk (pula ke rumah)."

"Kemudian Nabi s.a.w. keluar,maka beliau bersabda:

إِنِّي قُلْتُ : سَأَقْرَأُ عَلَيْكُمْ ثُلُثَ الْقُرْءَانِ، أَلاَ وَإِنَّهَا تَعْدِلُ ثُلُثَ الْقُرْءَانِ

"Sungguhnya saya telah bersabda (tadi):"Saya akan membacakan kepadamu sepertiga Al-Qur'an. Ketahuilah sungguhnya dia (Qul huwallaahu ahad) *menyamai sepertiga Al-Qur'an."*

[H.R.Muslim dan At-Turmudzi]

Manakala *Abu Sa'iid Al-Khudriy r.'a.* memberitakan Rasulullah s.a.w. pernah bertanya para Sahabat beliau:

أَيَعْجِزُ أَحَدُكُمْ أَنْ يَقْرَأَ ثُلُثَ الْقُرْءَانِ فِي لَيْلَةٍ؟

"Adakah salah seorang kamu lemah untuk membacakan *sepertiga Al-Qur'an* ***pada setiap malam?"***

"Maka menjadi beratlah perkara demikian ke atas mereka; dan mereka

berkata:"Siapakah di kalangan kami yang sanggup berbuat demikian,wahai Rasulullah?"

"Maka Rasulullah s.a.w. pun bersabda:

اَللهُ الْوَاحِدُ الصَّمَدُ ثُلُثُ الْقُرْءَانِ

"(*Qul huwa) Allaahu Al-Waahidu Ash-Shamadu* itu **sepertiga Al-Qur'an.**"

[H.R.Al-Bukhaari]

Seterusnya *Abu Ad-Dardaa' r.'a.* memberitakan Nabi s.a.w. pernah bersabda:

أَيَعْجِزُ أَحَدُكُمْ أَنْ يَقْرَأَ فِي لَيْلَةٍ ثُلُثُ الْقُرْءَانِ ؟

"Lemahkah salah seorang kamu untuk membacakan pada ***suatu malam*** akan sepertiga Al-Qur'an?"

Mereka (para Sahabat) berkata:"Betapa boleh membaca sepertiga Al-Qur'an?"

(Maka) Nabi s.a.w. bersabda:

قُلْ هُوَ اللهُ أَحَدٌ تَعْدِلُ ثُلُثُ الْقُرْءَانِ

"*Qul huwallaahu ahad* menyamai sepertiga Al-Qur'an."

[H.R.Muslim]

Berdasarkan beberapa buah Hadith yang baru berlalu,nyata sekali ketidaksanggupan para Sahabat Nabi s.a.w. untuk membacakan *sepertiga Al-Qur'an* (10 juzu' Al-Qur'an) dalam masa yang singkat.

Akan tetapi setelah dinyatakan bahawa maksud sepertiga Al-Qur'an itu ialah *Qul huwallaahu ahad,* maka tidaklah lagi menyusah atau memberatkan mereka.

Cukuplah dengan hanya dibaca sekali khatam Suurah Al-Ikhlaash **dengan ikhlash** kerana mengharapkan Wajah Allah S.W.T. serta ***memahami erti dan maksudnya:***

قل هو الله أحد . الله الصمد . لم يلد ولم يولد .

ولم يكن له كفوا أحد

"Katakanlah (wahai Nabi):"***Dia*** (ialah) **ALLAH** *Yang Maha Tunggal. Allah (tempat) pergantungan segala suatu (makhluk). Dia tidak beranak* (tidak melahirkan sesuatu daripada DzatNya Sendiri) dan *tidak pula diperanakkan* (dilahirkan oleh sesuatu yang selainNya).Dan *tiadalah Dia serupa (setanding) dengan seseorang (*makhlukNya)."

[Al-Ikhlaash:1-4]

Suurah Al-Ikhlaash ini merupakan sebuah Suurah tunggal dalam Kitab Suci Al-Qur'an yang penuh dengan pengenalan mengenai Dzat dan Sifat Allah S.W.T.dengan seringkas-ringkas dan sejelas-jelasnya ;manakala keringkasannya mewakili bagi semua Ayat yang mengenai `aqidah (kepercayaan) yang terdapat dalam Kitab Suci tersebut. Menurut *Imaam Al-Ghazaali r.A. (rahimahullaah)* bahawa semulia-mulia ilmu ialah ilmu yang membicarakan tentang Dzat dan Sifat Allah Tabaaraka Wa Ta`aala,Tuhan Maha Pencipta Sendiri. Justeru wajarlah pembacanya diberi pahala sepertiga pahala Al-Qur'an,di mana bila Al-Qur'an itu dibuat pembahagian,maka dia terbahagi kepada tiga bahagian,iaitu: `*aqidah*,kisah-kisah dan hukum-hukum.

Sumber *Abu Ad-Dardaa' r.`a.* memberitakan Nabi s.a.w. pernah bersabda:

إِنَّ اللهَ جَزَّأَ الْقُرْءَانَ ثَلاَثَةَ أَجْزَاءٍ ، فَقُلْ هُوَ اللهُ أَحَدٌ ثُلُثُ الْقُرْءَانِ

"Sungguhnya Allah telah membahagikan Al-Qur'an kepada tiga bahagian;maka *Qul huwallaahu ahad* itu sepertiga (bahagian) Al-Qur'an."

[H.R.Muslim]

Mengenai jaminan terhadap peminat dan pembacanya, *'Ubaid B.Hunain* berkata:"Saya mendengar Abu Hurairah menceritakan:"Sewaktu saya sedang duduk berhadapan (suatu riwayat :berpegangan tangan) dengan Nabi s.a.w.;tiba-tiba Nabi mendengar seorang lelaki membaca *Qul huwallaahu ahad;* maka Rasulullah s.a.w. lalu bersabda:"Wajabat: Wajiblah."

"Saya bertanya:"Apakah yang wajib (pasti) itu?" Beliau menjawab:"(Dia pasti memperoleh) **Syurga**"

[H.R.An-Nasaa'iy, dll. Ahmad Syaakir:*Shahiih*]

Seterusnya *Abu Umaamah Al-Baahiliy r.'a.* bercerita:"Jibril datang menemui Rasulullah s.a.w. sewaktu beliau berada di Tabuk,maka dia berkata:"Wahai Muhammad,saksikanlah jenazah **Mu'aawiyah Al-Muzani.**"

Abu Umaamah menyambung:"Maka Rasulullah s.a.w. pun keluar dan Jibril 'a.s. pun turun bersama 70,000 para Mala'ikat,maka dia meletakkan sayapnya yang kanan ke atas kepala-kepala bukit,maka jadi rendahlah dia;dan dia meletakkan sayapnya yang kiri ke atas bumi,maka ranaplah dia,sehingga beliau dapat melihat kota Makkah dan Madinah."

"Maka Rasulullah s.a.w.,Jibril dan para Mala'ikat pun bersembahyang ke atas Mu'aawiyah. Di kala selesai sembahyang,Rasulullah s.a.w. pun bertanya:"*Wahai Jibril,dengan sebab apakah dia telah mencapai kedudukan ini?"*

Jibril menjawab:

بِقِرَاءَتِهِ قُلْ هُوَ اللهُ أَحَدٌ قَائِمًا وَقَاعِدًا وَرَاكِبًا وَمَاشِيًا

"Ialah dengan sebab dia membacanya iaitu *Qul huwallaahu ahad* (secara serius) dalam keadaan berdiri dan duduk;juga dalam menunggang (berkendera) dan berjalan kaki."

[H.R.Ibnu As-Sunni, At-Tabaraani, Al-Haakim,Ibnu `Asaakir,Adz-Dzahabi,Abu Nu`aim dan Ibnu Abd Al-Barr: *Shahiih* ]

***Tuk Kenali*** adalah didapati seluruh hidupnya dipenuhi dengan bacaan *Qul huwallaahu ahad*, di mana dua bibirnya selalu bergerak membaca Suurah yang banyak sekali pahala ini,dari pagi sampai petang;dan dari petang sampai ke malam;kecuali semasa beliau mengajar,bercakap,memberi dan menjawab salam sehinggalah beliau tertidur di kala malam. Semasa beliau pergi ke pasar kerana membeli dan memilih sendiri keperluan dapur,beliau didapati membaca Suurah ini tidak henti-hentinya,kecuali ketika memberi atau menjawab salam. Inilah suatu contoh yang baik di samping contoh Mu`aawiyah Al-Muzani tadi.

***Faedah-faedah Membaca Suurah Al-Ikhlaash:***

Berdasarkan kajian penulis sesudah mengumpulkan puluhan Hadith dalam buku "74 Hadith Keistimewaan Suurah Al-Ikhlaash"(sesudah ini diringkaskan dengan "74") didapati mempunyai banyak sekali faedah,antaranya:

1. Memperoleh *sepertiga pahala* membaca seluruh Al-Qur'an (berdasarkan 23 buah Hadith;antaranya 3 buah Hadith di mana Nabi s.a.w. menegaskannya dengan cara bersumpah).
2. Memperoleh *Syurga,* berdasarkan 5 buah Hadith Shahiih dan sebuah Hadith bertaraf Hasan.
3. Dapat *melihat Syurga* sebelum mati dengan membacanya 50 kali pada setiap rakaat sembahyang Sunat Empat Rakaat;berdasarkan H.R.Ad-Daar Qutni dan Khatiib Al-Baghdaadi (74:79).
4. Memperoleh *kelepasan daripada Neraka,*iaitu dengan membacanya 100 kali;berdasarkan H.R.At-Tabaraani dan lain-lain;juga Ibnu Mu'iin:Tiada suatu kecacatan pada Hadith ini (74:69).
5. Memperoleh *keridhaan dan keampunan Allah;*berdasarkan H.R.Ibnu An-Najjaar (74:77).
6. Memperoleh *keampunan daripada Allah;*berdasarkan banyak Hadith Shahiih dan Jayyid (Bagus) (74:67,86,91). Manakala membacanya 50 kali akan terampun dosa selama 50 tahun;berdasarkan H.R.Ad-Daarimi dan Abu Ya`la: *Hasan* (74:68).
7. Memperoleh *kasih Allah* ;berdasarkan H.R.Al-Bukhaari,Muslim dan lain-lain (74:81,83).
8. Memperoleh *kelepasan dari murka Allah* ; berdasarkan H.R.At-Tabaraani,As-Salafi (Mauquuf);As-Suyuuti menyandarkannya kepada At-Tabaraani (74:73).
9. Memperoleh *perlindungan terbaik* daripada Allah;berdasarkan H.R.At-Tabaraani dan lain-lain: *Hasan Li Ghairih* (74:94).
10. Memperoleh *perlindungan Allah* ;berdasarkan H.R. An-Nasaa'iy dan At-Tabaraani:*Hasan* (74:66).

11.Memperoleh *kekayaan* dan menghilangkan kefakiran bila dibaca pada setiap kali memasuki rumah (sesudah memberi salam –P);berdasarkan H.R.At-Tabaraani: Hadith ini diterima riwayatnya (74:72).

12. Memperoleh *perkenan do`a* di mana dia termasuk salah satu **Ismullaah Al-A`dzam** (nama Allah Yang Paling Agung,di mana apabila diminta dengannya,segala permohonan segera diperkenan);berdasarkan Hadith Shahiih R.Ahmad,Al-Haakim,At-Turmudzi dan lain-lain (74:88,90). Juga dibaca di `Arafah 1,000 kali berdasarkan H.R.Abu Asy-Syaikh: Tanpa cacat (74:71).

13. Memperoleh *keselamatan di kala malam* di mana dia dibacakan bersama Al-Faatihah (dan juga Mu`awwidzatain: Qul `audzu birabbin-naas dan Qul `audzu birabbil-falaq – P);berdasarkan H.R.Al-Bazzaar dan Ibnu Hibbaan: *Shahiih* (74:57).

14. Memperoleh *kesembuhan* daripada segala penyakit;berdasarkan H.R.As-Salafi. As-Suyuuti menyandarkan Hadith ini kepada Ibnu Qaani` (74:76).

15. Memperoleh *keberkatan (kemuliaan)* di mana jenazah turut disembahyang oleh Jibril dan para Mala'ikat;berdasarkan H.R.Al-Ashbahaani dan lain-lain: *Hasan Li Ghairih* (74:108) dan Ibnu As-Sunni dan lain-lain;juga R.Ibnu `Abd.Al-Barr: *Shahiih* (74:111) dan R.Ibnu Mandah:*Hasan* (74:113).

***Penghayatan Qul huwallaahu ahad:***

Amalan yang paling mudah, Suurah yang paling banyak pahala ini,hendaknya dibaca pada setiap kali ***selepas sembahyang Lima Waktu*** bersama-sama Suurah Al-Falaq dan An-Naas;berdasarkan H.R.Ibnu Hibbaan :*Shahiih*. Sesudah itu dia hendaklah dibaca secara terbuka di mana-mana sahaja waktu tanpa had secara berterusan pada setiap kali kita ingat kepadanya,sama ada di kala sedang duduk,berdiri,berjalan kaki, berkendera ,berbaring menelentang,merusuk dan meniarap;kecuali sewaktu sedang beribadah (yang lain),mengajar ,memberi dan menjawab salam;juga di kala sedang bercakap.

Di samping itu pada setiap kali kita ***hendak tidur malam*** dibaca bersama Mu'awwidzatain serentak 3 kali untuk *keselamatan diri dan seluruh kehidupan;* berdasarkan H.R.Al-Bukhaari,At-Turmudzi dan Ibnu Maajah (74:59).

Pada waktu yang sama (sebelum tidur) dia dibacakan di mana apabila berlaku kematian pada malam itu,maka seseorang memperoleh *mati syahid*,dan jika masih hidup maka dia terampun sampai ke pagi esoknya;berdasarkan H.R.Ibnu Marduwaih (74:61)

Demikian juga dia dibaca sewaku ***pagi dan petang*** bagi memperoleh *keselamatan;* di mana dia dibacakan 3 kali secara terus berulang-ulang (satu demi satu) bersama Mu'awwidzatain;berdasarkan H.R.Ibnu Sa'd dan lain-lain;juga At-Tabaraani (74:62) dan H.R.Abu Dawud dan An-Nasaa'iy: *Hasan* (74:63).

Selain itu *Qul huwallaahu ahad* dibacakan dalam sembahyang-sembahyang Sunat Fajar,Sunat Selepas Maghrib, sembahyang Sunat Tawaf dan Witir:

Dalam sembahyang Sunat **Fajar** dia dibacakan dalam rakaat kedua sesudah Al-Faatihah ;manakala dalam rakaat pertama dibacakan Suurah Al-Kaafiruun sesudah Al-Faatihah.,di mana pembacanya disabdakan Nabi s.a.w. *sebagai orang yang telah **beriman*** kepada Tuhannya (bagi memperkuat iman) ;berdasarkan H.R.Ibnu Hibbaan,At-Tahaawi dan Al-Baihaqi : *Shahiih* (74:99).Juga H.R.Muslim (74:100).

Dalam sembahyang Sunat Selepas **Maghrib** juga sama dengan sembahyang Sunat Fajar;berdasarkan H.R.Ibnu Abi Syaibah dan lain-lain;juga Al-Baihaqi: *melebihi derjat Hasan* (74:101).

Manakala dalam sembahyang Sunat **Tawaf**,sesudah melakukan tawaf 7 kali di Ka`bah,dilakukan sembahyang dua rakaat di mana bacaannya sama seperti sembahyang Sunat Fajar di atas;berdasarkan H.R.Muslim dan lain-lain (74:102).

Seterusnya dalam sembahyang Witir,jika dia dibacakan dalam **Witir** yang 3 rakaat secara terus,maka pada rakaat pertamanya dibacakan Suurah Al-`Ala;manakala dalam rakaat kedua dibacakan Suurah Al-Kaafiruun;dan pada rakaat ketiga dibacakan Suurah Al-Ikhlaash bersama Mu`awwidzatain ;berdasarkan H.R.Abu Nu`aim dan Ibnu As-Sakan :*Shahiih* (74:96) atau S.Ikhlaash tanpa Mu`awwidzatain ;berdasarkan H.R.Ahmad dan lain-lain;juga Al-Baihaqi: *Shahiih* (74:97).

Manakala dalam Witir dua rakaat (yang disambung dengan satu rakaat kemudiannya),dalam rakaat pertamanya dibaca Suurah Al-A`la,sesudah dibaca Al-Faatihah;manakala dalam rakaat keduanya sesudah Al-Faatihah dibacakan *Qul huwallaahu ahad* dan Mu`awwidzatain;berdasarkan H.R.Ad-Daar Qutni dan Ibnu Hibbaan: *Shahiih* (74:95).

(2) **Beliau kerap pula membaca Selawat** kepada Nabi Muhammad s.a.w. yang berbunyi:

اَللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدِنِ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ الْحَبِيْبِ
الْعَالِيْ الْقَدْرِ الْعَظِيْمِ الْجَاهِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ

"Wahai Allah,selawat dan salam serta berkatkan kepada Junjungan Muhammad s.a.w. Nabi yang diakui kebenarannya,kekasih Allah yang mempunyai derjat kedudukan yang tinggi,besar lagi memiliki kemegahan sebagai hambaNya; dan ke atas keluarga dan Sahabat beliau,serta salamkan."

Diberitakan bahawa Nabi s.a.w. membacakan selawat yang maha berkat ini untuk diri peribadi beliau sendiri. Demikian menurut *Imaam As-Suyuuti.* Sila ruju` kitab: المختصر في معاني اسماء الله الحسنى susunan Al-Ustaadz Mahmud Saami Bik.

Kedudukan pahala selawat kepada Nabi s.a.w. adalah menduduki tempat kedua sesudah membaca Al-Qur'an,iaitu dari segi perolehan pahala bacaan.

***Faedah-faedah Selawat Kepada Nabi s.a.w.:***

1. Berselawat kepada Rasulullah s.a.w. akan memperoleh *keridhaan Allah* s.w.t. merupakan matalamat

kehambaan yang terpenting yang akan memperoleh *kejayaan yang besar (al-fauz al-`adziim:* ruju` S.At-Taubah: 100),di mana Allah Sendiri telah pun memerintahkan orang-orang yang beriman agar berselawat kepada Nabi s.a.w. dengan firmanNya:

إن الله وملآئكته يصلون على النبي ، يا أيها الذين آمنوا صلوا عليه وسلموا تسليما

"Sungguhnya Allah dan para Mala'ikatNya menyelawatkan kepada Nabi;(kerana itu) wahai orang-orang yang beriman,berselawatlah dan salamkan kepada beliau dengan sebenar-benar salam."

[Al-Ahzaab:56]

2. Memperoleh *penggembiraan masuk Syurga*: sebenarnya tiada siapa yang mengetahui terhadap nasib sendiri dan apa yang akan berlaku ke atas diri dalam jangka dekat atau lambat. Bila seseorang yang hampir meninggal dunia yang fana' ini memperoleh penggembiraan dapat masuk Syurga dengan sesuatu berita menerusi sesuatu cara yang tertentu seperti keterbukaan (kasyaf) dapat melihat tempat duduknya dalam Syurga atau dengan cara-cara yang lain,maka ini merupakan suatu tanda yang amat baik baginya,berupa suatu ni`mat atau kegembiraan baginya.

Akan tetapi Hadith yang berbunyi:

مَنْ صَلَّى عَلَيَّ فِي يَوْمٍ أَلْفَ مَرَّةٍ ، لَمْ يَمُتْ حَتَّى يَرَى مَقْعَدَهُ مِنَ الْجَنَّةِ

"Siapa yang berselawat kepadaku pada suatu hari sebanyak seribu kali;tidaklah dia akan mati sehingga dia dapat melihat tempat duduknya dalam Syurga."

[Hadith ini didapati *Munkar;* tertolak]

3.Memperoleh *keberkatan (kebertuahan)*: tiada siapa yang tidak ingin kepada keberkatan atau kebertuahan hidup;sebab hidup ini cuma sekali sahaja. Ya,siapa yang menurut arahan Allah dan mengasihi RasulNya dengan berselawat kepadanya akan memperoleh keberkatan daripada Allah: baik pada diri,amalan dan umur.

Rasulullah s.a.w. pernah bersabda:

مَنْ صَلَّى عَلَيَّ فِيْ كُلِّ يَوْمٍ مِائَةِ مَرَّةٍ ، قَضَى اللهُ لَهُ
مِائَةَ حَاجَةٍ سَبْعِيْنَ لِآخِرَتِهِ وَثَلَاثِيْنَ لِدُنْيَاهُ

"Siapa berselawat kepadaku seratus kali pada setiap hari,nescaya Allah akan menyampaikan seratus keperluannya: 70 bagi keperluan Akhiratnya dan 30 bagi keperluan dunianya."

[H.R.Ibnu Mandah: *Hasan Ghariib* ]

5. Memperoleh *cahaya* di atas Shiraat (Titian): di Alam Akhirat,kita tidaklah lagi berjalan seperti cara kita berjalan kini.Berjalan di dunia sewaktu malam,kita cuma memerlukan lampu atau karak;tetapi perjalanan-perjalanan sesudah kita meninggal dunia adalah belum menentu bergantung kepada amalan-amalan yang kita telah lakukan.

Sewaktu kita diletakkan di Alam Kubur atau Barzakh,kita perlukan nuur atau cahaya sementara menunggu Hari Kebangkitan.Apalagi bila kita hendak melintasi neraka Jahannam yang sedang terbentang dengan luas lagi ganas sebelum kita melangkah kaki ke Syurga;kita amat perlu sekali kepada cahaya yang penuh (*sempurna*) agar telapak kaki kita tidak akan tergelincir sebagaimana tergelincirnya telapak kaki orang-orang Munaafiq,di mana mereka diuji Tuhan

dengan cetusan nuur yang sedikit yang tidak menentu:sekali bercahaya ala kadar dan sekali pula padam.

Rasulullah s.a.w. pernah bersabda:

صَلَاةٌ عَلَيَّ نُوْرٌ يَوْمَ الْقِيَامَةِ عَلَى الصِّـرَاطِ

"Selawat kepadaku itu merupakan satu (kelompok) cahaya di Hari Kiamat yang menjelema di atas Titian Al-Mustaqim."

[H.R.Abu Sa`iid]

Dengan berselawat kepada Junjungan Nabi s.a.w. ini,maka seseorang Mu'min akan dikurniakan kelompok cahaya yang penuh semasa melewati Shiraat;dan dengan kurniaan cahaya ini mereka akan dapat berjalan dengan lancar tanpa teragak-agak;dan sudah pastilah telapak kaki mereka akan menjejak Titian dengan penuh yakin;jauh dari ragu-ragu dan menghadapi bahaya kegelinciran.

6. Memperoleh *jalan yang betul ke Syurga:* manusia yang bahagia ialah orang yang dapat memasuki Syurga,sekalipun dia lebih dahulu diseksakan dalam Neraka. Akan tetapi bagi orang yang berselawat kepada Nabi s.a.w.,mereka akan dapat meni`mati Syurga tanpa halangan-halangan yang kerap mengenai orang lain;malah dia akan memasukinya tanpa dikenakan seksaan. Mereka akan dapat memperoleh kemudahan dalam pengiraan amal;dan kemudian akan dapat melalui Shiraat dengan selamat untuk masuk ke Syurga.

   *Abu Hurairah r.`a.* memberitakan Nabi bersabda:

   مَنْ نَسِيَ الصَّلَاةَ عَلَيَّ ، نَسِيَ طَرِيْقَ الْجَنَّـةِ

   "Siapa lupa dari berselawat kepadaku;maka dia akan lupa jalan ke Syurga."[H.R.Al-Baihaqi]

7. Memperoleh kedudukan *dekat dengan Junjungan Nabi s.a.w.:* suatu ni`mat yang pernah dirasakan semasa hidup di dunia ini ialah ni`mat *keseronokan mencintai Nabi s.a.w.;* apalagi para Sahabat yang hidup bersama beliau. Orang yang telah memperoleh ni`mat ini akan merasa senang hati bila nama Junjungan s.a.w. disebut,dipuji, dan diselawatkan.
Manakala bagi orang yang kasih kepada seseorang,dia gemar sekali untuk berada di samping orang kecintaannya,di mana Nabi s.a.w. sendiri pernah bersabda:

اَلْمَرْءُ مَعَ مَنْ أَحَبَّ

"Seseorang itu (kerap) di samping kekasihnya."

[H.R.Al-Bukhaari, Muslim,At-Turmudzi, Abu Dawud dan An-Nasaa'iy]

Di samping itu Rasulullah juga bersabda:

أَوْلَى النَّاسِ بِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ ، أَكْثَرُهُمْ عَلَيَّ صَلاَةً

"Seutama-utama manusia denganku di Hari Kiamat (nanti) ialah orang yang paling banyak berselawat kepadaku."

[H.R.At-Turmudzi: *Hasan Ghariib;*juga R.Ibnu Hibaan: *Shahiih* ]

فَمَنْ كَانَ أَكْثَرُهُمْ عَلَيَّ صَلاَةً ، كَانَ أَقْرَبُهُمْ مِنِّي مَنْزِلَةً

"Siapa yang paling banyak berselawat kepadaku,maka dia adalah orang yang mempunyai kedudukan yang paling dekat denganku."

[H.R.At-Tabaraani]

8. Memperoleh *Syafaat Nabi s.a.w.* di Hari Kiamat: bagi orang-orang yang beriman,mereka percaya bahawa di Hari Kiamat nanti akan berlaku harubiru yang amat dahsyat di mana manusia akan terkena pancaran matahari yang amat panas yang mendorong mereka mencari syafaat (*pertulungan*). Orang yang mendapat syafaat akan terhindar dari bahaya ini dan dari bahaya dek peluh-peluh manusia. Mereka juga akan memperoleh segala kemudahan untuk segera memasuki Syurga.

Salah satu cara untuk mendapat syafaat Nabi ialah dengan cara berselawat kepada Nabi sesudah selesai menjawab *adzaan*;dan kemudian disusuli do`a yang diajarkan beliau bagi memohonkan *Wasiilah* (Nama Syurga atau kedudukan tertinggi untuk beliau dalam Syurga). Demikian berdasarkan H.R.Muslim,Abu Dawud dan An-Nasaa'iy.

Manakala suatu cara lagi dengan selalu memperbanyakkan selawat kepada beliau pada setiap masa dan waktu.

Juga mengikutkan persabdaan beliau:

مَنْ صَلَّى عَلَيَّ حِيْنَ يُصْبِحُ عَشْرًا ، وَحِيْنَ يُمْسِي عَشْرًا ، أَدْرَكَتْهُ شَفَاعَتِيْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

"Siapa berselawat kepadaku di kala berpagi-pagi *sepuluh* kali;dan di kala berpetang-petang *sepuluh* kali;dia akan memperoleh Syafaatku di Hari Kiamat."

[H.R.At-Tabaraani ;sumber Abu Ad-Dardaa': *Hasan* ]

9. Memperoleh *pembentangan nama* dan disebutkan di sisi Nabi s.a.w. sebagai suatu kemuliaan.Demikian juga memperoleh *cinta yang berbalas* daripada Nabi s.a.w. sendiri disebabkan namanya dibentangkan ataupun Nabi dapat mendengarnya bila disampaikan kepada beliau di kubur (Alam Barzakh).
Nabi s.a.w. telah bersabda:

...وَصَلُّوْا عَلَيَّ حَيْثُ كُنْتُمْ، فَإِنَّ صَلاَتَكُمْ تَبْلُغُنِيْ حَيْثُ كُنْتُمْ

"Berselawatlah kepadaku di mana sahaja kamu berada;kerana sungguhnya selawat kamu itu akan disampaikan kepadaku di mana sahaja kamu berada."

[H.R.Abu Dawud]

Manakala sebahagian Sahabat Nabi s.a.w. pernah berkata:

إِنَّ الْعَبْدَ إِذَا صَلَّى عَلَى النَّبِيِّ (ص)، عُرِضَ عَلَيْهِ اسْمُهُ

"Sungguhnya seseorang hamba itu apabila dia berselawat kepada Nabi s.a.w.,maka *namanya akan dibentangkan kepada beliau.*"

Sebaik-baik selawat ialah selawat yang disertakan dengan salam kepada Nabi s.a.w. walaupun seseorang berada dari tempat yang jauh;kerana Nabi s.a.w. telah pun bersabda:

مَا مِنْ أَحَدٍ يُسَلِّمُ عَلَيَّ إِلاَّ رَدَّ اللهُ عَزَّ وَجَلَّ إِلَيَّ رُوْحِيْ حَتَّى أَرُدَّ عَلَيْهِ السَّلاَمَ

"Tiadalah seseorang memberi (mengucapkan) salam kepadaku,melainkan Allah `Azza Wa Jall akan mengembalikan ruhku sehingga aku dapat menjawab salamnya." [H.R.Abu Dawud: *Shahiih* ]

Contoh bacaan selawat serta salam :

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدِنِ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ

"Wahai Allah, selawatkan kepada Nabi Muhammad yang diakui kebenarannya;juga kepada keluarga dan Sahabat beliau;serta salamkan."

Seterusnya *Abu Bakr Ash-Shiddiiq r.'a.* memberitakan Nabi s.a.w. pernah bersabda (bermaksud):"Hendaklah kamu memperbanyakkan selawat kepadaku;kerana sungguhnya Allah telah mewakilkan seorang *Mala'ikat* di sisi kuburku. Apabila seseorang (lelaki) umatku berselawat kepadaku,maka berkatalah Mala'ikat itu kepadaku:"Wahai Muhammad,sungguhnya Si Anu Bin Si Anu itu telah berselawat kepada tuan ketika ini." [H.R.Ad-Dailami dalam "Musnad Al-Firdaus"]

10. Selawat dapat *membersihkan segala amalan yang buruk* sebagaimana sabda Nabi s.a.w.:

صَلَاتُكُمْ عَلَيَّ مُحْرِزَةٌ لِدُعَائِكُمْ وَمَرْضَاةٌ لِرَبِّكُمْ وَزَكَاةٌ لِأَعْمَالِكُمْ

"Selawat kamu kepadaku adalah memperkenan permohonan-permohonan kamu,meridhakan Tuhan kamu dan *menyucikan amalan-amalan kamu.*" [H.R.Ad-Dailami]

صَلُّوا عَلَيَّ فَإِنَّ الصَّلَاةَ عَلَيَّ زَكَاةٌ وَكَفَّارَةٌ لَكُمْ

"Berselawatlah kamu kepadaku;kerana sungguhnya dia adalah suatu *penyuci* dan pembersih dosa kamu."

[Al-Hadith: *periwayatnya orang-orang kepercayaan* ]

11. Memperoleh *pergandaan selawat* (kebaikan,keampunan) daripada Allah dan permintaan ampun dan rahmat daripada para Mala'ikat.

*`Abdullah B. `Amr r.`a.* memberitakan Nabi s.a.w. pernah bersabda:

مَنْ صَلَّى عَلَى النَّبِيِّ (ص) وَاحِدَةً ، صَلَّى اللّٰهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَمَلآئِكَتُهُ بِهَا سَبْعِينَ صَــلاَةً

"Siapa berselawat kepada Nabi s.a.w. sekali,nescaya dia akan diselawatkan Allah dan para Mala'ikatNya sebanyak 70 kali."[H.R.Ahmad: *Hasan* ]

Manakala *Abu Hurairah r.`a.* memberitakan Nabi s.a.w. bersabda:

مَنْ صَلَّى عَلَيَّ وَاحِدَةً ، صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ عَشْــرًا

"Siapa berselawat kepadaku sekali selawat,maka Allah akan menyelawatkan kepadanya sepuluh kali"(rahmat dan keampunan).

[H.R.Ahmad,**Muslim** ,At-Turmudzi, An-Nasaa'iy dan lain-lain]

Seterusnya *`Abdullah B.Abu Talhah r.`a.* pula memberitakan daripada sumber bapanya (Zaid B.Sahl Al-Khazraji),katanya:"Pada suatu hari Rasulullah s.a.w. mendatangi kami di mana kami nampak kegembiraan pada muka beliau,maka kami pun berkata:"Sungguhnya kami benar-benar ternampak kegembiraan pada muka tuan."

Maka Rasulullah s.a.w. pun bersabda:"Sungguhnya telah datang kepadaku seorang Mala'ikat, maka dia berkata:"Wahai Muhammad,sungguhnya Tuhan tuan telah berfirman:

أَمَا يُرْضِيْكَ أَنَّهُ لاَ يُصَلِّيْ عَلَيْكَ أَحَدٌ إِلاَّ صَلَّيْتُ عَلَيْهِ
عَشْرًا، وَلاَ يُسَلِّمُ عَلَيْكَ أَحَدٌ إِلاَّ سَلَّمْتُ عَلَيْهِ عَشْرًا

"Ketahuilah telah direstui kepada tuan bahawa tiadalah seseorang yang berselawat kepada tuan (sekali selawat) melainkan Aku akan berselawat kepadanya *sepuluh kali;* dan tiadalah seorang bersalam kepada tuan (dengan satu salam) melainkan Aku akan bersalam kepadanya *sepuluh kali."*

[H.R.Ahmad,An-Nasaa'iy dan Ibnu Hibbaan: *Shahiih*]

Manakala *`Aamir B.Rabii`ah r.`a.* telah berkata:"Saya telah mendengar Rasulullah s.a.w. berkhutbah di mana beliau bersabda:

مَنْ صَلَّى عَلَيَّ صَلاَةً، لَمْ تَزَلِ الْمَلاَئِكَةُ تُصَلِّيْ عَلَيْهِ،
مَا صَلَّى عَلَيَّ. فَلْيُقِلَّ عَبْدٌ مِنْ ذٰلِكَ أَوْ لِيُكْثِرْ

"Siapa berselawat kepadaku akan satu selawat,akan sentiasalah para Mala'ikat berselawat kepadanya ,selama dia (masih) berselawat kepadaku. Justeru itu,seseorang hamba hendaklah berselawat sedikit atau hendaklah dia *membanyakkannya."*

[H.R.Ahmad,At-Turmudzi (*Shahiih*),Ibnu Maajah dan lain-lain: *Hasan* (pada satu segi)]

12. Memperoleh *derjat,dituliskan kebajikan dan dihapuskan dosa;* berdasarkan Hadith sumber *Abu Bardah B.Niyaar r.`a.* yang memberitakan Nabi s.a.w. bersabda:

مَنْ صَلَّى عَلَيَّ مِنْ أُمَّتِي صَلاةً مُخْلِصًا مِنْ قَلْبِهِ ، صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ بِهَا عَشْرَ صَلَوَاتٍ ، وَرَفَعَهُ بِهَا عَشْرَ دَرَجَاتٍ ، وَكَتَبَ لَهُ بِهَا عَشْرَ حَسَنَاتٍ ، وَمَحَا عَنْهُ بِهَا عَشْرَ سَيِّئَاتٍ

"Siapa berselawat kepadaku daripada kalangan umatku akan satu selawat yang tulus-ikhalash (jilah) daripada hatinya,maka Allah akan berselawat (memberi kebaikan dan keampunan) kepadanya dengan sebabnya akan sepuluh selawat;dan Dia akan mengangkatkan dengan sebabnya akan *sepuluh derjat (kedudukan);*Dia akan menuliskan untuknya *sepuluh kebajikan;* dan Dia akan *menghapuskan* dengan sebabnya akan *sepuluh kejahatan.*"

[H.R.An-Nasaa'iy, Al-Bazzaar dan At-Tabaraani]

13.Memperoleh pahala yang *menyamai memerdekakan seorang hamba;* bila berselawat 10 kali, berdasarkan Hadith Nabi s.a.w.:

مَنْ سَلَّمَ عَلَيَّ عَشْرًا ، فَكَأَنَّمَا أَعْتَقَ رَقَبَةً

"Siapa mengucapkan salam (di samping selawat) kepadaku sepuluh kali,maka seolah-olah dia memerdekakan seorang hamba."

[Hadith sumber *Ibnu Wahb*]

Malah melebihi itu lagi:

..وَكُنْ لَهُ عِدْلَ عَشْرِ رِقَابٍ

"..Orang yang berselawat itu akan memperoleh pahala setimbang *pemerdekaan 10 orang hamba.*"

[H.R.Ibnu Abi `Aashim]

14. Dapat *melapangkan dada,menghilangkan kesusahan dan meluaskan rezki.*

*Muhammad B.Yahya B.Habbaan* pernah memberitakan daripada sumber bapanya yang diterima daripada datuknya,katanya:

"Seorang lelaki telah bertanya:"Wahai Rasulullah,bolehkah saya menjadikan *sepertiga sembahyang (Sunat) saya* (dengan) berselawat kepada tuan?"

Nabi s.a.w. menjawab:"Ya! Jika engkau mahu."

Orang itu bertanya lagi:"(Bagaimana kalau) *dua pertiga?"*

Nabi s.a.w. menjawab:"Ya!"

Lelaki itu terus bertanya:"Maka bolehkah saya mahu menjadikan *semua sembahyang (Sunat) saya itu berselawat?"*

Maka kedapatan Rasulullah s.a.w. menjawab:

إِذًا يَكْفِيْكَ اللهُ مَا أَهَمَّكَ مِنْ أَمْرِ دُنْيَاكَ وَآخِرَتِـكَ

"Bila begitu,Allah akan melepaskan engkau akan apa yang mendukacitakan engkau (termasuk memperoleh segala cita-cita-P) terhadap *urusan dunia engkau dan Akhirat engkau."* [H.R.At-Tabaraani: *Hasan* ]

15. Menggantikan *zakat atau sedekah* bagi siapa yang tidak sanggup berzakat atau bersedekah;berdasarkan sabda Nabi s.a.w.:

أَيُّمَا رَجُلٍ مُسْلِمٍ لَمْ يَكُنْ عِنْدَهُ صَدَقَةٌ ، فَلْيَقُلْ فِيْ دُعَآئِهِ : اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ عَبْدِكَ وَرَسُوْلِكَ ، وَصَلِّ عَلَى الْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَالْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ فَإِنَّهَا زَكَاةٌ

"Sesiapa orang lelaki Islam yang tiada mempunyai harta zakat (atau sedekah),maka hendaklah dia mengucapkan dalam do'anya (akan kata-kata ini):"*Allaahumma .......wal-Muslimaat:* Wahai Allah,selawatlah kepada Nabi Muhammad,seorang hamba Engkau dan Rasul Engkau;dan selawatkan (beri kebaikan dan keampunan) kepada orang-orang Mu'min lelaki dan Mu'min wanita;dan kepada orang Islam lelaki dan orang Islam wanita;" kerana sungguhnya dia adalah suatu zakat (berpahala sebagai zakat atau pembersih dosa)."

[Al-Hadith: *Hasan* ]

15. Memperoleh *kebagusan majlis (perhimpunan);*tanpa selawat akan menghadapi penyesalan (kerugian) di Hari Kiamat.

*Sayyidatina 'Aa'isyah* dan *'Umar B.Al-Khattaab* pernah memberitakan Nabi s.a.w. bersabda:

زَيِّنُوْا مَجَالِسَكُمْ بِالصَّلاَةِ عَلَى النَّبِيِّ (ص)

"Hiasilah majlis-majlis kamu dengan berselawat kepada Nabi s.a.w."

[Hadith yang seerti bertaraf: *Hasan Li Ghairih*]

Manakala *Abu Hurairah r.'a.* pula memberitakan Nabi s.a.w. bersabda:

مَا جَلَسَ قَوْمٌ مَجْلِسًا لَمْ يَذْكُرُوْا اللهَ فِيْهِ ، وَلَمْ يُصَلُّوْا عَلَى نَبِيِّهِمْ ، إِلاَّ كَانَ عَلَيْهِمْ تِرَةً . فَإِنْ شَاءَ عَذَّبَهُمْ ، وَإِنْ شَاءَ غَفَرَلَهُمْ

"Tiadalah suatu kaum berada **di sesuatu** majlis di mana mereka tidaklah menyebut **Allah padanya**;dan mereka tidak pula berselawat **kepada** Nabi mereka,melainkan mereka akan **ditimpai padah** (penyesalan). Maka jika Allah **menghendaki,Dia** menyeksakan mereka;dan jika Dia **menghendaki,Dia** mengampunkan mereka."

[H.R.Ahmad,At-Turmudzi,Al-Haakim,Ibnu As-Sunni dan Abu Nu`aim. Menurut *Al-Albaani: Shahiih* ]

Juga Nabi s.a.w. bersabda:

مَا قَعَدَ قَوْمٌ مَقْعَدًا لَمْ يَذْكُرُوْا اللهَ فِيْهِ ، وَلَمْ يُصَلُّوْا عَلَى النَّبِيِّ (ص) إِلاَّ كَانَ عَلَيْهِمْ حَسْرَةً يَوْمَ الْقِيَامَةِ

"Tiadalah suatu kaum yang duduk (berada) di sesuatu majlis;sedangkan mereka tidak menyebut Allah dan tidak pula *berselawat* kepada Nabi s.a.w., melainkan mereka akan tertimpa **penyesalan** di Hari Kiamat."

[H.R.At-Turmudzi: *Hasan* ]

Menurut Al-Marhum *Asy-Syaikh Muh.Naasiruddin Al-Albaani:* berdasarkan Hadith ini (dan yang sepertinya) menunjukkan **wajib** berdzikir dan berselawat kepada Nabi s.a.w. bila berada dalam sesebuah majlis (perhimpunan – sebagai suatu fardhu *Kifaayah:* sekurang-kurangnya menggunakan bacaan yang paling ringkas atau terpendek).

*Muusa B.Talhah r.`a.* menyatakan dia telah bertanya *Zaid B.Khaarijah* di mana Zaid telah juga bertanya Nabi s.a.w.,maka Nabi s.a.w. bersabda:

صَلُّوْا عَلَيَّ ، وَاجْتَهِدُوْا فِي الدُّعَاءِ ، وَقُوْلُوْا :

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ ، وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ

"Berselawatlah kamu kepadaku;dan bersungguh-sungguhlah dalam berdo`a. Dan kamu ucapkanlah: *"Allaahuma ....Muhammad:* Wahai Allah,selawatkanlah kepada Nabi Muhammad ,dan kepada keluarga Muhammad."

[H.R.Ahmad,An-Nasaa'iy dan lain-lain. Menurut *Al-Albaani: Shahiih* ]

Inilah selawat yang terpendek tanpa salam.Manakala selawat yang ada salam ialah seperti contoh yang baru berlalu;manakala yang lebih panjang ialah selawat yang menjadi amalan ***Tuk Kenali.***

16. Menulung *mengingatkan kembali apa yang terlupa;*berdasarkan perkataan seorang Sahabat Nabi s.a.w. yang banyak meriwayatkan Hadith iaitu *Abu Hurairah* r.`a:

مَنْ خَافَ عَلَى نَفْسِهِ النِّسْيَانَ ، فَلْيُكْثِرِ الصَّلاَةَ عَلَى مُحَمَّدٍ

"Siapa bimbangkan dirinya bersifat *terlupa,* maka hendaklah dia memperbanyakkan selawat kepada Nabi Muhammad s.a.w."

(Orang-orang tua kita pernah menamakan suatu bahagian di belakang kepala,arah ke bawah sebagai *"Gedung Muhammad;"*di mana apabila mereka terlupakan sesuatu,maka mereka terus berselawat serta menepuk-nepuk di belakang kepala;tiba-tiba dia segera teringat apa yang terlupa itu dengan berkat selawat).

17. Memperoleh *perkenan do`a* bila sesuatu do`a dimulakan dengannya (tahmid dan *selawat*). Do`a tanpa selawat adalah tertahan antara langit dan bumi.

Rasulullah s.a.w. pernah bersabda:

اَلدُّعَاءُ مَحْجُوْبٌ حَتَّى يُصَلِّيَ الدَّاعِيْ عَلَى النَّبِيِّ (ص)

"Sesuatu do`a itu terdinding (terhalang) sehinggalah seseorang yang berdo`a berselawat kepada Nabi s.a.w."

[H.R.At-Tabaraani: *periwayat-periwayatnya orang-orang kepercayaan* ]

Rasulullah s.a.w. pernah mendengar seorang lelaki sedang bersembahyang,di mana orang itu menyanjungi Allah dan memujiNya;dan dia berselawat kepada Nabi s.a.w.,maka beliau pun bersabda kepadanya:

اُدْعُ تُجَبْ ، وَسَلْ تُعْطَ

"Pohonlah nanti diperkenan,dan mintalah nanti diberikan."

[H.R.An-Nasaa'iy,Abu Dawud,At-Turmudzi (*Hasan Shahiih* ),Ibnu Hibbaan *(Shahiih)* dan Al-Baihaqi]

Kerana itu marilah kita meluangkan masa pada setiap hari hidup kita dengan memperbanyakkan selawat kepada Junjungan s.a.w. terutama dalam sembahyang-sembahyang Sunat,pada malam dan hari Jumu`at;juga hari Sabtu (sebagai menyanggah orang Yahudi yang memperbanyakkan kutukan mereka ke atas Nabi kita s.a.w.);juga 10 selawat di kala pagi dan petang bagi memperoleh syafaat Nabi s.a.w. di Akhirat nanti.

*Anas B. Maalik r.`a.* menyebutkan Nabi s.a.w. bersabda:

أَكْثِرُوْا الصَّلاَةَ عَلَيَّ يَوْمَ الْجُمُعَةِ وَلَيْلَةَ الْجُمُعَةِ. فَمَنْ صَلَّى عَلَيَّ صَلاَةً ، صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ عَشْـرًا

"Perbanyakkanlah kamu akan selawat kepadaku di Hari Jumu`at dan malam Jumu`at. Dan siapa berselawat kepadaku satu selawat,pastilah Allah akan berselawat kepadanya sepuluh selawat."[H.R.Al-Baihaqi:*Shaalih,Hasan*]

**(3) Tuk Kenali selalu berdo`a dengan do`a yang bersumber daripada Imaam Al-Ghazaali,** Failasuf Islam yang terkenal. Manakala sebaik-baik do'a itu ialah yang bersumber daripada Al-Qur'an dan Al-Hadith.

Do`a yang telah disadurkan berbunyi:

اَللّٰهُمَّ اِنِّيْ أَسْأَلُكَ مِنَ النِّعْمَةِ تَمَامَهَا ، وَمِنَ الصِّحَّةِ دَوَامَهَا ،
وَمِنَ الرَّحْمَةِ شُمُوْلَهَا ، وَمِنَ الْعَافِيَةِ حُصُوْلَهَا ، وَمِنَ الْعَيْشِ أَرْغَدَهُ ،
وَمِنَ الْعُمْرِ أَسْعَدَهُ ، وَمِنَ الْاِحْسَانِ أَتَمَّهُ ، وَمِنَ الْفَضْلِ أَعَمَّهُ ،
وَمِنَ اللُّطْفِ أَنْفَعَهُ .

اَللّٰهُمَّ كُنْ لَنَا وَلَا تَكُنْ عَلَيْنَا .

اَللّٰهُمَّ اخْتِمْ بِالسَّعَادَةِ آجَالَنَا ، وَحَقِّقْ بِالزِّيَادَةِ آمَالَنَا ،
وَاقْرُنْ بِالْعَافِيَةِ غُدُوَّنَا وَآصَالَنَا ، وَاجْعَلْ فِيْ رَحْمَتِكَ مَصِيْرَنَا
وَمَآلَنَا ، وَصُبَّ سِجَالَ عَفْوِكَ عَلَى ذُنُوْبِنَا ، وَمُنَّ عَلَيْنَا بِإِصْلَاحِ
عُيُوْبِنَا ، وَاجْعَلِ التَّقْوَى زَادَنَا ، وَفِيْ دِيْنِكَ اجْتِهَادَنَا ، وَعَلَيْكَ
تَوَكُّلَنَا وَاعْتِمَادَنَا .

وَثَبِّتْنَا عَلَى نَهْجِ الْاِسْتِقَامَةِ ، وَأَعِذْنَا فِي الدُّنْيَا مِنْ مُوْجِبَاتِ
النَّدَامَةِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ . وَخَفِّفْ عَنَّا ثِقَلَ الْأَوْزَارِ ، وَارْزُقْنَا عَيْشَ
الْأَبْرَارِ ، وَاكْفِنَا وَاصْرِفْ عَنَّا شَرَّ الْأَشْرَارِ ، وَاعْتِقْ رِقَابَنَا وَرِقَابَ
آبَائِنَا وَأُمَّهَاتِنَا وَاِخْوَانِنَا وَعَشِيْرَتِنَا مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ وَمِنَ النِّيْرَانِ .

بِرَحْمَتِكَ يَا عَزِيْزُ يَا غَفَّارُ يَا رَحِيْمُ يَا سَتَّارُ يَا جَبَّارُ ،
يَا اللهُ ، يَا اللهُ ، يَا اللهُ ، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٌ ، وَالْإِجَابَةِ
جَدِيْرٌ . رَبَّنَا آتِنَا فِيْ الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِيْ الْآخِرَةِ حَسَنَةً، وَقِنَا
عَذَابَ النَّارِ .

وَصَلَّى اللهُ عَلَى حَبِيْبِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.

"Wahai Allah,sungguhnya saya memohon pada Engkau akan pemberian yang sempurna: *kesihatan* yang berkekalan, *rahmat* (pengasihan Engkau) yang menyeluruhi dan *kesegaran* yang berguna. Saya pohoni pada Engkau akan *puncak kesenangan hidup, puncak kebahagiaan umur,kesempurnaan kebaikan;* juga *keluasan pemberian* dan *kesopanan* yang lebih berfaedah(berpahala).

Wahai Allah,tulungilah kami dan jangan pula kami ditindas. Wahai Allah,bahagiakan *kesudahan* kami,buktikan `azam kami dengan *penambahan amalan*,susulilah *kesegaran* di kala kami berpagi-pagi dan berpetang-petang. (Wahai Allah) Tumpahkanlah *rahmat* Engkau di tempat kembali kami dan kesudahan kami;dan tuangkanlah *dulang kemaafan* Engkau ke atas dosa-dosa kami;dan kurniakanlah *pembaikan* pada ke`aifan-ke`aifan kami;jadikanlah *taqwa* itu bekalan kami dan *giatkanlah kami pada* ***Agama*** kami. Hanya kepada Engkau kami berserah dan hanya kepada Engkau kami bergantung.

Wahai Allah,*teguhkanlah pendirian kami* di jalan yang betul dan lindungilah kami di dalam dunia ini dari *penyesalan* di Hari Kiamat,serta ringankan kami daripada *bebanan dosa. Hidupkanlah kami* sebagai kehidupan

orang-orang yang baik, *peliharalah kami* serta hindarkan dari kejahatan orang-orang yang jahat;dan *merdekakanlah diri kami* dan bapa-bapa kami serta ibu-ibu kami, saudara-saudara kami;juga golongan kami dari *seksaan kubur* dan dari *Neraka.*

Hanya dengan kemurahan Engkau,wahai Tuhan Yang Maha Mulia,wahai Tuhan Yang Maha Pengampun,Tuhan Yang Menyayangi hambaNya,Tuhan Yang Menutupi ke`aifan,Tuhan Yang Maha Perkasa.

Wahai Allah,wahai Allah,wahai Allah;sungguhnya Engkau berkuasa pada setiap suatu,istimewa pula *memperkenankan* permohonan. Wahai Tuhan kami,kurniailah kami kebaikan di dunia dan kebaikan pula di Akhirat;serta peliharalah kami dari seksaan Neraka.

Semoga Allah menyelawat dan menyalamkan kepada Junjungan kami Nabi Muhammad,keluarga dan para Sahabat beliau!"

***2. Bekalan Akhirat Bagi Tuk Kenali.***

Suatu ajaran Tuk Kenali yang pernah disampaikan kepada penduduk di sekitar Kampung Telaga Bina,Pasir Tumbuh,tidak jauh dari Kenali,ialah suatu bacaan pendek yang disebut *"Bekalan Akhirat;"* di mana dia dibacakan pada setiap hari berbunyi:

بِسْمِ اللهِ عَلَى نَفْسِيْ وَأَهْلِيْ

"Dengan menyebut nama ALLAH – dipohon kawalan – ke atas diri saya (keselamatan dunia dan Akhirat) dan ke atas anak-isteri (keluarga) saya."

Dia diamal dengan kehadhiran hati agar Allah memberi keberkatan kepada seseorang tentang perkara yang mengenai dirinya (keselamatan dari dunia sampai Akhirat) dan (keselamatan) ke atas anak-isteri (sepanjang masa).

Sebenarnya rangkaikata *"Bismillaah"* adalah mempunyai kuasa yang paling besar di alam ini,dengan idzin Allah. Dia mengandungi nama Allah Jalla Jalaaluh (nama Allah Yang Memiliki Kebesaran di alam ini),yang juga merupakan pokok atau umbi bagi segala nama Allah,yang lain (98 dan selebihnya),antara nama-nama Allah *"Al-Asmaa' Al-Husna"* (Nama-nama Allah,Yang Baik-baik);malah serentak dengan itu,dia juga ialah umbi bagi nama-nama Allah yang disebut *"Ismullaah Al-A'dzam"* (nama-nama Allah Yang Paling Agung) yang apabila si hamba meminta dengan salah satu antara nama-nama ini,maka permohonannya (sekalipun pada perkara yang luar biasa) segera diperkenankan Allah,dengan idzinNya yang melampaui segala batasan makhluk.

Apabila kita membuka lembaran kitab-kitab Hadith Nabi s.a.w.,maka di sana terdapat suatu ajaran Nabi s.a.w. yang berbunyi:

قُلْ كُلَّمَا أَصْبَحْتَ وَإِذَا أَمْسَيْتَ :

بِسْمِ اللهِ عَلَى دِيْنِي وَنَفْسِي وَوَلَدِي وَأَهْلِي وَمَالِي

"Ucapkan pada setiap kali engkau berpagi-pagi dan setiap kali engkau berpetang-petang: *"Bismillaahi ....wa maali:*

"Dengan menyebut nama ALLAH – dipohon kawalan – ke atas Agama saya, diri saya (dunia Akhirat),anak saya,isteri saya (dan keluarga: dunia Akhirat) dan hartabenda saya." [H.R.Ibnu `Asaakir]

# 34.KESAKITAN DAN KEMATIAN TUK KENALI

***Sakit bermula ,mati bersebab:***

Suatu sifat Tuk Kenali yang terkenal yang menyebabkan beliau disayangi ialah sifat *merendah diri* dan *tawadhdhu*'nya. Sifat ini ternyata kepada kita,bahawa sekalipun beliau memperoleh kenderaan,secara terkadang;beliau tetap suka berjalan kaki. Dalam berjalan kaki pada tempat-tempat tertentu;terkadang lebih senang pula berkaki ayam sahaja.

*"Sakit bermula,mati bersebab;"* demikian kata orang tua-tua. Tiba-tiba kaki beliau terasa sakit. Makin sehari makin terasa sakitnya. *"Patah Jentang"* ; kata beliau.

Empat bulan sudah berlalu,sakit beliau belum menurun;bahkan makin memuncak dan mula memborak. Penyakitnya telah membahayakan sampai beliau tidak dapat lagi berjalan;hanya dapat mengesut di rumah sahaja;walaupun begitu beliau tidak pernah mengeluarkan keluhan atau kata-kata yang menunjukkan cemas;hanya beliau kelihatan menghulurkan tangan lalu menggosok-gosokkan sahaja kaki beliau.

*"Kita panggil Pak Niklah supaya dia datang;"* kata Hjh.Ruqayyah,isterinya.

"Bila dia datang,apakah dibuatnya?" Tuk Kenali bertanya secara serius.

*"Dia datang membagehlah;"* kata isterinya.

*"Membageh"* ialah suatu cara meneka sebab-musabbab kesakitan dan cuba mengubatinya dengan menggunakan dua orang bomoh: seorang buat-buat lupa dan seorang lagi menanyakan sesuatu,termasuk ubatnya.

"Apa guna panggil dia? Kerana bimbangkan saya digodai *syaitankah?"* Sambung beliau lagi:"Orang yang semacam saya ini jauh dari godaan syaitan."

Suasana sepi;suatu cetusan suara pun tidak kedengaran.

Ubat kakinya dicari,kemudian dilumurkan bahan itu di sekeliling tempat sakit.

*"Cuma ubat lumur,kesannya terasa di tepi kulit sahaja;* " kata beliau.

Orang ramai bertali arus pagi dan petang,tidak berputus-putus datang menziarahi beliau.

*Daun ubi kayu* sudah lemah-lunglai,kuyu dan agak menggulung layu sebab dibuat pengibas pengurang panas dan sakit.

Ubat dialih,petua dicuba;tetapi semakin dialih dan dicuba,semakin bertambah sakit dan merajalela.

Patah Jentang tadi telah pula merombak ketul-ketul daging dan urat. Dikatakan orang,"ulat" pun telah menjadi.

*"Tuk Guru! Biarlah hamba membuang ulat di kaki ini!"*

"Biarlah. Ulat inipun suatu penghidupan (makhluk) semacam kita juga;dia juga mahu makan seperti kita makan!" Ujar beliau dengan tenang.

Ya,ya juga, aneh! Orang yang menaruh kasihan kepada sesama makhluk. Orang Sufi!

***Tuk Kenali berubat;tidak menyerah membuta tuli:***

Tidaklah benar berita yang mengatakan bahawa oleh sebab Tuk Kenali seorang **Wali Allah** ,maka beliau

tidak hendak berubat menurut cara yang dibenarkan Syara' ;cukup dengan penyerahan diri dan tawakkal yang sepenuhnya kepada Allah Yang Maha Kuasa tanpa berubat dan berusaha.

Penyakit Patah Jentang berulat yang dihidapi Tuk Kenali,sebenarnya bukan khayalan lagi;sebab ulat yang bertapa dalam gua kudisnya,berkepala hitam berekor kuning ,nyata sekali dapat dilihat dengan mudah.

Ayahanda penulis yang menjadi murid yang rapat dengan Tuk Kenali (bisannya,kemudiannya) menceritakan beliau telah membenarkan orang yang hendak mengubati kudis berulat itu dengan menggunakan minyak gas yang dicampur dengan daun tembakau,di mana daun itu diupar-upar dengan minyak dan diperah,kemudian dititikkan ke dalam lubang ulat menjadikan ulat menggelepar sakit lalu terusir keluar dari tempat operasinya;hasilnya terdapat 16 ekor yang keluar mencari perlindungan;dan cerita ini pernah disibarkan dalam sebuah akhbar di kala itu.

Sebelum beliau tenat dengan penyakitnya ini;terkadang beliau boleh pula berjalan.Bila beliau pulang dari Kota Bharu dengan berjalan kaki,biasanya beliau lebih dahulu berhenti di pondok yang kemudiannya terkenal dengan "Pondok Kubur Tuk Kenali,di mana berdekatan masjid pondok ini (hampir di tepi rumah penulis) terdapat sebuah gerai besar;maka di sinilah Tuk Kenali berbaring rehat ,sementara kakinya dapat melangkah pulang ke rumahnya di Pondok Kenali sekarang.

Semasa tidur di atas gerai itu kaki beliau terjuntai ke bawah;tiba-tiba datanglah beberapa ekor ayam mendekatinya lalu ternampak ulat-ulat dalam lubang kudis beliau; menyebabkan ayam-ayam ini mematuk kepala ulat-

ulat itu,dan terkenalah patukan itu ke pinggir-pinggir lubang menyebabkan kaki beliau pecah berdarah.

*"Ah! Ayam-ayam ini makan kekasihku; terasa sakit juga sentuhan-sentuhan padaku. Akan tetapi kita ini si hamba (hamba Allah),penawarnya ialah bersabar dan bersyukur;sebab ni`mat-ni`mat Allah itu terlalu amat banyak! Budi Allah tidaklah akan terbayar."*

***Menjalani Hidup Di Alam Arwaah:***

Sesudah dua bulan beliau dalam kesakitan tenat dan membimbangkan; hukum (ketetapan) Tuhan pun telah sampai,dan ajal pun sudah tiba; tidak dapat ditarik-tarik lagi.

Di tengah-tengah kaum-keluarga dan murid-murid beliau yang penuh-sesak di sekeliling beliau......, beliau menghembuskan nafas terakhir,melepaskan suara penghabisan kerana meninggalkan alam yang fana' dan kecil ini menuju ke Alam Barzakh yang lebar meluas,alam perhentian sebelum manusia dibangkitkan.

Di kala itu jam dinding memukul sekali,agak perlahan dan kelihatan jarum pendek menujuk ke depan angka 7, hari Ahad,2 Sya`baan, 1352 dari Hijrah Nabi Muhammad s.a.w. bertepatan 19 November,1933,dalam usia 65 tahun.

*"Kembali ke Daar Al-Baqaa' (Negara Kekal) 1352 yang meredupkan alam Kelantan dengan dukacita. Fa* إنا لله وإنا إليه راجعون." (**PENGASUH**: Bilangan 433 - 1352 H.)

# 35.SUASANA DI HARI KEMATIAN TUK KENALI

***Suasana Di Hari Kematian:***

*"Hari wafatnya dilawati oleh tidak kurang daripada 2,500 orang dan disembahyang(kan) jenazahnya (oleh) lebih daripada 1,000 orang khaalis (yang ikhlash) li wajhillaahi Ta`aala (kepada Allah)."*

**[PENGASUH: 24 Sya`baan 1352(1933)]**

Bulan November,di Pantai Timur sebagai yang kita ma`lum adalah terletak dalam musim Tengkujuh (Bah). Pada masa itu,Jalan Wakaf Setan (kini: Jalan Tuk Kenali) belum bertar;bahkan butir-butir pasir pun belum lagi kelihatan. Jalan masih tanah,berdebu;dan bila hujan,segera lecah dan lecak.

Hujan tidak berhenti-henti bagi mencurahkan rahmat rahimNya ke atas orang yang ditangisi,bukan diratapi.

Dari pondok ke muka jalan,jalannya tidak dapat ditujui;semuanya lecah berselut. Kalau kubur orang lain :penggali,cangkul dan penyuduk tanah bermandi hujan,dan tanah kubur telah berair,sukar digali dan sukar pula dilambungkan ke atas;tetapi dalam kubur Tuk Kenali,tiada berair;malah kering kertah..

Asap kemenyan telah bertibaran di ruang-ruang rumah. Tangis dan sedan-sedu masih lagi kedengaran. Air mata membanjiri pinggir-pinggir pipi melimpah turun;manakala mayat Tuan Guru telah pun dimandi dan dikapankan.

***Kudis Patah Jentang Mengharum Semerbak:***

Sepanjang Tuk Kenali mengidap sakit berkudis ini,tiada suatu berita pun kedengaran mengatakan Tuk Kenali mengeluh sakit atau mengeluh tentang bau busuk kudisnya itu;tidak sekali-kali. Tentang baunya juga tidak pula dikatakan amat busuk.

Apa yang berlaku,di kala kematian beliau,kudis itu menyerbakkan bau yang harum luar biasa.

*"Weh! Mari cium kaki ayah ini,harum-mewangi!";* kata Hjh.Ruqayyah,isteri Tuk Kenali kepada anakandanya `Abdullah Zawaawi.

Anak bongsunya ini datang lalu mencium kaki ayahnya,yang disayangi.

*"Ya! Harum mewangi!!"* (Sedang kaki orang lain membusuk bila berkudis memburuk,sekalipun sudah meninggal). Kata Abdullah Zawaawi.

Ya, harum sebab ikhlash;dan beliau adalah seorang **Wali Allah.**

***Tuk Kenali Dikebumikan:***

Kubur pun telah siap. Umat Islam telah meningkat ribuan orang sedang menanti di sekeliling masjid dan rumah Tuan Guru.

Suasana sedih menjelema menyelubungi Serambi Makkah;sebab bintang yang telah banyak memberi panduan cahaya dengan sinarnya telah gugur sebiji;sekali pun ada lagi bintang-bintang lain di langit nan biru! Adakah penggantinya? Patah tumbuh hilang

berganti;tetapi yang datang mungkin tidak setokoh yang pergi.

Di tengah-tengah suasana yang sepi ,pilu,berduyun-duyun manusia yang berwajah sebam ,hampir semuanya berkupiah puteh,berserban dan bersongkok telah memasuki shaf untuk bersembahyang jenazah Tuk Kenali.Mereka kelihatan penuh khusyu` dan insaf: *setiap jiwa akan merasai mati ;hari ini dia,dan esok pula kita. Hari ini orang menyambut kelahiran bayi;dan esoknya pula orang membawa mayat pergi... Begitulah Sunnatullah di alam ini. Semua makhluk akan kembali kepadaNya.*

Bershaf-shaf orang mengangkat takbir,susul-menyusul. `alim-`ulamaa`,guru-guru dan murid serta orang kampung tua-muda datang bersembahyang tanpa meminta upah dan habuan,demi untuk kebahagiaan ruh Tuan Guru buat selama-lamanya. Orang-orang besar dan berpangkat dari ibukota,tidak pula ketinggalan.

Mereka tidak menghiraukan hujan lebat dan jalan lecah,sama-sama menjulang jenazah dengan hujung-hujung jari mereka menuju ke kubur yang sekarang terkenal dengan "Kubur Tuk Kenali" terletak di pinggir *Perpustakaan Al-Qari* di tengah-tengah pertemuan dua lorong di mana kini terkenal dengan *Lorong Kubur Tuk Kenali,* kira-kira 5 kilometer dari Kota Bharu,di rusuk jalan ke Pasir Puteh (sebelah kiri) dan di rusuk jalan ke Wakaf Setan (Jalan Tuk Kenali,di sebelah kanan). Sekalipun hujan lebat mencurah-curah;tetapi dalam kubur kering-kertah. Tuk Kenali selamat dimakamkan kira-kira pada pukul 2.00 petang.

Dua hari berselang,kelihatan pula Ke Bawah Duli As-Sultan Ismail berangkat mencemar duli menziarahi kubur Tuk Kenali;kerana pada hari kematian itu baginda tidak sempat hendak berangkat;sebab hujan yang mencurah-curah lebat.

***Keguguran Dua Bintang Lagi:***

Kilatan Kelantan bertambah sebam dengan ikutnya berpulang dua orang `ulamaa' yang hidupnya semasa dengan Tuk Kenali;dan kemudiannya ikut berpulang,iaitu:

1. Tuan Guru **Hj.Wan Musa Kemboja,** Kota Bharu;meninggal tahun 1353 H.

2. Tuan Guru **Hj.Nik `Abdullah,** Kota Bharu;meninggal tahun 1354 H.; beliau seorang murid Tuk Kenali yang mahir dalam bidang Hadith lulusan di India.

***Turut Perginya Isteri Tuk Kenali:***

Setahun demi setahun masa berlalu. 32 tahun menjelang,isteri Tuk Kenali,**Hjh.Ruqayyah** pula meninggal,menghembuskan nafas di Tanah Suci,Makkah,pada 26 Muharram 1384 H.(1964 M.) setelah beliau kematian sebelah tubuh,bermula pada 15 Jumaad Al-Akhir,1382 H.

Beliau dimaqamkan di Perkuburan Ma`la, sebuah perkuburan di mana terdapatnya **Siti Khadijah Bt. Khuwailid** ,isteri pertama Rasulullah s.a.w.,sebuah perkuburan berkat di Kota Suci Makkah Al-Mukarramah.

Sebagaimana juga para Nabi dan Rasul diwafatkan Tuhan,maka begitu jugalah para `alim-`ulamaa' pewaris para Nabi turut mengikut hukum yang sama.

Sebenarnya kematian itu bukanlah sebenar-benarnya mati;sebab yang mati itu cuma tubuh-badan,bila ditinggalkan ruh;sedangkan ruh tidaklah mati,malah kekal abadi sehingga berada dalam Neraka yang penuh dengan segala kehancuran (seksaan ) sekalipun.

*Dari desa pergi ke kota,*
*Mencari sahabat nan berbudi;*
*Kematiannya tanpa mewarisi harta,*
*Tapi meninggalkan ilmu dan bakti!*



**Kubur Tuk Kenali Selalu Didatangi**
**agar ingatan ke Akhirat selalu dikenangi**
(kubur beliau bernisan bulat besar)

Suatu aktiviti *menziarahi* kubur menjadi suatu latihan keagamaan dalam suatu sitem pondok di Kelantan,khasnya di Pondok Madrasah Al-Ahmadiyyah Bunut Payung,Kota Bharu,pada suatu masa yang silam.

Sebelum tahun 1950an dan sesudahnya,didapati Tuan guru **Hj.`Abdullah Tahir B.Hj.Ahmad**, Tuan Guru di pondok tersebut,seorang bekas murid Tuk Kenali yang terkemuka,menjadikan setiap kedatangan bulan Ramadhaan ,pondok bercuti,maka beliau kerap membawa murid-murid beliau yang tidak pulang ke kampung,pergi menziarahi kubur Tuk Kenali,secara beramai-ramai serta memberi ma`lumat dan ilmu berhubung dengan menziarahi kubur: larangan dan ada-adab menziarah.

Ketahuilah antara kubur para Nabi,hanya kubur Nabi Muhammad s.a.w. sahaja yang didapati shah tempatnya,lagi disepakati para `ulamaa'. Kubur para Nabi yang lain hanya diagakkan sahaja;dan banyak pula perbezaan pendapat mengenainya.

Rasulullah s.a.w. menyunatkan menziarahi kubur;tetapi tidak pula menggalakkan umatnya keluar bermusafir kerana menziarahi kubur para Nabi;termasuk kubur beliau sendiri. Hadith beliau cuma menggalakkan keluar kerana menziarahi serta beribadat ke tiga buah *masjid* sahaja;iaitu Masjid Al-Haraam,Makkah;Masjid An-Nabawiy di Madinah dan Masjid Bait Al-Maqdis di Jerusalem.

Semasa memasuki atau melalui kubur orang Islam,kita disunatkan mengucapkan salam kepada ahli kubur, sama ada kita kenal atau tidak;juga dibolehkan

berdo`a secara singkat sahaja,sekadar bacaan seperti dalam sembahyang Jenazah.

Rasulullah s.a.w. melarang orang Islam duduk di atas dada kubur;apalagi duduk secara berlamaan (lebih-lebih lagi *tunggu kubur* ) .Ada `ulamaa' yang mengharamkan duduk di atas dada kubur atau melangkah kubur yang mayatnya belum hancur;mankala terhadap yang sudah hancur juga adalah terlarang (Makruh).

Di samping itu terlarang bersembahyang dengan mengadap ke kubur (dalam jarak dekat);kecuali dia terlindung dengan dinding yang menyekatnya,seperti keadaan Maqam Rasulullah s.a.w. Maqam itu terletak di luar Masjid Nabi (asalnya dalam bilik `Aa'isyah).



**Perkuburan Ma`la ,Makkah Al-Mukarramah di mana terdapat kubur Hjh.Ruqayyah,isteri Tuk Kenali dan nenekanda penulis Hjh.Siti Bt.Awang**

Seorang penziarah Kubur Tuk Kenali,namanya *Wak Hasan*,didapati menziarahi kubur dengan mencukupi berada di luar pagar kubur sahaja.Bila ditanya,dia menjawab:"Cukuplah,dengan *beristighfar* di luar pagar..Kalau masuk rapat pun kita dilarang meminta sesuatu pada Tuk Kenali;sebab dia sudah pun mati."

Sambungnya lagi:"Akan tetapi kalau dia masih hidup,kita boleh belajar dan meminta sesuatu yang dia boleh dalam kesanggupan manusia. *Janganlah kita meminta sesuatu pada tuan kubur;sebab Allah S.W.T. tidaklah merestuinya. Seseorang yang telah mati yang berada di Alam Barzakh ,tiadalah lagi boleh menulung orang yang hidup,sekalipun mereka kalangan para Nabi,Rasul dan Wali*. "

Adalah *syirik* (menduai Allah) meminta sesuatu pada tuan kubur (orang yang telah mati) sebagaimana meminta pada Allah;dan adalah *sesat* meminta agar tuan kubur mendo`akan sesuatu kebaikan pada Allah untuk si peminta;sebab tiadalah contoh demikian daripada Rasulullah s.a.w.

Semasa menziarahi kubur itu elakkan diri dari menyirami kubur dengan air wangian;demikian juga meletakkan kalungan bunga;sebab tiada faedah sedikit pun untuk mayat. Dan tiadalah berfaedah mengambil anak-anak batu atau sebarang pokok atau lain-lain yang ada di kubur untuk sebarang ubat atau kenangan.

Al-Marhum Ke Bawah Duli As-Sultan Ibrahim B.Sultan Muhammad Keempat didapati kerap menziarah kubur Tuk Kenali,terutama sewaktu baginda ingin keluar negeri bagi menghadhiri sesuatu persidangan.

Dan tiadalah sebuah Hadith Shahiih yang menyunatkan membaca Suurah Yaasin atau Ayat-ayat Al-Qur'an untuk orang mati;atau dibacakan di atas kubur.

# 36.CAHAYA-CAHAYA MATA TUK KENALI

Berkat rumahtangga bahagia,Tuk Kenali dikurniakan Allah, empat orang putera,tanpa puteri;semuanya diberi pendidikan Islam;dan mereka menjadi orang 'alim,guru,pendidik,ustadz dan penda'wah. Mereka ialah:

1. **Tuan Guru Hj.Ahmad** (1909 - 1979):

Putera sulung Tuk Kenali yang mendapat pendidikan dan ilmu Agama daripada ayahandanya sendiri;kemudian melanjutkan pelajaran ke Tanah Suci,Makkah. Sesudah kembali ke tanah air,beliau menyambung usaha ayahandanya mengajar di Pondok Kenali;dan juga di beberapa buah masjid dan surau di negeri Kelantan. Beliau terkenal dengan gelaran **"Tuk Bakok"** mengambil sempena tempat kediaman beliau yang terletak di sebelah timur pondok adalah berbakok,iaitu jalan berbatas.

Beliau gemar sekali menyampaikan ajaran dan nasihat di mana-mana sahaja beliau berada;baik di tempat-tempat perkumpulan ramai;demikian juga pada perkumpulan kecil. Pada setiap malam Sabtu,beliau mengajar Agama di masjidnya untuk orang ramai yang datang dari beberapa ceruk di sekitar Kubang Kerian dan kawasan-kawasan luar.

Semasa kanak-kanak,penulis pernah dihantar belajar bahasa Arab dalam sebuah kelas khas di Pondok Kenali di bawah pimpinan Tuan Guru Hj.Ahmad sendiri. Beliau dan Shaahib As-Samaahah **Datuk Mufti Hj.Ismail B.Yusof** pernah membuat akuan kepada

penulis untuk mendapat *Tauliah Mengajar* daripada Majlis Agama Islam Kelantan. Tuk Guru Hj.Ahmad Bakok adalah seorang guru yang pemurah dan suka mengambil hati kanak-kanak. Beliau meninggal dunia pada malam Isnin 19 Mac,1979;dan dikebumikan di tepi kubur ayahandanya dengan nesan bertingkat.

Sebahagian anak beliau berkecempung dalam dunia pendidikan,da`wah dan politik.

Puteri sulungnya ialah **Ustadzah Hjh.Rahmah** (67) pengasas sekolah مدرسة الرحمة الاحمدية للبنات; pada mulanya bertempat di tepi rumahnya di Pondok Kenali,bermula dengan 6 orang murid wanita (1948);kemudian pada tahun 1952 berpindah ke tepi Jalan Tuk Kenali dengan bilangan murid 4 kelas.Beliau adalah seorang guru Agama dan pendidik Islam yang selalu tenang menghadapi perjuangan;dan kerap juga berceramah soal-soal Agama menerusi radio tempatan.

**Doktor Wan Kamil B.Wan Abdullah** ialah cahaya mata Ustadzah Rahmah,kini bertugas di Hospital Universiti Sains Malaysia,Kubang Kerian dalam Jabatan Nuklier. Beliau ialah cucu Tuk Kenali.

Manakala Ustadz **Hj.Ahmad Ridhwan B.Hj.Ahmad** (66);pernah belajar di sebuah universitas di Indonesia dalam bidang Agama;kemudian menjadi pendidik,guru,penda`wah dan imam masjid. Juga beliau pernah mengarang beberapa buah buku untuk panduan masyarakat Islam setempat.

Ustadz **Hj.Lukman B.Hj.Ahmad** (62) pula berpendidikan Sekolah Arab,seorang yang peramah;dan kini menjadi Imaam Masjid Pondok Kenali serta mengawasi *Dewan Tuk Kenali*, di samping mengajar

Agama di masjid tersebut. Beliau sedang berusaha mengumpulkan bahan-bahan peninggalan Tuk Kenali untuk disemadikan dalam muzium yang akan dinamakan "*Muzium Tuk Kenali.*"

Manakala Yang Berhormat **Ustadz Hj.Mawardi B.Hj.Ahmad** (1946-1994) pula seorang cucu Tuk Kenali,B.A.Universiti Al-Azhar,Masir ,adalah seorang guru Agama,pendidik,penda`wah dan ahli politik Islam yang terkenal.Beliau seorang yang berani dan mempunyai hati terbuka.Beliau pernah menjadi *Nadzir Sekolah Arab* di bawah Yayasan Islam Kelantan;menjadi *Pengarah Institusi Madiinatu Al-`Ilmi* (bangunannya Bahagian Rendah menumpang di Pondok Kenali);dan kemudian berkecempong dalam arena politik,di mana beliau menang dalam pilihanraya tahun 1986 dan sekali lagi pada tahun 1990,menjadi ADUN Lundang (termasuk Kenali),Kota Bharu. Beliau berjaya mengumpulkan umat Islam dan penyokong-penyokongnya (ahli PAS) meneruskan pengajarannya di Masjid Pondok Kenali yang diadakan pada setiap malam Sabtu. Penulis pernah juga beberapa kali menggantikan tempat beliau.Sayang,beliau meninggal dunia jam 12.10 tengah hari pada 11 Februari,1994 dalam usia 48 tahun.Manakala adik bongsunya Ustadzah **Hjh.Na`imah Bt.Hj.Ahmad** ,B.A.(Pengajian Islam) UKM berkecempung dalam bidang pendidikan.

**2. Tuan Guru Hj.Muhd.Shaalih** (1911-1984):

Beliau terkenal juga dengan gelaran *Syaikh Shaalih Tuk Kenali,*merupakan cahaya matanya yang paling lama tinggal dan belajar di Kota Suci Makkah,di mana beliau meninggalkan kampung halamannya sejak kira-kira 6 tahun sebelum ayahandanya berpulang.

Sebelum itu,sejak kecil lagi beliau diajarkan membaca Al-Qur'an oleh ibunya sendiri,**Hjh.Ruqayyah,** sebelum lagi berkhitan. Di kala itu juga beliau menghafal Tashrif (Perubahan kata-kata Arab) daripada ayahandanya.

Suatu kegemarannya di masa kecil ialah beliau suka mencari ikan di sawah-sawah,paya dan sungai;dan gemar berkelah di tepi-tepi sungai dengan mengumpulkan kawan-kawan dan berbincang sesuatu masalah.

Di kala umur beliau menjelang 16 tahun (1346 H = 1927 M) beliau naik ke Makkah dengan kapal laut;sesudah 6 tahun berlalu,maka ayahandanya meninggal. Semasa di Tanah Suci itulah beliau mempelajari ilmu Agama daripada guru-guru yang mengajar di Masjid Al-Haram,secara berhalaqah. Tidak ketinggalan Ilmu Al-Hadith dan Ilmu Qira'ah Al-Qur'an.Beliau boleh membaca Al-Qur'an Qira'ah Tujuh;dan pernah menulis buku berkenaan bacaan Naafi` dan `Aashim.

Selain beliau terkenal sebagai seorang guru (Tuk Guru);beliau juga terkenal sebagai seorang pengarang buku-buku Agama dan risalah-risalah yang beraneka jenis;juga penyusun beberapa nasyrah (sibaran) Agama,wirid dan do`a.

Di samping mengajar hal-hal ibadah di Masjid Al-Haram,beliau juga mengajar pada beberapa buah sekolah di sekitar Kota Makkah, akan ilmu Tauhid,Fiqh dan Tajwid Al-Qur'an.

Suatu kegemaran beliau yang agak luar biasa ialah keinginan mengumpulkan umat Islam Melayu di mana-mana sahaja dalam memberi pengajaran,kesedaran dan nasihat Agama;juga mengadakan latihan syarahan. Keinginan ini mendorongkan beliau mendirikan institusi **"Daar Al-Ishlaah"** (1352 H.) di Qathaasyiah,dekat Maulid Nabi,di Kota Suci Makkah,sebagai dewan orang ramai,terutama bagi anak-anak Melayu yang baru menjejak kakinya ke Tanah Suci. Di majlis inilah diadakan syarahan Agama,pengajaran,pembacaan Al-Qur'an dan ibadah.

Manakala di rumahnya di atas bukit di Misfalah didirikan institusi **"Daar Al-Qur'an"** (1372 H.),sebuah dewan atau majlis tempat membaca,menghafal dan membincangkan Qira`ah dan ilmu-ilmu Al-Qur'an.

Beliau sendiri banyak berguru pada guru-guru yang mahir di Tanah Suci. Guru beliau yang terkenal dan terakhir ialah **As-Sayyid `Alwi B.S.`Abbaas Al-Malikiy**,seorang jagoh `ulamaa' terkemuka di Kota Suci pada masa itu.

Tugas beliau yang tetap di Tanah Suci ialah sebagai Guru Al-Qur'an di Madrasah Al-`Aarifiyyah,Makkah. Di samping itu beliau pernah juga menjadi Wakil Syaikh Haji,di Kota Suci.

Sesudah 35 tahun berada di Tanah Suci,beliau terasa rindu untuk melihat perkembangan di tanah air;justeru beliau pulang sambil melawat Malaysia Barat pada tahun 1962 M. (1382 H.).,di mana sesudah tidak berapa hari berada di Kenali,beliau dengan sebuah motokar berlima orang keluar melawat sambil berda`wah ke seluruh daerah Malaysia Barat, selama dua bulan;

sambil menziarahi beberapa orang sahabat-handai dan menziarahi sebahagian murid ayahandanya,Tuk Kenali. Sesudah itu beliau kembali dan berada di Kenali kira-kira empat bulan;dan kemudian pulang ke Makkah.

Merenung lawatan yang dibuat beliau,**Datuk Lela Negara** (Tuan Hj.En.Ahmad B.Ismail) dalam bukunya *"Ilmu Al-Huda;"* pernah menulis:

"Sebanyak yang saya ketahui,bahawa belum ada seorang daripada anak-anak negeri ini yang turun dari Makkah atau lainnya,yang telah begitu lama;dan bila sampai sahaja ke kampungnya itu sebagaimana kata orang-orang tua: *"Belum kering peluh di badan dan belum hilang panas punggungnya;"* telah keluar menghamburkan nasihat dan pengajaran-pengajaran keagamaan dengan mulut,dan dengan ditaba` (dicetak) berbagai-bagai risalah nasyrah (helai seruan) **menegur dengan terus-terang** akan kerusakan masyarakat anak-anak Melayu kita yang dipandangnya pada hari ini,pada pihak percampurannya *yang tiada berbatas (pergaulan bebas - dari segi)* pakaian-pakaiannya dan makanan-makanannya;apatah lagi di tentang tuntutan **pelajaran** dan tuntutan-tuntutan pada pihak keagamaan itu yang hampir-hampir lesu,kaku dan malap sama sekali."

Kira-kira empat tahun sesudah itu (1966) beliau dengan satu rombongan dari Makkah telah keluar melawat ke tempat-tempat bersejarah dalam Agama Allah;juga menyaksikan Kebesaran Allah dalam menciptakan alam ini serta keindahannya;beliau melawat ke kota Qahirah,Masir; kota Dimasyq (Damascus),Syria; `Iraaq dan Riyaadh,ibukota Kerajaan `Arab Sa`udi.

Lawatan beliau ke tanah air kali terakhir ialah pada tahun 1982. Beliau tiba di Lapangan Terbang Subang pada 27 Disember,1982 dengan membawa balik sebuah kitab terjemahan *Hikam Ibni `Ataa'illaah.* Selain beliau berkunjung ke beberapa buah negeri di Malaysia Barat serta berceramah;beliau tidak ketinggalan mengajarkan kitab tersebut di masjid ayahandanya,di mana ratusan orang datang mempelajarinya. Tidak berapa lama berada di Malaysia,beliau pun pulang semula ke Makkah.

Suatu sifat beliau yang menarik perhatian kita,ialah kegemarannya **menulis**,menyusun dan membuat risalah-risalah dan buku-buku pengetahuan keagamaan. Pada setiap tahun tidak kurang dari dua atau tiga buah kitab-kitab susunannya yang dikirim ke tanah air untuk dicetak dan disibarkan. Di kala jemaah-jemaah Haji wuquf di `Arafah, kerap kelihatan beliau dengan sebuah buku kecil menulis di tepi-tepi khemah dan batu-batu besar di Jabal Rahmah;begitu juga di perkhemahan di Mina pada setiap tahun.

Hasil-hasil karyanya melebihi 50 buah,besar dan kecil berupa risalah;tidak termasuk nasyrah,antaranya:

1. Terjemah (Tafsir) Jalaalain.
2. Tafsir Al-Faatihah.
3. Ma`na Bismillaah.
4. Nuur (Cahaya) Al-Qur'an.
5. Risalah Fi At-Tajwiid.
6. Najmu At-Taali` (Ilmu Qira'ah Imaam Naafi`)
7. Risaalatain (Dua Risalah Qira'ah `Aashim)
8. Mukhtaar Al-Ayaat (Ayat-Ayat Al-Qur'an Pilihan)

9. Perjuangan Rasulullah s.a.w.
10.Siirah (Perjalanan hidup) Rasulullah s.a.w.
11.Keterangan Siirah Rasulullah s.a.w.
12.Maulid (Kelahiran Nabi Muhammad s.a.w.)
13.Tadzkirah (Peringatan) Maulid
14.Masjid Arqam
15.Isra' Dan Mi`raaj (Nabi s.a.w.)
16.Matahari Di Makkah
17.Risalah Islam dan Ruh Agama Islam
18.Risalah Agama Dan Bangsa
19.Islam Dan Kemajuan (suntingan penulis)
20.Risalah Al-Islam (Di Sekitar Islam)
21.Mahaasin Al-Islaam (Keelokan Islam)
22.Ad-Diin Wa As-Siyaasah (*Agama Dan Politik*)
23.Ad-Dun-ya Wa Al-Aakhirat (*Dunia Dan Akhirat)*
24.Khulaashah (Ringkasan) Ilmu Faraa'idh (Pembahagian Pusaka)
25.Pertunjukan (Panduan) Ke Makkah.
26.Ash-Shaahib Ila Al-Balad Al-Amiin (Panduan Ke Makkah)
27.Keterangan Makkah Al-Mukarramah –Al-Madiinah Al-Munawwarah
28.Keterangan Haji
29.Haji Dan Kelebihan `Arafah,Mina Dan Muzdalifah
30.Amalan `Arafah
31.Do`a Mina
32.Hikmat Haji
33.Ziarah Madinah
34.Kaifiyat Ziarah Madinah Al-Munawwarah
35.Pandangan Jauh
36.Fadhl Ar-Rihlah (Keutamaan Mengembara)

37.Ar-Rihlah Fi Ni`matillaah (Pengembaraan Dalam Ni`mat Allah)
38.Keselamatan Kaum Ibu (Hadith sekitar wanita;disalin oleh Puan **Hjh.`Aa'isyah Bt.Hj.Salleh**,isteri beliau,saudara penulis )
39. Kebun Persekutuan
40.Nasyid `Arab
41.Idangan Do`a Dan Beberapa Pengetahuan
42.Perhimpunan Do`a
43.Bacaan Ahli Syurga
44.Idangan (Rampaian Wirid Dan Do`a)
45.Siyaad Al-Auraad (Wirid-wirid Utama)
46.Kanz An-Najaah (Gedung Kejayaan)
47.Kitaab Ash-Shiyaam (Kitab Puasa)
48.Al-Amthaal Dan Shilah Ar-Rahiim (Beberapa Perbandingan Dan Hubungan Kekeluargaan)
49.Al-Mashaabiih (Pelita-pelita)
50.Kifaayah Ad-Daarain (Bekalan Mencukupi Untuk Dua Negeri:Dunia-Akhirat)
51.Al-Fikrah Wa Al-Hikmah (Buah Fikiran Dan Hikmat)
52.Al-`Ula Li Ahli An-Nuha (Ketinggian Bagi Ahli Pemikir)
53.Tadzkirah Al-Ahkaam (Peringatan Segala Hukum)
54.Tariiqah Al-Ishlaahiyyah (Jalan Kebaikan)
55.Tarikh Daar Al-Ishlaah Dan Bentuk-bentuk Kemerdekaan.
56. Ar-Rafiiq Al-Wathiiq (Teman Yang Dipercayai)
57. Tadzkirah Lima Ya'ti (Peringatan Masa Depan)
58. Tadzkirah Liman Lahu `Umru Al-Arba`iin (Peringatan Bagi Orang Berumur 40 tahun)

Penulis telah menggubah semula buku ini dan menamakan "*Insafi Diri Menjelang Umur 40 Tahun.*"

59. Al-Malja' Min Asyaddi Al-Balaa' (Benteng Menghadapi Bala Besar)
60. 21 Pati Syarahan
61. Al-Insaaniyyah (Kemanusiaan)
62. Al-Malja' Li Ahli Al-Iimaan (Kota Para Mu'min)
63. Nuur Al-Quluub (Cahaya Segala Hati)
64. Ahaqq Al-Huquuq (Sebenar-benar Hak Kewajipan)
65. Al-Ushuul Fi Al-Wushuul (Punca-punca Penerimaan)
66. Nuur Al-Amaani (Pencapai Cita-cita)
67. Terjemah *Hikam Ibni 'Ataa'illaah*. Kitab ini ;juga kitab "Islam Dan Kemajuan" telah disemak dan disunting bahasanya oleh penulis,sebelum lagi dicetak dan disebarkan.

Buku-buku susunan beliau ini pada mulanya ditulis beliau dengan tulisan tangan yang kerap susah dibaca oleh orang-orang yang tidak biasa mengenali bentuknya.

Bahasa Melayunya bercampur antara uslub atau susuk Arab dengan loghat daerah Kelantan;manakala susunan ayatnya pendek-pendek,memerlukan tambahan dan penjelasan;sementara ejaan Jawinya tidaklah sistematik dan tidak pula menurut kelaziman (ejaan kaedah Za'ba). Walaupun begitu,sumbangannya berfaedah.

Suatu sifat beliau warisan Tuk Kenali ialah beliau suka berdikari,selagi dapat diusahakan sendiri. Beliau juga terkenal pandai memasak dan menggulai bagaimana Al-Marhum ayahandanya .

Syaikh Shaalih Kenali terkenal sebagai seorang yang wara` dan gemar beribadah,siang dan malamnya.Beliau sangat kuat memegangi Agama;beliau tidaklah memandang tepat kepada wanita-wanita yang boleh dikahwini. Beliau dengan tegas **mengharamkan merokok** sehingga tiada siapa pun antara murid beliau yang berani menghisap **dadah** yang benar-benar berbahaya ini di hadapannya. Kerana wara`nya,beliau banyak memohon pada Allah,selalu bersembahyang hajat di mana antara permohonannya yang selalu dipanjatkan kepada Allah berbunyi:

*"Wahai Allah,lanjutkanlah umur hamba;dan apabila mati,matikanlah hamba di **Tanah Suci** di hari **Jumu`at,** di bulan **Ramadhaan** dalam keadaan **bersujud kepada Engkau**.Amin ya Rabbal-`aalamiin!"*

Pada pagi Jumu`at 23 Ramadhaan,1404 H.(1984) penulis menerima telifon daripada putera sulungnya,**Muhammad Kaamil**,berbunyi: *"Pak Ngah,baba (ayah) telah pulang ke rahmatullaah di waktu sedang bersujud sembahyang fardhu Subuh. Sila beritahu kepada semua keluarga. Wassalam...."*

Beliau meninggal dunia dalam usia 73 tahun dengan meninggalkan 12 orang cahaya mata;sebahagian mereka berkecempung dalam bidang pendidikan, sesudah memperoleh ijazah-ijazah daripada universiti-universiti di Makkah,iaitu *Ustadz Muhammad Kaamil,Ustadzah Halimah* dan *Ustadzah Amaal*. Manakala *`Abdullah* ,sesudah memperoleh ijazah dari Universiti Teknologi Judah,bertugas menjadi jurutera enjin pesawat terbang di Lapangan Terbang King `Ab.`Aziz,Judah. Manakala anak perempuannya yang sulung (daripada isteri yang lain), *Ustadzah Maryam,* menjadi guru Al-Qur'an di Makkah.

**3. Tuan Hj.Mahmud** (Lahir 1913):

Pendidikan dan ilmu beliau adalah berlebih kurang dengan abang sulungnya.Tuan Guru Hj.Ahmad Bakok.

Semasa beliau berada di tanah air,beliau kerap berkhutbah di Masjid Shaalihiy,Kubang Kerian,memberi nasihat,pengajaran-pengajaran dan pandangan yang agak luas di samping beliau memain peranan di dalam perniagaan sendiri.

Kini beliau dan keluarga tinggal di Makkah;dan pernah menjadi Wakil Syaikh Haji di musim-musim Haji.

Sesudah beliau,penulis sendiri menjadi Khatib Sambilan di Masjid Shaalihiy, dari tahun 1953 (sewaktu berusia 17 tahun) sehinggalah ke tahun 1974 (juga minggu terakhir sebelum beralih ke masjid baru,Masjid As-Sultan Ismail Petra).

Tuan **Hj.Wan `Abdullah** dan Tuan **Hj.W.Muhd.Syukri** adalah antara beberapa orang anak Melayu yang berjaya memasuki *Kulliyyah Al-Harbiy* (Kuliah Tentera),Kerajaan Republik Arab Bersatu,di kota Qahirah,Masir. Tuan Hj.W.`Abdullah pernah menjawat jawatan Penyelia Agama Kerajaan Kelantan dan guru Halaqah.

Manakala Tuan **Hj.Shaalih B.Hj.Mahmud** (58) pula adalah lulusan B.A. Universiti Al-Azhar,Masir;beliaulah imaam pertama yang sama jadi dengan Masjid As-Sultan Ismail Petra,Kubang Kerian,bertugas dari tahun 1992 sehingga 1999 merupakan imaam yang paling berani dan lantang suaranya menyeru ummah menegakkan negara Islam dan membasmi *bid`ah.* Kini beliau menjadi mudir Madrasah Madiinatul-ilmi,bertempat di Kandis,Bacok.

**4. Ustadz Hj.`Abdullah Zawaawi** (Lahir 1926):

Beliau ialah anak bongsu Al-Marhum yang lebih banyak mendekati masyarakat daripada segenap lapisan di Malaysia pada suatu masa yang silam;beliau terkenal sebagai seorang pembaca Al-Qur'an (qari') yang handal;juga ahli lagu dan qashidah.

`Abdullah Zawaawi mula belajar di Tanah Suci Makkah sebelum tahun 1949 lagi,di mana beliau dikatakan amat giat sekali belajar. Pada tahun 1949 beliau pulang ke tanah air dan membuat lawatan ke beberapa buah negeri di Malaysia Barat.

Dek cita-cita beliau yang tinggi dan ke`azaman yang kuat,sekalipun beliau mempunyai tanggungjawab yang berat terhadap rumahtangga,maka pada tahun 1374 H.(1954 M.),beliau telah lulus dalam Kulliyyah Ma`had Al-Ilmiy,salah sebuah Sekolah Menengah Tinggi Kerajaan Sa`udi. Sesudah itu beliau berjaya pula memasuki **"Kuliyyah Asy-Syari`ah"** (Fakulti Syari`ah) Kerajaan Arab Sa`uudi.selama 4 tahun dan lulus pada tahun 1381 H.(1961 M.). Universiti *Ummu Al-Qura* baru diadakan kemudian.

Beliau berkhidmat dengan Kerajaan Arab Sa`uudi sebagai pegawai Pendidikan;dan pernah menjadi pengetua bagi beberapa buah Sekolah Menengah Arab di Arab Sa`uudi,Negeria dan lain-lain.

Di samping itu beliau terkenal pula sebagai pembaca Al-Qur'an di Radio Sa`uudi dan di majlis-majlis keagamaan.Suaranya bergema,enak dan menarik.

Beliau mempunyai dua orang isteri dan ramai anak.Antaranya **Ustadz Ghaazi,** lulusan univesiti di Makkah;pernah menjadi pengetua Sekolah Menengah di Sa`uudi;dan **Ustadzah Ghaaziyah** mengajar di Makkah.



**Tuan Guru Hj.Ahmad Tuk Kenali (Tuk Bakok)**
**Mementingkan hidup sederhana (berterompah)**



Syaikh Muhammad Shaalih Tuk Kenali
yang selalu hidup insaf dan sederhana

## Suatu Berita Utusan Melayu:

سوات بريتا اخبار اوتوسن ملايو ( 82 . 12 . 28 ) بربوڽي :

# شيخ كنالي
# فولڠ كتانهأير

كوالا لمفور 28 دسيمبر – سنورڠ علماء يڠ تركنل دري كلنتن شيخ محمد صالح كنالي تله كمبالي كتانهاير سمالم دري كوت سوچي مكه.

شيخ كنالي اكن براد دكلنتن هڠݢ بولن شعبان سبلوم كمبالي سمولا كمکه بليو اداله ساله سنورڠ ݢورو اݢام دمکه.

بليو ممباوا فولڠ سبواه بوكو ترجماهن يڠ برجودول ''ممهامي جالن منوجو الله''. بوكو ترسبوة دترجمهكن دري كتاب عرب يڠ برجودول حكم ابن عـطاءالله.




**Pengarang bersama Tuan Hj.Mahmud Tuk Kenali (di tengah) dan anaknya Hj.W.`Abdullah**



**Ustadz Hj.`Abdullah Zawaawi**
Anak bongsu Tuk Kenali,
Berbeza dengan yang lain,mengikuti Pendidikan Sekolah
Berbeza lagi : mempunyai dua orang isteri:
**Puan Hjh.Nafisah Bt.Hj.Daud** (keluarga penulis)
Dan Puan **Hjh. Kalthum** dari Tasik Pauh,Selising
Berbeza lagi: mempunyai anak yang ramai
(pembantu hidup dunia dan Akhirat)
Istimewa lagi: menyambung pelajaran Qira'ah Al-Qur'an
(Qira'ah Tujuh dan Qira'ah Sepuluh) di Masir,
Sehingga dikejutkan dengan penyakit Lumpuh sebab menua
Di rumahnya di Qahirah;
Kini berehat sambil berubat di rumahnya di Makkah.
Semoga Allah segera menyembuhkan sakitnya
Agar dapat lagi menyambung ilmu dan `amal!!



**Gambar Tuk Kenali dan Keluarga** (1927 M.)
**Dari belakang (kanan gambar):** adik Mahmud (memegang kitab),**Tuk Kenali**, adik Khadijah (Kek Jah - keluarga);
**Di hadapan:** Hj. Ahmad (bertongkat), Cik Maryam (isterinya),adik `Abdullah Zawaawi,**Hjh.Ruqayyah** (isteri Tuk Kenali) dan adik Muhammad Shaalih.
Mungkin gambar ini diambil sebelum adik Muhd.Shaalih berangkat ke Makkah,kerana menyambung pelajaran Agama.

# 37. MURID-MURID TUK KENALI YANG CEMERLANG

Sebenarnya murid-murid Tuk Kenali adalah sangat ramai;sebab Pondok Kenali semasa itu adalah sebagai Pusat Pendidikan Pondok bagi Nusantara ini.Di samping yang belajar secara resmi,ada pula tokoh-tokoh tertentu mengakui menerima sesuatu ilmu daripada Tuk Kenali;seperti **Pahlawan Mat Kelantan** (berusia 152 tahun,di mana dia juga mengakui menjadi murid kepada penulis dan sebaliknya) disebabkan beliau menerima *ilmu Risek* daripada Tuk Kenali;juga Istighfar para Wali;demikian juga **Datuk Lela Negara** (Tuan Hj.En.Ahmad B.Ismail,tokoh penulis) mengakui menerima ilmu daripada Tuk Kenali;dan lain-lain lagi.

Sewaktu Tuk Kenali meninggal dunia,1933 M. jumlah murid yang sedang belajar di Pondok Kenali,tidak termasuk bilangan yang belajar di Masjid Besar Al-Muhammadi,dahulu,adalah dianggarkan 400 orang (tidak termasuk yang tamat pengajian lalu pulang membuka pondok atau balik ke kampung).

Menurut temu-bual antara penulis dengan **Faqiih `Abdullah** (Tuan Guru Hj.`Ab.Hayy,dari Sumatra),di Jabi,Besut,Trengganu;keramaian murid Tuk Kenali semasa itu menurut negeri-negeri di Semenanjung dan di luarnya adalah sebagai berikut:

1. Kelantan : paling ramai (100 orang –P).
2. Trengganu : 20 orang.
3. Pahang: 15 orang.
4. Johor: 20 orang.
5. Melaka: 10 orang (P).

6. N.Sembilan: 15 orang (P).
7. Selangor: 10 orang (P).
8. Perak: 15 orang (P).
9. Kedah: 30 orang.
10. Perlis: 5 orang (P).
11. Pulau Pinang: 3 orang (P).

Manakala dari luar Semenanjung pula,ialah:

1. Singapura: 5 orang (P).
2. Sumatra : lebih 100 orang dari berbagai daerah: utara ke selatan.
3. Jawa: 5 orang (P).
4. Kamboja: 30 orang.
5. Siam: 20 orang (P).

Sesudah kita mengikuti perkembangan dan pergerakan murid-murid Tuk Kenali selepas masing-masing mereka menamatkan pengajian di Kenali,ternyatalah mereka mempunyai bintang-bintang yang bersinar dalam masing-masing lapangan dan pekerjaan.

Sebelum itu,pada suatu hari Tuk Kenali menyatakan rasa riang-gembira,senang hati dan bahagianya melihat hasil usahanya telah berjaya menaburkan benih ilmu Agama ke seluruh negeri menerusi tiga orang murid beliau (di peringkat awal) yang dianggapnya terkemuka dewasa itu.

Kerana itu secara simbolik (perlambangan) beliau dikatakan pernah berkata:"*Ada tiga pohon nyior yang aku tanam.*"

Maksudnya ada tiga orang murid *cemerlang* yang mendapat ilmu daripada beliau;dan layak menjadi guru atau dipanggil "**Tuk Guru.**"

Sesudah berkata itu,beliau lalu membilang:

"**Pohon Pertama:** Nyior Ilmu Sharaf,iaitulah Tuan Guru **Hj.`Ali Shalaahuddin,**Pulau Pisang,Kota Bharu,di mana dia digelarkan *"Tuk Syibawaih"* (Tokoh Nahu Arab yang terkenal).

Semasa hidupnya Tuk Kenali pernah berkata:"Siapa yang hendak belajar Ilmu Nahu Arab,hendaklah pergi belajar dengan *Mat `Ali."*

"**Pohon Kedua:** Nyior Ilmu Fiqh Islam,iaitu **Lebai Ahmad (Mat Tokba),**seorang `alim dalam banyak ilmu: Fiqh Islam,Tauhid,Bahasa Arab dan lain-lain. Beliau ialah bapa kepada Lebai Hj.Hasan Binjai (guru penulis yang mengajar kitab Hadith Sunan Ibnu Maajah,dll.).

"**Pohon Ketiga:** Nyior Serba Ilmu,iaitu Tuan Guru **Hj.Muhammad B.Hj.Yusof** (meninggal 16 Ramadhaan 1391 H.),anak tempatan Kenali yang dilahirkan tanpa kedua belah tangan;tetapi kemudiannya cekap menulis dengan mulut dan makan bersudu dengan menggunakan kaki.

Semasa kecilnya dia disayangi ramai;dan pernah didukung oleh Tuk Kenal dan murid-murid beliau bergilir-gilir.

Sesudah agak lama belajar pada Tuk Kenali,maka beliau berkata: *"Engkau wahai Muhammad,bolehlah mula mengajar!"* Inilah sebagai suatu ijazah guru yang paling bernilai melebihi daripada semata-mata sijil.

Kira-kira pada tahun 1946 beliau pergi membuka pondok di Beris Pancur,Tawang. Beliau terkenal dengan gelaran **"Tuan Guru Hj.Muhammad Tubuh"** (beliau adalah keluarga penulis).

Sesudah berlalu peringkat awal,sebenarnya ramai lagi murid-murid Tuk Kenali yang berbakat dalam berbagai bidang ilmu,seperti:

1. Tuan Guru Hj.Muhd.Nor B.`Abdullah,But;mahir dalam bidang Bahasa Arab.
2. Tuan Guru Hj.Ab.Qadir B.Sulaiman,Melor;juga mahir dalam Bahasa Arab.
3. Tuan Guru Hj.Ismail B.Yusof (yang kemudian menjadi Mufti);mahir ilmu Tauhid (`Aqiidah Islam).
4. Tuan Guru Hj.Ya`qub B.Ismail,Legor,Siam;juga mahir dalam Tauhid.
5. Tuan Guru Hj.`Abdullah Tahir B.Hj.Ahmad,Bunut Payung,adalah mahir dalam Fiqh Islam.
6. Tuan Guru Hj.Amad B.Idris,Pauh;juga mahir dalam Fiqh Islam.
7. Tuan Guru Hj.Ya`qub B.Hj.Ahmad;Lorong Gajah Mati,K.Bharu;adalah mahir dalam Ilmu Tasawwuf.
8. Tuan Guru Hj.Daud B.Hj.`Umar,Bukit Abal;juga mahir dalam Ilmu Tasawwuf.(Akan tetapi Tuk Kenali tidaklah pernah belajar **Tariqat** dan tidak pula mengajarkan Tariqat;apalagi mengamalkannya).

Sebahagian murid Tuk Kenali,sebelum mereka belajar di Pondok Kenali,ada yang telah pun belajar di lain-lain tempat pengajian,di mana mereka telah mempunyai pengetahuan asas atau telah pun mahir dalam bidang-bidang tertentu;manakala sebahagiannya telah pun beristeri dan berusia lanjut.

***Murid Tuk Kenali Yang Menjadi Mufti:***

Tuk Kenali merasa gembira di Alam Barzakh bila mengetahui sebahagian muridnya kemudiannya menjadi Mufti,suatu jawatan tertinggi Agama dalam sesebuah negeri yang bertugas menjaga kesucian Islam dan meletakkan hukum Allah pada tempat dan tarafnya yang wajar. (Orang yang sudah mati,ruhnya akan bertanya ruh orang yang baru mati yang memasuki Alam Barzakh tentang keperihalan orang yang masih hidup).

Antara mereka ialah:

1. *Saahib As-Samaahah* Datuk Hj.Ahmad Mahir B.Hj.Ismail, Mufti Kerajaan Kelantan (1946-1968)
2. *Saahib As-Samaahah* Datuk Mufti Hj.Ismail B.Yusof,Mufti Kerajaan Kelantan (1987-1988 )
3. *Saahib As-Samaahah* Tuan Hj.Hasan B.Abu Bakr,Mufti Melaka.
4. *Saahib As-Samaahah* Tuan Hj.`Ab.Jaliil B.Ismail,Mufti Kerajaan Selangor.
5. *Saahib As-Samaahah* Tuan Dzu Al-Mukhtashar B.Dzu Al-Fudhail, Mufti Jawa Tengah.
6. *Saahib As-Samaahah* Tuan Hj.`Ab.Samad ,Mufti Pontianak;Kalimantan Barat.
7. *Saahib As-Samaahah* Tuan Hj.`Ab.Rahman,Mufti Mempawah;Kalimantan Barat.

***Murid Tuk Kenali Yang Menjadi Qaadhi:***

Manakala yang menjadi Qaadhi (Hakim dalam Syari`ah Islam) ialah:

1. *Saahib Al-Fadhiilah* En.`Ali,Muar,Johor.
2. *Saahib Al-Fadhiilah* En.Hasan B.Hj.Muhammad, Sumatra.

*Murid Tuk Kenali Yang Menjadi Pengarang:*

Media persuratan atau penulisan turut berperanan di samping pengajaran dan da`wah menerusi lisan,sebagai mengambil tugas warisan para Nabi. Kerana itu tanpa terduga,telah lahir agak ramai murid-murid Tuk Kenali yang menggunakan media ini untuk menyampaikan ilmu dan perutusan Syari`at Islam,antaranya ialah:

1. Pujangga **Dr.Asy-Syaikh Muhd.Idris Al-Marbawiy** (1896-1989);beliau ialah Tokoh Pertama Ma`al-Hijrah.
2. **Asy-Syaikh `Uthmaan Jalaaluddin Al-Kilantani** (1867-1952).
3. Tuan Guru **Hj.`Abdullah Tahir B.Hj.Ahmad** (1315-1381).
4. Saahib As-Samaahah **Datuk Mufti Hj.Ismail B.Yusof.**
5. Yang Berhormat **Datuk Hj.Hasan Yunus Al-Azhari,**Menteri Besar,Johor.
6. Tuan Guru **Hj.`Ali Shalaahuddin B.Awang** (1902-1968).
7. Tuan Guru **Hj.As`ad B.Hj.Daud** (1886-1941).
8. Tuan Guru **Hj.Ya`quub B.Hj.Ahmad** (1893-1956).
9. Tuan Guru **Hj.Daud B.Hj.`Umar** (1901-1976),Bukit Abal.
10. Tuan Guru **Hj.Ya`quub B.Ismail,Legor.**
11. Al-Adiib Tuan **Hj.En.Ahmad B.Ismail** (Datuk Lela Negara)
12. Al-Adiib **`Ab.Qaadir Adabi B.Muhammad**
13. Al-Adiib Ustadz **Hj.Harun B.Muhammad Al-Kilantani,** Pulau Pinang.
14. Al-Adiib Kiya'ii **Tuan Hj.`Abdullah B.Nuh,** Indonesia.

15.Saahib As-Samaahah **Datuk Mufti Hj.Ahmad Mahir B.Hj.Ismail.**
18. Tuan Guru **Hj.`Ab.Rahman ,Lubuk Tapah** ,P.Mas.

Bilangan karya mereka akan disebut sesudah nombor mereka,iaitu 1(13) (Al-Marbawiy:13),2(11),3(7),4(6), 5(2),6(3),7(1),8(3),9(3),10(1),11(1),12(1),13(1),14(1), 15(1),16(1). Manakala No.11 terlibat dengan majallah *Al-Hikmah* (bermula 1 Julai 1923) dan No.12 terlibat dengan akhbar "*Putera.*" (bermula 1 Oktober,1929).

Untuk selanjutnya,sila tatapi buku penulis bertajuk "**Kelantan Serambi Makkah Di Zaman Tuk Kenali.**" Di sana banyak didedahkan berita-berita yang terpendam.



مدرسة الرحمة كنالي تجأن استاذة حجة رحمة بنت حاج احمد

# 38. TUK KENALI MEMBUATKAN KELANTAN JADI SERAMBI MAKKAH

Di zaman hayat Tuk Kenali,Kelantan telah dibanjiri ramai penuntut dari luar negeri bagaimana yang telah dipaparkan,sehingga negeri ini terkenal sebagai Serambi Makkah;disebabkan sebahagian pelajar yang datang dari seluruh Nusantara ini adalah pergi pula menyambung pelajaran ke Tanah Suci *Makkah Al-Mukarramah*;dan apabila mereka pulang,maka sebahagiannya membuka pondok atau berkhidmat sehingga lahir tokoh-tokoh `ulamaa',pengarang,ahli politik,guru dan sebagainya.

Semasa beliau masih hidup dan beberapa dekad sesudahnya,tergambar kepada kita seolah-olah Kota Bharu atau Kelantan merupakan sebuah ***kampus universiti*** di mana Pondok Kenali terkenal sebagai Fakulti Bahasa Dan Sastera Arab;juga Fakulti Al-Qur'an;Pondok Bunut Payung,K.Bharu yang dikendalikan muridnya Tuan Guru Hj.`Abdullah Tahir sebagai Fakulti Undang-undang (Fiqh);di Kampung Sireh terdiri Fakulti Hadith oleh **Maulana Tuk Khurasan;**dan seterusnya Masjid Besar Al-Muhammadi,K.Bharu pula sebagai Fakulti Pengajian Islam (Ad-Diraasaat Al-Islaamiyyah).

Guru penulis yang menjadi murid Tuk Kenali, **En.Muhd.Yunus B.Hasan,** Kg.Karam, Binjai,Mentuan; pernah menceritakan bahawa semasa dia belajar di Pondok Bunut Payung,Kota Bharu,selepas Pondok Kenali,beliau mengatakan jadwal belajarnya adalah penuh sejak sebelum Subuh lagi ada guru yang mengajar di tempat lain,

sampailah pengajian selepas Subuh,pagi sampai ke tengah hari;petang,malam dan lewat malam;di mana beliau mengatakan selama 15 tahun beliau kurang tidur kerana mengejar tempat-tempat pengajian di beberapa tempat,menurut jadwal gurunya masing-masing. Beliau ialah guru yang pernah mengajar kitab-kitab Hadith kepada penulis,antaranya Shahih Al-Bukhaari, Sunan Abu Dawud dan Al-Muwattaa' susunan Imaam Maalik (Manakala Sunan At-Turmudzi,maka penulis belajar sendiri menerusi kitab "*Bahr Al-Maadzi*" susunan Al-Marbawiy).

Kalau di abad ke -17 Masehi Aceh terkenal sebagai Serambi Makkah disebabkan dia sebagai tempat laluan ilmu sebelum menyambungnya ke Makkah,maka peranan Aceh dari segi ini diambil pula oleh Kelantan pada abad ke-20 dan seterusnya,di mana dia dimainkan oleh Tuk Kenali dan murid-murid pelapisnya.

***Wang Dinar Kelantan:***

Penemuan Duit Dinar (emas) Kelantan menambah memperkuatkan kenyataan Kelantan sebagai Serambi Makkah , sebagai asasnya.

Kota Kubang Labu (di Pasir Pekan kini) merupakan kota bersejarah di Kelantan,sebagai pusat pemerintahan negeri ini pada suatu masa silam. Berdasarkan sumber lisan,memanglah pada suatu masa dahulu,Kelantan telah menggunakan Duit Dinar sebagai alat tukaran perbelanjaan dalam negeri;melambangkan negeri ini kaya dengan bahan emas,terutama di kawasan-kawasan ulu negeri,di mana nama negeri ini pun diambil

daripada kata *"Kilat-kilatan"* (kilat emas di kawaan hulunya). Kerana itu adalah wajar bila dia disebut dalam bahasa Arab dengan sebutan *"...Al-Kilantani."* Bukan "Al-Kalantani;" atau "Al-Kulantani."

Duit ini pernah pula menjadi barang hadiah atau buah tangan sebagai melambangkan keagungan kerajaan ini,di mana dia pernah dihadiahkan oleh **Datuk Perdana Paduka Raja Kelantan** kepada seorang pegawai Inggeris,semasa dia pulang ke England,pada suatu masa dahulu (1914). (Sila ruju' buku "Geografi Dan Tarikh Negeri Kelantan" susunan En.Mahmud B.Ismail (Datuk Perdana),halaman 15,cetakan tahun 1926).

Al-Hamdulillaah, penulis telah dapat melihat sendiri duit ini dan telah mengkajinya,iaitu duit yang sama di mana dia telah dijumpai oleh Cik `Abdullah B.Cik Muhammad serta isterinya Cik Faatimah Bt.Ya`quub yang tinggal di kampung dalam Kota (Kota Kubang Labu),di mana menurutnya,pada suatu hari sesudah hari hujan,sedang dia mengasuh anak;tiba-tiba dia ternampak dalam pasir di hadapan rumahnya semacam duit bersinar,maka lalu dia menguis-nguiskannya dengan kakinya;tiba-tiba didapati Duit Dinar yang pernah didengarinya daripada orang-orang tua Kelantan.Maka duit inilah dipinjam penulis untuk dibuat suatu kajian;dan telah dimasukkan ke dalam majallah *"Asy-Syu`lah" (Bil.1, tahun 1991 = 1411)* terbitan Yayasan Islam Kelantan di bawah Ketua Pengarang YM Ustadz Lukman B.Ab.Latif.

Sebenarnya Duit Dinar ini banyak bertebaran di negeri ini,dan masih tersimpan dengan amat sayang sebagai mengambil berkat kalimah "**Allah**" yang terdapat di

dalamnya,di mana kini dia masih boleh didapati pada orang-orang tertentu (namanya dirahsiakan) di Kampung Penambang,Kota Bharu,Kampung Dalam Kota (Pasir Pekan),Kedai Lalat,Tualang Rendah Lama,Kandek (Kuala Kerai),Cengal (dekat Ketereh),Kadok dan lain-lain. Di Kampung Cengal,dia diasah sebagai penawar ubat;manakala di Kadok diguna untuk pembuka mulut di hari bercukur dan mengisytiharkan nama bayi.

Sebagai sahabat akrab dengan Datuk Perdana,tentulah Tuk Kenali juga mengetahui tentang Duit Dinar ini;apalagi kandungannya yang mengandungi Kalimah Jalla Jalaaluh (Kebesaran Allah) dan Kelantan. Barangkali duit inilah menurut orang tua-tua dia digunakan untuk mengokok (membersihkan) lidah burung tiong atau burung Gembala Kerbau agar dia dapat bercakap dengan fasih dan licin. Dia disebut dengan istilah **Emas Dinar**;sedangkan dinar-dinar yang digunakan kini sebagai mata wang,tidaklah lagi menggunakan bahan emas.

Duit ini berbentuk bulat,kecil dan nipis berwarna emas (agak merah kekuningan). Penulis telah membawanya kepada Tukang Emas di Kota Bharu;sesudah ditimbang dan diukur,dapatlah dianalisakan sebagai berikut:

Lilitan: kira-kira 10 milimeter

Tebal : **. 5** milimeter

Berat : **0.6256** gram (23 sen,timbangan emas Kelantan;berbanding duit 5 sen Malaysia kini seberat 52 sen = **1.4144** gram)

Jenis emas: emas 9 atau 8 (tidak jelas).

**Tulisan** pada duit ini bertulis (dibaca dari bawah ke atas) sebelah-menyebelah:

٥٧٧ الله

كلنتن على

الجلوس المتوكل

Tulisan ini dibacakan dari bawah ke atas:

٥٧٧ كلنتن الجلوس (Kerajaan Kelantan 577)

الله على المتوكل (Al-Mutawakkilu `Ala Allah)

Menurut perhitungan Datuk Perdana,tahun 577 Hijriyyah itu bersamaan 1181 Masehi;manakala "*Al-Mutawakkilu `Alallaah;'* pula bererti "Kerajaan yang berserah kepada Allah;" di mana sampai kini Kelantan menggunakan lambang bendera atau tulisan yang bertulis:"*Berserah kepada Tuhan,Kerajaan Kelantan.*"

Sebagai rumusannya menunjukkan Kelantan mendahului negeri Trengganu (Batu Bersurat Trengganu bertarikh 1303 M.),di Pantai Timur dari segi menerima Agama Islam;juga mendahului Melaka (1414 M.) dan lain-lain negeri di Pantai Barat. Duit Dinar ini menunjukkan telah wujud sebuah Kerajaan Islam yang mempunyai undang-undang Islam dan tulisan Arab serta duit Kerajaan yang ditempa sendiri untuk kegunaan orang-orang Islam di Dunia Sebelah Sini.

Untuk mendirikan sesebuah Kerajaan yang mempunyai pemerintah,rakyat,undang-undang dan diut tersendiri bukanlah mengambil masa yang pendek. Jadi kedatangan Islam ke negeri ini tentulah telah agak lama,di mana dia diterima oleh penduduk tempatan,satu generasi demi generasi;kemudian baru wujud masyarakat Islam dan negara Islam yang mempunyai duit dinarnya yang tersendiri,di samping Undang-undang Hududnya.

# DUIT DINAR KELANTAN




